

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 19**

**Isnin**

**24 Julai 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006 (Halaman 52)

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 (Halaman 93)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 24 Julai 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL**

**MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 14(2), pertanyaan lisan nombor 11 pada hari ini hendaklah dijadikan sebagai pertanyaan nombor 2, pertanyaan nombor 2 dibawa kepada pertanyaan terakhir.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada ahli yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ahmad bin Hussin** minta Menteri Kewangan menyatakan bentuk insentif dan pengurangan cukai bagi sektor-sektor terpenting negara seperti pendidikan dan teknologi maklumat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya agak panjang sedikit kerana bidang ini adalah luas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi pendek Yang Berhormat. Jawab sebagai mewakili kerajaan negara Malaysia.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif yang komprehensif meliputi insentif cukai dan bukan cukai telah pun

disediakan bagi sektor pendidikan dan teknologi maklumat demi mempergiatkan lagi pembangunan sektor-sektor tersebut supaya dapat memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Insentif yang telah disediakan meliputi di peringkat penawaran iaitu kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan, pendidikan dan teknologi maklumat serta di peringkat permintaan iaitu kepada individu yang menggunakan atau melanggan perkhidmatan tersebut.

Secara ringkasnya, ini panjang juga Tuan Yang di-Pertua, bagi peringkat penawaran dalam sektor pendidikan, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menyediakan pendidikan dan latihan dalam bidang teknikal, vokasional dan bidang sains tertentu layak memohon galakan elaun cukai pelaburan seratus peratus bagi tempoh sepuluh tahun. IPTS yang diluluskan sebagai syarikat MSC layak memohon galakan taraf perintis untuk tempoh sepuluh tahun.

Bangunan yang digunakan untuk mengendalikan aktiviti pendidikan layak memohon elaun pembangunan industri. IPTS yang mengeksport perkhidmatan pendidikan layak memohon pengecualian ke atas cukai pendapatan berdasarkan prestasi eksport. Perbelanjaan yang dilakukan untuk promosi eksport perkhidmatan pendidikan oleh IPTS diberi potongan dua kali. Perbelanjaan untuk membangunkan kursus baru dan mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan dibenarkan sebagai potongan sekali. Dan peralatan yang tidak dikeluarkan di dalam negara yang digunakan secara langsung oleh IPTS untuk aktiviti pembelajaran layak memohon pengecualian duti import dan cukai jualan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peringkat permintaan dalam sektor pendidikan individu layak menuntut pelepasan cukai RM4 ribu setahun bagi maksud pendidikan setiap anak yang belajar di peringkat:-

- (a) diploma dan ke atas di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dalam negara; dan
- (b) bagi ijazah pertama dan ke atas di institusi pendidikan luar negara yang diiktiraf.

Individu yang mempunyai anak cacat dan anak tersebut menuntut di peringkat pendidikan tinggi adalah layak menuntut pelepasan untuk maksud pendidikan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat boleh izin, bagi saya sedikit laluan. Ini ada seorang Senator bernama Tuan Ahmad bin Hussin. Beliau nak tahu daripada kerajaan, ada tak insentif dan pengurangan cukai bagi dua sektor yang terpenting ini, pendidikan dan teknologi maklumat? Jadi jawapan pertama, mesti ada, habis. Jawapan kedua, dalam bidang pendidikan, ini, ini, ini, dalam bidang teknologi maklumat, ini, ini, ini, ini. Kalau nak terperinci, tolong Yang Berhormat baca habis jawab soalan. Sila Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau begitu, kerja saya lebih mudah. Saya dah jawab. Maknanya ada insentif untuk kedua-dua sektor ini dan detailnya daripada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sahaja tak cukup. Mesti ada.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ada. *[Ketawa]* Kalau Tuan Yang di-Pertua benar, saya nak baca.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dekat mana tadi ya? *[Ketawa]* Okey, untuk peringkat permintaan, dalam sektor pendidikan individu layak menuntut pelepasan cukai. Dah baca, *sorry*. Individu yang ada anak cacat dan menuntut di peringkat pendidikan tinggi, adalah layak menuntut pelepasan untuk maksud pendidikan sebanyak RM4 ribu menjadikan jumlah pelepasan ke atas setiap anak cacat sebanyak RM9 ribu setahun. Individu layak menuntut pelepasan cukai sehingga RM5 ribu setahun ke atas yuran pengajian bagi maksud melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang tertentu.

Individu layak menuntut pelepasan cukai sehingga RM700 setahun ke atas pembelian buku dan individu layak menuntut pelepasan cukai sehingga RM3,000 setahun ke atas bayaran premium insurans pendidikan. Untuk maklumat Yang Berhormat, insentif yang telah disediakan untuk sektor teknologi maklumat pula adalah seperti berikut. Di peringkat penawaran dalam sektor teknologi maklumat, Syarikat Koridor Multimedia (MSC) disediakan galakan perintis bagi tempoh 10 tahun atau elaun cukai pelaburan 100% untuk tempoh lima tahun. Syarikat yang menjalankan aktiviti multimedia di luar *cyber city* layak memohon galakan tarif perintis 50% selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan 50% ke atas perbelanjaan yang telah dilakukan.

Syarikat yang menjalankan kegiatan pembangunan perisian komputer (*Computer Software*) layak menuntut galakan taraf perintis untuk lima tahun atau elaun cukai pelaburan 60% ke atas perbelanjaan yang dilakukan. Syarikat yang membeli komputer layak menuntut elaun modal dipercepatkan supaya keseluruhan perbelanjaan yang dibuat dapat dituntut sepenuhnya dalam masa dua tahun. Keratan yang tidak dikeluarkan di dalam negara yang digunakan secara langsung untuk aktiviti ICT multimedia layak memohon pengecualian duti import dan cukai jualan. Syarikat MSC mendapat faedah mengenai 10 jaminan kerajaan di bawah *bill of guarantees* Tuan Yang di-Pertua.

Bagi peringkat permintaan dalam sektor teknologi maklumat individu yang membeli komputer layak menuntut rebat cukai sebanyak RM500 sekali dalam lima tahun dan kakitangan kerajaan layak memohon pinjaman bagi membeli komputer sekali dalam tempoh lima tahun Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna seperti biasa kerajaan kita mengamalkan satu mekanisme galakan yang merupakan satu, pelepasan atau pengurangan cukai. Dua, galakan tarif yang seakan-akan serupa. Ketiga, rupa bentuk subsidi-subsidi tertentu jika ada dan empat, jaminan-jaminan di bawah *frame work* atau perundangan. Adakah itu merangkumi semua? Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Untuk membantu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau, adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan amaun geran R&D untuk IPTA dan juga IPTS supaya mutu dan kualiti.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup. Tambah satu lagi. Geran pula. Pemberian.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, geran-geran untuk R&D Tuan Yang di-Pertua telah pun diletakkan di bawah MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi). Ini bermakna tiap-tiap individu yang berminat bolehlah minta melalui syarikat masing-masing ataupun melalui universiti-universiti Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah meluluskan untuk menaikkan soalan saya daripada sebelas ke nombor dua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan saya Yang Berhormat. Dewan yang meluluskan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Dewan, kerana Dewan meluluskan. Soalan saya nombor dua. Terima kasih.

2. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **Menteri Keselamatan Dalam Negeri** menyatakan:-

- (a) apakah pihak kerajaan ada melakukan pemantauan ke atas akhbar-akhbar tempatan yang ada kalanya melaporkan sesuatu laporan atau berita yang mempunyai unsur-unsur atau niat melaga-lagakan sesama pemimpin dan mengelirukan rakyat, kerana ini boleh menjejaskan kestabilan negara; dan
- (b) apakah tindakan yang dikenakan ke atas akhbar-akhbar tempatan yang didapati sengaja memutarbelitkan sesuatu isu yang lebih menjuruskan kepada keresahan rakyat kepada kerajaan.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka, liberal dan bertanggungjawab bagi menjamin kebebasan media khususnya akhbar di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk. Di samping itu juga, kementerian memberi ruang yang luas kepada pihak akhbar agar cenderung ke arah pemberitaan bercorak positif, berpengetahuan serta membina minda masyarakat.

Namun begitu, kementerian juga mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan bahan-bahan penerbitan termasuk akhbar tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini dan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat seperti mengelirukan dan memutarbelitkan sesuatu isu bagi membangkitkan keresahan rakyat kepada kerajaan serta menjejaskan kestabilan negara.

Di samping itu, kementerian turut menasihati dan mengingatkan pihak akhbar supaya lebih bertanggungjawab serta mengelak menyiarkan laporan dan berita yang berunsur jahat, bersifat *manipulative*, *exploitative* dan melaga-lagakan sesama pemimpin. Buat masa ini tindakan pengawalseliaan dan penguatkuasaan adalah berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu baikkah Yang Berhormat? Kebebasan ada tapi bila bercorak *exploitative* atau *manipulative*, kerajaan akan berhati-hati. Yang Berhormat perlu tekankan perkara itu.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih, itu memang dasar kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Di samping undang-undang lain seperti Akta keselamatan Dalam Negeri 1990, Akta Hasutan 1998, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986. Kementerian akan mengambil tindakan memberi nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit yang melakukan kesalahan khususnya yang memuatkan artikel-artikel dan gambar-gambar yang menyalahi syarat permit atau garis panduan penerbitan. Jika kesalahan tersebut masih berulang, kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, baru-baru ini beberapa kali kita telah membangkitkan isu iklan arak bersebelahan pemimpin negara kita dan saya dapati bahawa pihak kementerian telah memaklumkan bahawa tindakan akan diambil kepada akhbar-akhbar berkenaan. Untuk pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, pada 22 hari bulan hari Sabtu yang lalu bahawa sekali lagi akhbar *The Star* mempamerkan gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpakaian baju Melayu bersebelahan dengan iklan arak Heineken. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah telah memberi amaran, adakah telah memberi surat tunjuk sebab, mengapa media seolah-olah tidak takut seperti berkuasa sehingga berani menyiarkan iklan seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat itu mempunyai unsur perbezaan di antara kesalahan di bawah undang-undang atau tidak sensitif. Di sini *we have decide* adakah salah kesalahan berlaku di bawah undang-undang, adakah itu satu perkara *lack of sensitivity*.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti tadi, isu ini telah pun dijawab dalam sesi yang lepas, dalam penggulungan ucapan dan juga dalam soalan yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Saya telah jelaskan dalam sesi sebelum ini dasar kerajaan tidak melarang iklan arak atau tidak. Arak tidak dilarang tetapi seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua kita telah menasihati pihak akhbar perlu lebih sensitif dalam isu ini semasa mereka memilih muka surat yang akan menyiarkan iklan tersebut tapi dari segi syarat dan peraturan tidak melanggar syarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pula hendak bertanya, bermakna ada kalanya kurang sensitiviti itu boleh membawa kepada pelanggaran undang-undang. *There are times when the lack of sensitivity and result in a breach of the law.*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kalau apa yang dilakukan oleh pihak akhbar memang keterlaluan dan masih mengulangi dan tidak mengambil nasihat daripada kementerian maka boleh ambil tindakan yang lebih berat kepada pihak akhbar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Soalan tambahan saya ialah apakah ada apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian terhadap akhbar-akhbar yang memaparkan cerita-cerita bercorak seksual, unsur-unsur seks dan cerita-cerita sensasi yang begitu berleluasa sebagaimana yang pernah didedahkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana saya sendiri membuat peninjauan tidak ada pun alamat penerbit dan setengah itu tidak ada pun KDN di akhbar-akhbar sedemikian yang saya rasa memang akan meruntuhkan moral masyarakat kita.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Sebenarnya susulan daripada apa yang telah dibangkitkan dalam Majlis yang mulia ini pihak kementerian telah pun mengambil tindakan pada enam majalah yang menyiarkan dan yang memasukkan gambar-gambar dan artikel-artikel yang bercorak seksual dan tidak sihat kepada masyarakat kita, termasuk membatalkan permit terhadap empat majalah dan menggantung permit terhadap dua majalah tempatan. Kementerian saya juga telah mengarahkan supaya tindakan naziran dan tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan lagi terhadap semua penerbit tempatan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya baru terlintas bahawa kementerian ini adalah kementerian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ya? Yang Berhormat Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya minta maaf Yang Berhormat, kerap kali dalam Dewan ini jawapan Yang Berhormat tidak meyakinkan kami. Saya minta maaf. Saya ingin tahu kerap kali perkara ini tersiar baru tindakan itu diambil. Apakah akhbar ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat menjawab bagi pihak kerajaan. Kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak puas hati dengan kerajaan. *[Ketawa]*

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, memang benar, kadang-kadang kita tidak berpuas hati, Tuan Yang di-Pertua dengan kerajaan. Memang benar. Apakah akhbar-akhbar ini lebih berkuasa daripada kerajaan hingga kementerian tidak dapat mengambil tindakan? Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya itu isu apa? Yang kita kena bezakan seperti yang diperkatakan, sama ada dia telah melanggar peraturan atau tidak. Kalau dia tidak melanggar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam inilah kita hendak jawapan. *[Ketawa]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Kalau tidak melanggar, kita tidak boleh ambil tindakan. Tetapi kalau dia telah melanggar, kita tetap ambil tindakan seperti kita telah batalkan dan telah menggantung permit tiga surat khabar pada tahun ini juga. Misalnya isu gambar karikatur Nabi Muhammad, kita ambil tindakan, bukan tidak ambil tindakan. Kerajaan memang serius terhadap pelaksanaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ini

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan saya beri peluang sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato'.

3. **Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah tindakan dari segi penguatkuasaan telah diambil oleh Kerajaan mengenai kes penyorokan gula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet di dalam Dewan Negara. *[Tepuk]*

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan gula. Seperti yang dilaporkan adalah tidak begitu membimbangkan. Adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa kementerian tidak bersikap proaktif dan lambat dalam menangani isu kekurangan gula. Isu ini sebenarnya memerlukan perhatian dan analisis pasaran bagi mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada masalah kekurangan gula di pasaran.

Punca kekurangan gula adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (i) pada peringkat awal, beberapa kilang pengeluar gula telah berhadapan dengan masalah mendapatkan bekalan gula mentah dari negara-negara seperti Brazil dan Australia menerusi bekalan secara perjanjian bekalan jangka panjang atau *long-term contract agreement*, dengan izin, dan juga bekalan daripada pasaran bebas. Ini ditambah pula dengan masalah yang dihadapi oleh negeri Perlis pada awal tahun 2005, di mana menghadapi masalah banjir yang teruk dan menyebabkan hasil tuaian gula mentah atau tebu terjejas dalam lingkungan 20% hingga 30%;
- (ii) harga gula mentah di peringkat antarabangsa telah meningkat secara mendadak ke paras yang tinggi. Ini telah menyebabkan kilang-kilang pengeluaran gula terpaksa membayar kos yang tinggi berbanding tahun-

tahun sebelumnya untuk mendapatkan gula mentah menerusi pasaran bebas;

- (iii) permintaan pihak industri, sama ada besar mahupun yang kecil termasuk SMI dan juga para pengguna telah meningkat dalam jangka masa yang pendek;
- (iv) kes penyeludupan dan penyorokan gula juga telah menyumbang ke atas kekurangan bekalan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu kekurangan gula ini kementerian telah melaksanakan beberapa strategi seperti berikut:

- (i) mengarahkan kilang-kilang gula menambah bekalan gula sebanyak 10% hingga 15% sehingga keadaan bekalan gula kembali pulih. Kerajaan telah memutuskan bahawa kilang-kilang gula tertentu tidak akan dibenarkan untuk mengeksport gula hingga permintaan gula tempatan dipenuhi;
- (ii) menjalankan satu sistem pengauditan bagi mengesan pengedaran gula daripada pengilang kepada pemborong, seterusnya kepada peruncit dan menggunakan bagi mengesan pembocoran dalam proses pengedaran gula;
- (iii) bagi mengkaji struktur pembelian gula bagi mengawal pembelian gula oleh pihak industri, terutamanya Industri Kecil dan Sederhana yang membolehkan IKS membeli gula secara terus daripada kilang. Manakala pengguna industri yang membeli dalam kuantiti yang kecil akan membuat pembelian melalui agen atau pemborong yang telah dilantik di suatu kawasan;
- (iv) memastikan bekalan gula di semua *hypermarket* dan peruncit besar sentiasa mencukupi dan tidak berlaku kehabisan stok;
- (v) meneruskan penguatkuasaan secara *aggressive* di semua peringkat perniagaan bagi mengesan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti menyorok gula, enggan menjual, menyimpan gula melebihi had yang dibenarkan, agar menyelenggarakan buku-buku stok bekalan gula dan mengenakan syarat penjualan gula.

Antara 1 Mac 2006 hingga 24 Jun 2006 telah terdapat 74 kes melibatkan jumlah rampasan sebanyak 424,024 kilogram gula dan 10 kes telah di kompaun dengan mengenakan kompaun yang bernilai sebanyak RM35,850.

Selain daripada strategi yang disebutkan di atas, strategi jangka panjang, pihak kerajaan menerusi kementerian akan membuat satu kajian bagi memastikan agar ada satu struktur pengedaran yang lebih teratur dan terkawal. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin kemudian Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat manakah keberkesanan cara mengatasi kekurangan ini mencapai matlamatnya kerana gula sehingga kini masih lagi dicatu?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat dari segi masalah yang dihadapi sekarang hanya di sesetengah tempat, contohnya di Perlis, Tuan Yang di-Pertua mungkin maklum, tidak menghadapi masalah di Langkawi, Kedah termasuk di Melaka yang terdekat, di Negeri Sembilan termasuk di negeri Sabah, di beberapa negeri sebenarnya, sebahagian besar dari negeri-negeri di negara kita tidak berhadapan dengan masalah bekalan gula.

Walaupun ada jumlahnya cuma sedikit, yang berlaku ini di *central region*, dengan izin, iaitu di Lembah Klang dan juga beberapa tempat tertentu. Langkah-langkah yang diambil ialah untuk memastikan agar kilang yang kita telah melakukan beberapa peraturan ini mematuhi syor dan cadangan yang telah dikehendaki oleh kementerian untuk membolehkan kita melaksanakan. Saya yakin kalau kilang-kilang ini mematuhi cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan menerusi kementerian, saya yakin ia akan lebih berkesan tetapi dalam pada itu saya akui masih ada kekurangan.

Saya dapati ada kilang yang tidak patuh dengan apa yang kita telah cadangkan supaya mereka membekalkan kepada pihak pemborong, membekalkan pemborong daripada terus kepada pihak peruncit. Kita tahu apa alasan dan agenda di sebaliknya iaitu tekanan untuk pihak kerajaan mengenakan harga yang tinggi. Setelah kita menganalisis, membuat kajian dan perundingan dengan pihak kilang, saya dapati mereka memaklumkan kepada saya, walaupun harga gula di peringkat antarabangsa di paras yang begitu tinggi, tetapi pendekatan yang kita gunakan iaitu mencantumkan *long-term contract agreement* bekalan gula mentah dengan pasaran bebas yang membolehkan kita menawarkan harga gula yang berpatutan.

Tetapi dalam kita menawarkan harga gula yang berpatutan masih lagi kilang-kilang ini mendapat sedikit keuntungan. Ada untung walaupun ia sikit. Itu yang kerajaan telah memutuskan setakat ini bahawa tidak ada sebab untuk kita hendak naikkan harga walaupun harga gula yang ada jauh lebih rendah daripada negara jiran ataupun ada tekanan-tekanan. Saya harap pihak kilang akan dapat mematuhi apa yang telah dicadangkan untuk kita dapat melahirkan dan merealisasikan tindakan yang lebih berkesan yang diambil oleh pihak kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali lagi berbau unsur-unsur *manipulative* dan *exploitative*. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Keberkesanan tindakan penguatkuasaan adalah amat bergantung kepada kekuatan tenaga penguat kuasa. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Menteri kalau kita katakan

kementerian amat kekurangan dari segi kekuatan tenaga penguatkuasaan dan apakah strategi pemantauan dari segi penguatkuasaan yang lebih berkesan atau secara lebih *holistic* boleh diambil bagi menangani masalah yang sering berlaku. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengenai strategi itu sudah pun mungkin terjawab tetapi saya serah kepada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan. Saya akui bahawa bilangan anggota penguat kuasa adalah penting tetapi ia bukanlah satu faktor yang mutlak yang membolehkan kita untuk mengambil tindakan yang lebih berkesan kerana kita akui bahawa dalam keadaan struktur ekonomi yang mana diliputi oleh sistem monopoli, saya ingat Yang Berhormat faham.

Di dalam keadaan sistem monopoli agak serba kita terpaksa berhadapan dengan sistem seperti apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, akan ada unsur-unsur manipulasi di sepanjang sama ada dari segi sistem *supply*, sistem *distribution* sehingga kepada sistem *retail*. Itu yang kita katakan perlu ada pengawalan rapi daripada kilang, peringkat awal iaitu kilang. Kalau sistem pengeluaran daripada kilang, *at the source point* kita tidak boleh *tighten up*, dengan izin, itu akan membebaskan.

Dari segi pengedaran pula, saya dapati 2,841 pengedaran yang cukup besar. Satu daerah di Kelantan contohnya, hanya mempunyai 60 pengedar dan saya dapati bukan mudah untuk kita hendak kawal. Itu yang kita hendak kurangkan, jumlah pemborong, untuk memastikan bukan hanya kita akan berupaya untuk membantu ataupun mengawal tetapi memastikan tidak ada kebocoran ataupun ketirisan di sepanjang kita melaksanakan tanggungjawab ini.

Tetapi yang utama saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum kalau ada unsur-unsur seperti yang kita katakan, monopoli, maka itu akan sedikit sebanyak menjejaskan keadaan pembahagian, apatah lagi dalam konteks barangan ini adalah merupakan barangan yang perlu.

4. **Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **Menteri Penerangan** menyatakan memandangkan Jabatan Penerangan kurang membantu aktiviti di kawasan-kawasan Parlimen dan daerah dari segi publisiti program ataupun maklumat berkenaan kawasan tertentu, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan ini.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan berserta jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Penerangan sentiasa memberikan kerjasama untuk mengadakan publisiti program kerajaan ataupun maklumat-maklumat lain yang berkaitan di kawasan Parlimen dan daerah supaya difahami dan disedari oleh orang ramai. Ia dilakukan melalui kaedah bersemuka, hebahan melalui bahan-bahan bercetak dan media elektronik.

Di samping itu Jabatan Penerangan secara khusus memberi publisiti terhadap aktiviti-aktiviti yang dilaporkan kepada Pejabat Penerangan Negeri atau Pejabat Penerangan Daerah melalui perkhidmatan seperti yang berikut:

- (a) “.....” *Press* iaitu sebaran maklumat acara kerajaan, kenyataan pemimpin negara dan kerajaan dan berita bergambar untuk semua pengamal media kerajaan dan swasta serta orang ramai secara *online*. Dalam erti kata lain itu adalah satu sistem sebaran nota kepada pengarah yang membolehkan maklumat aktiviti semasa di setiap negeri diperolehi melalui internet dengan mudah dan cepat;
- (b) Pusat Maklumat Rakyat atau PMR iaitu sebuah pusat perkhidmatan penyebaran maklumat di setiap Pejabat Penerangan Daerah kepada masyarakat melalui kemudahan portal internet, bahan bercetak dan keterangan secara langsung kepada masyarakat oleh pegawai yang bertugas. PMR itu menawarkan maklumat-maklumat mengenai kemudahan awam, aktiviti pendidikan, kesihatan, keselamatan, kepenggunaan dan sebagainya.
- (c) Penerbitan bahan bercetak iaitu menerbitkan bahan-bahan maklumat yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti kerajaan seperti kempen-kempen kenegaraan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak memberi peluang untuk pertanyaan tambahan sekarang?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Okey, saya akan pendekkan jawapan. Lain-lain kaedah adalah melalui ceramah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma tanya adakah Yang Berhormat hendak beri peluang, Yang Berhormat kata, “Saya akan cuba pendekkan”. Bukanlah itu tekanan yang saya hendak kenakan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tidak apa, saya akan teruskan. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa mengkaji keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan dan seterusnya menyusun langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan penyebaran maklumat tersebut termasuklah melalui pelaksanaan projek-projek menaik taraf prasarana penerangan dan penyiaran serta peningkatan *competency* pegawai melalui program-program latihan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kekurangan aktiviti di kawasan-kawasan Parlimen atau di kawasan-kawasan DUN masing-masing, saya kira bukan sahaja disebabkan oleh bahan cetak yang diedarkan oleh Pejabat Penerangan. Pada pandangan saya, Pegawai Penerangan itu juga menjadi satu faktor penting tetapi sering kali kita hadapi tekanan atau *constrain* daripada parti-parti politik atau wakil-wakil rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya Yang Berhormat.

**Tuan Lee Chee Keong:** Jadi saya ingin tahu pendirian kementerian hendak menjadi penyokong kepada Pegawai Penerangan atau hendak tunduk kepada tekanan atau gangguan daripada parti-parti politik atau wakil rakyat itu sendiri apabila Pegawai-pegawai Penerangan ini diminta tukar kawasan atau dipecat. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal bukannya berkenaan dengan kekurangan aktiviti tetapi kekurangan publisiti. Oleh sebab itu jawapan saya adalah kaedah-kaedah dan cara-cara yang diambil oleh kerajaan untuk menyebarkan atau mengadakan lebih banyak publisiti dan lain-lain kaedah yang saya katakan. Memang tidak ada masalah sama ada dari parti politik ataupun dari lain-lain pandangan.

Tetapi yang mustahak sekali ialah Pegawai Penerangan dan lain-lain pegawai di bawah Jabatan Penerangan memang bekerjasama dengan semua golongan sama ada parti politik ataupun Ahli-ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di mana mereka boleh bersama-sama menjalankan aktiviti dan menjalankan kempen supaya kita mencapai matlamat kerajaan di mana pembangunan aktiviti dapat diterangkan kepada rakyat supaya rakyat lebih memahami tentang program-program dan projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam pembinaan rumah-rumah di atas atau di bawah cerun bukit memandangkan kejadian tanah runtuh semakin menjadi-jadi di kawasan perumahan. Apakah langkah yang perlu diambil oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Tempatan merupakan salah satu rancangan kemajuan yang digunakan untuk mengawal bangunan di lereng bukit. Setiap pihak berkuasa tempatan atau PBT yang mempunyai Rancangan Tempatan yang menunjukkan kawasan-kawasan lereng bukit yang tidak dibenarkan untuk menggunakan sama sekali atau dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu dan dialog jabatan kerajaan mengenai lereng bukit.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Tempatan ini menjadi rujukan kepada PBT di dalam memproses permohonan kebenaran merancang bagi projek perumahan di lereng bukit. Di dalam memproses permohonan ini, PBT akan memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Rancangan Tempatan diambil kira di samping mengenakan syarat kepada pihak pemaju jika permohonan diluluskan. Untuk tujuan kawalan dan penyelarasan juga, seksyen 22 subseksyen 2A Akta Perancangan Bandar dan Desa juga menetapkan bahawa sesuatu kemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit dalam kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan alam sekitar yang sensitif dalam sesuatu rancangan kemajuan seperti Rancangan Tempatan dan Rancangan Struktur perlu dirujuk kepada Majlis Perancangan Fiskal Negara untuk menasihatinya berkenaan dengan permohonan itu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, KPKT, kementerian saya juga sedang menyediakan kaedah-kaedah kawalan perancangan dan pembangunan tanah tinggi dan lereng bukit berserta garis panduan pelaksanaannya. Antara lain kaedah-kaedah ini menggariskan apa-apa perkara yang perlu diberi pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memberi kebenaran merancang. Kaedah-kaedah ini juga mencadangkan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh PBT semasa memberi kebenaran merancang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dan kemudian Yang Berhormat Tuan Chiam.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam kes tanah runtuh di Kampung Bukit Pasir, Taman Bukit Zoo, Perdana Menteri kata, kenapa bagi amaran sahaja. Ambil tindakanlah. Jadi, saya ingin tahu, apa standard yang digunakan untuk membenarkan projek perumahan di lereng bukit dan kenapa projek Bukit Emas yang benar-benar membahayakan tidak dihentikan segera. Sekian.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil beberapa langkah termasuk projek yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, seperti berikut:

- (i) menyediakan satu garis panduan pembangunan di kawasan berbukit pada tahun 1997, garis panduan rancang pemeliharaan topografi semula jadi di dalam perancangan dan pembangunan fiskal mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.
- (ii) mengadakan kursus kepada pegawai teknikal PBT di semenanjung Malaysia dari masa ke semasa. Kursus-kursus yang berkaitan ialah kursus ringkas kepada semua pegawai teknikal PBT di semenanjung Malaysia, kursus teknikal untuk pegawai-pegawai yang terlibat dalam kelulusan pembangunan jika memerlukan polisi dasar serta arahan-arahan yang berkaitan kepada pegawai teknikal dalam mesyuarat berkala bagi pegawai PBT seperti arkitek, jurutera dan pembantu teknik.

Wakil Jabatan Kerajaan Tempatan terus menganggotai Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan Penyelenggaraan Cerun yang dipengerusikan oleh Cawangan Cerun, JKR.

Tentang kes itu, ini adalah spesifik. Tetapi sekarang satu jawatankuasa kerja iaitu JKKTR telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh JKR. Jawatankuasa Kerja Tanah Runtuh ini akan mengenal pasti semua cerun dan...

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** ...bagi cerun yang berisiko tinggi. Ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun hendak apa?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hanya ada dua sebab yang membolehkan Ahli Yang Berhormat bangun macam Yang Berhormat bangun tadi; Peraturan Mesyuarat, sebutkan Peraturan Mesyuarat berapa atau minta laluan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya tidak tahu Peraturan Mesyuarat berapa, tapi saya tidak faham jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka saya tidak perlu... Yang Berhormat, silakan beri jawapan. Kadang-kadang kenyataannya memang kita berbeza-beza dalam penguasaan bahasa dan kemampuan. Tidak perlulah kita papar-paparkan.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Kes ini adalah spesifik. Jadi, saya minta notis dan begitu juga tentang kes di Bukit Emas itu tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bijak, Yang Berhormat.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Saya minta notis bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Chiam

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah untuk kawasan perumahan yang sedia ada di atas ataupun di bawah cerun bukit, adakah wujudnya satu mekanisme yang menetapkan kawal selia yang rapi terutamanya pada musim hujan untuk memastikan bahawa kawasan perumahan itu keadaannya selamat, dan juga untuk memberi amaran sekiranya akan berlaku bencana alam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada fikiran saya, sebahagian besar daripada pertanyaan tadi sudah pun terjawab tadi. Adakah ya?

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Ya. Tadi saya sudah jawab bahawa satu jawatankuasa kerajaan telah ditubuhkan iaitu di bawah Jabatan Kerja Raya dan jawatankuasa ini akan mengenal pasti semua kawasan tanah tinggi atau bukit. Jika ada sesuatu senario yang membahayakan jawatankuasa ini akan memberikan khidmat nasihat kepada agensi-agensi tertentu untuk mengawal khasnya semasa musim hujan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon izin untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai teguran saya tadi. Kerajaan kita ialah kerajaan yang diasaskan di atas prinsip kongsi kuasa dan kerana politik negara kita adalah politik yang bersandarkan di atas pelbagai kaum, pemilihan menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha parlimen di dalam kerajaan tidak semata-mata bersandarkan kepada penguasaan bahasa tetapi pertimbangan-pertimbangan lain yang lebih besar.

Saya berharap, Yang Berhormat peka terhadap perkara ini demi mendukung prinsip kongsi kuasa yang mana merupakan punca utama kesejahteraan, kesinambungan dan kelangsungan negara ini.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dibenarkan, Yang Berhormat. Masa pertanyaan tidak boleh dibenarkan.

6. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Pelancongan menyatakan di manakah destinasi yang agak sesuai bagi rakyat Malaysia untuk melancong, yang tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi di negara Asia ini yang terjamin keselamatannya. Di manakah destinasi baru di Asia dan Eropah yang sesuai dengan rakyat berpendapatan sederhana seperti di Hong Kong. Apa kelebihan tempat-tempat ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, fungsi utama Kementerian Pelancongan adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan yang unggul di dunia dan menggalakkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Kementerian Pelancongan juga bertanggungjawab menggalakkan rakyat Malaysia untuk melancong di dalam negara sendiri bagi mengelakkan pengaliran mata wang ke luar negara.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Berikutan dengan itu pelbagai usaha telah dijalankan bagi mencapai matlamat berkenaan termasuklah menghasilkan produk-produk pelancongan yang berkualiti dan juga mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing dan rakyat Malaysia sendiri. Walau bagaimanapun bagi rakyat Malaysia yang berminat untuk melancong ke luar negara, mereka boleh menghubungi agensi-agensi pelancongan yang menguruskan lawatan keluar negara yang boleh memberi maklumat terperinci mengenai negara-negara yang ingin dilawati.

Sebagai contoh, rakyat Malaysia yang berminat melancong ke negara Asia yang perbelanjaannya tidak tinggi ialah negara Thailand, Indonesia, Vietnam, Filipina dan Singapura; dan bagi negara-negara Eropah pula, di negara-negara Eropah Timur seperti Poland, Chezk Republik dan lain-lain. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan dan selepas itu Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dahulu kita sering melawat ke Jakarta, Bandung, Medan, Bali. Tetapi, apabila berlaku letupan bom di Bali dan Jakarta, kita rasa tidak selamat lagi ke sana. Bagaimanakah tahap keselamatannya sekarang ini? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan. Apa yang berlaku di negara-negara luar memang kita boleh dapat maklumat itu dari surat khabar atau internet, dan keadaan di sebuah negara yang lain kita memang selalu dapat maklumat yang terperinci dari Wisma Putra dan kita melalui Wisma Putra akan memberitahu kepada rakyat Malaysia.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita lihat di Thailand, Kerajaan Thailand boleh jadikan satu pulau iaitu Phuket atau satu pantai iaitu Pattaya dijadikan sebagai satu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia dengan kemudahan-kemudahan asas yang baik dan ekstensif dengan aktivitinya. Jadi bolehkah kita di Malaysia berganding bahu bekerjasama dan bersama-sama menjadikan Bukit Bintang sebagai satu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia dengan kos lawatan yang sederhana. *[Tepuk]*

Jadi dengan aktiviti dan keperluan yang diadakan di Kuala Lumpur, kalau orang asing datang ke Malaysia, tempat yang pertama yang dilawat ialah Kuala Lumpur. Apabila pergi Kuala Lumpur, iaitu Bukit Bintang. Kalau tempat itu di waktu malam tiada aktiviti yang baik, jadi orang tidak datang. Industri pelancongan akan terjejas, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, kementerian Yang Berhormat, apakah tindakan yang sesuai dan apakah langkah-langkah yang positif akan diambil dan perlu diambil untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2007, ini penting untuk negara kita. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng. Bandingan Yang Berhormat itu memang kurang tepat, sebab kalau hendak banding Bukit Bintang, kita mesti banding dengan Park Pong atau di Japan – Shikoku. Itu memang mesti kita banding, sebab Phuket itu kawasan laut, tepi laut. Itu kalau kita hendak banding, kita mesti banding dengan Port Dickson. Kita haraplah dengan pandangan Yang Berhormat, kita boleh tengok macam mana kita jadikan kawasan Bukit Bintang sebagai sebuah tempat yang pelancong akan melawat. Memang pada masa ini kita ada jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu untuk menaikkan tahap kawasan pelancongan kita dan saya pun akan menjemput Yang Berhormat ke jawatankuasa yang tertentu, sekian.

7. **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rasionalnya kerajaan memberi kemudahan kepada Air Asia untuk beroperasi menggunakan terminal sendiri (LCCT) sedangkan lokasinya lebih jauh daripada terminal utama KLIA di mana secara tidak langsung menyukarkan penumpang transit yang ingin menggunakan perkhidmatan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir yang kemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, terminal tambang murah atau *low cost carrier terminal*, dengan izin KLIA adalah untuk menampung keperluan industri penerbangan tambang murah yang beroperasi dengan kos yang rendah. Dengan adanya terminal ini syarikat penerbangan tambang murah dapat menjimatkan kos melalui *turn around time* dengan izin yang pantas juga *process check in* yang mudah dan tiada *charge aero-bridge* yang sekali gus mengurangkan harga tiket.

Terminal tambang murah ini bukanlah semata-mata untuk Air Asia, tetapi adalah untuk semua syarikat penerbangan tambang murah dari dalam dan luar negara yang berminat datang

ke terminal tersebut. Walaupun terminal ini agak jauh daripada terminal utama KLIA, kerajaan telah pun menyediakan perkhidmatan bas dan teksi di antara kedua-dua terminal bagi memudahkan penumpang khususnya transit di antara terminal-terminal tersebut. Perkhidmatan bas disediakan oleh dua buah syarikat dengan kadar tambang RM1.50 sehalu. Bas tersebut beroperasi setiap 15 minit dan hanya mengambil masa perjalanan selama 20 minit. Perkhidmatan teksi yang sedia ada di terminal utama juga boleh digunakan oleh penumpang transit untuk ke terminal tambang murah dan sebaliknya. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, saya ingin tahu Air Asia ini nasional *carrier* ke apa? Kenapa maksudnya Air Asia boleh kata kerajaan tidak adil, kerana membenarkan MAS untuk memulakan balik tiket diskaun ini, tambang diskaun dan saya ingin tahu kenapa MAS sering dibebankan dengan masalah Air Asia. Contohnya, iaitu MAS mestilah memberikan perkhidmatan kejuruteraan kepada pesawat-pesawat Air Asia, sedangkan MAS guna Boeing dan Air Asia akan menempah Air Bus. Tidakkah ini menyusahkan MAS? Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memanglah Air Asia ini bukanlah, nasional *airline*. Nasional *airline* ini ada satu sahaja iaitu MAS. Tetapi, ini telah diperbincangkan oleh kedua-dua pihak sama ada mereka bersetuju satu ketika dahulu dan kemungkinan dibangkit semula dan tidak bersetuju dan perlu dibawa balik kepada perbincangan, iaitu adalah di antara dua pihak kerana bagi pihak Air Asia pula, mereka ada sehingga 1 Ogos, apa yang telah dipersetujui untuk mereka menjalankan apa yang telah dipersetujui itu. Jadi pada saya, memang saya sedikit sebanyak bersetuju pandangan Yang Berhormat itu bahawasanya kita harap mereka kedua-dua ini dapat bekerjasama dan saya rasa setakat hari ini, bukanlah satu bebanan yang besar kepada MAS, tetapi MAS kenalah bawa perkara ini kepada Air Asia untuk mereka bersetuju untuk mendapat kerjasama yang lebih erat bagi menjalankan penerbangan mereka dengan cara yang lebih .... dan juga dapat diterima oleh penumpang-penumpang yang sama ada menaiki MAS ataupun Air Asia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, penanya asal soalan tadi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, selain dari Air Asia, boleh Yang Berhormat namakan syarikat-syarikat lain yang menggunakan LCCT ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Setakat hari ini Yang Berhormat, hanya Air Asia sahajalah, Air Asia yang telah menggunakan LCCT itu pada ketika ini. Tetapi, kita harap pada masa-masa hadapan mungkin ada *low cost carrier* yang lain yang sanggup singgah di *low cost terminal* kita yang disediakan di LCCT.

8. **Ir. Hiang A Li** minta Menteri Kerja Raya menyatakan Lebuh Raya Pantai Timur telah disiapkan dan diguna pakai, akan tetapi masih ada banyak bahagian di lebuh raya yang menakung air apabila hujan, dan ini adalah sangat berbahaya kepada pengguna-pengguna lebuh raya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan syarikat MTD Capital Bhd, iaitu kontraktor bagi projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1 dari Karak ke Kuantan dan sempadan Pahang Terengganu. Mengambil tindakan dengan melaksanakan turapan semula dengan lapisan baru di lokasi yang telah dikenal pasti bermasalah, iaitu dari Lanchang ke Temerloh iaitu KM100-KM131 bagi mengatasi masalah air bertakung. Di samping itu kerja-kerja pembinaan *median drain*, dengan izin bagi menaik taraf sistem perparitan juga telah dilaksanakan. Selain dari lokasi di atas, pihak MTD juga telah melaksanakan kerja-kerja pembaikpulihan turapan dan pembinaan *median drain*, dengan izin di jajaran antara Maran dan Kuantan iaitu Kilometer 102 ke 203 ke arah Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah yang sama. Ketika ini juga pihak LLM (Lembaga Lebuh Raya Malaysia) dan MTD Capital Bhd., sedang mengkaji tahap kualiti turapan dan keadaan profil lebuh raya secara terperinci daripada lokasi lain dan tindakan pembaikan yang bersesuaian akan dilaksanakan.

Pemantauan berterusan akan dilaksanakan terhadap keseluruhan lebuh raya dan sebarang kelemahan yang dikesan akan diambil tindakan segera. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita mengakui, kerajaan mengakui masalah ini berlaku di banyak lebuh raya terutamanya lebuh raya yang baru. Adakah kementerian merancang supaya semak semula reka bentuk sistem perparitan untuk lebuh raya. Inilah saya nampak masalah ialah reka bentuk itu. Ada perancangan untuk menyemak semula supaya reka bentuk itu untuk sistem perparitan yang lebih cukup dan lebih besar.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang setiap projek atau jalan raya memang mengikut reka bentuk yang bersesuaian dengan masa sekarang. Saya tahu Lebuh Raya Pantai Timur ini memang mula-mulanya masalah *super elevation* pun telah pun menjadi masalah. Sekarang permukaan jalan ini pun jadi masalah. Bertakung air, tetapi kita sentiasa memantau dan pihak LLM memang ada standard ada piawaian untuk semua lebuh raya.

Cuma lokasi-lokasi tertentu kerana keadaan tanah, keadaan bukit mungkin memberi sedikit masalah. Tetapi apa masalah juga akan di baik pulih segera oleh pihak kontraktor dan juga LLM. Memang ada juga di semua lebuh raya di negara kita ini telah pun ada penyelenggaraan dan bukan sahaja lebuh raya, semua jalan-jalan ada juga kita tiap-tiap tahun memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk menjalankan penyelenggaraan. Saya ingat ini telah menjawab soalan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Sharifah Azizah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Aminah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya Saripah Aminah, bukan Sharifah Azizah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maaf Yang Berhormat, kerana ada dua Sharifah di sini. [Ketawa].

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan banyak projek-projek jalan raya. Yang menaik taraf, yang baru dan lain-lain. Apa pandangan Yang Berhormat tentang kontraktor-kontraktor yang bermasalah yang membuat jalan-jalan pada RMK8, RMK7 itu akan diberi juga kontrak dalam RMK-9 ini atau pun ada kajian yang dibuat untuk di *blacklist* kan kontraktor-kontraktor yang bermasalah ini? Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kalau kontraktor yang telah gagal atau yang tidak dapat menyiapkan jalan yang projek ini, kementerian kita sentiasa tolong, membuat bantuan. Kalau tidak dapat dibantu lagi, mungkin ianya akan di senarai hitam atau *black list*. Kita telah pun membuat ada juga *black listing* beberapa kontraktor bukan tidak ada, ada. Dan kalau ianya telah berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ianya tidak akan diberi kerja lagi. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Datuk Dr. Lee.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya balik dari Perlis ke Kuala Lumpur. Sepanjang jalan lebuhraya dari Kangar ke Sungai Petani, jalan itu *uneven road, bumpy road* dengan izin. Jadi saya bawa kereta Rexton dengan lajunya 110km. Tapi bahaya kalau jalan itu tinggi rendah, tinggi rendah. Jadi saya kasihan dengan orang membawa kereta yang kecil. Kancil dan Kenari. Mereka jalan begitu laju. Bila sampai sungai yang kecil ada bertingkat sikit, *elevated* sikit. Jadi bila dengan laju 110km, memang bahaya. Jadi saya hendak minta Menteri Kerja Raya mintalah PLUS menaik taraf atau membaiki sepanjang jalan dari Perlis ke Sungai Petani kerana kami membayar tol begitu tinggi.

Jadi kalau jalan-jalan tidak diperbaiki, siapa terjejas siapa menghadapi masalah? Rakyat jelata. Jadi kalau kita bayar cukai, *I mean* tol yang tinggi, *please* lah tolong sikit perbaiki jalan untuk kebaikan semua lapisan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Itu merupakan rayuan daripada Yang Berhormat dan bukan soalan tambahan.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta kementerian boleh memberi jawapan.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup menjawab lah. Yang Berhormat Datuk Lee ini kawan lama juga, dia dahulu di dewan rakyat. Tadi dia *promote* kan Bukit Bintang juga. Saya dengar tadi Yang Berhormat memandu kereta Rexton. Kereta ini dipasang dengan enjin Mercedes tau. Mungkin Yang Berhormat memandu dengan laju

sangatlah. Dia kata 100, tapi mungkin lebih la. Tetapi betul juga, kalau ada mana-mana jalan kalau kita macam ombak sana, kita boleh bagi tahu pihak LLM supaya kita akan membaiki di mana-mana tempat sahaja. Kerana tol, kalau bagi tol kalau kita tol ini tinggi juga tidak benar. Kalau kita berbanding dengan negara-negara yang lain, yang tol dikutip oleh pihak konsesi di Malaysia ini memang masih terendah di serantau dan juga termasuk di negara China, negara Indonesia juga terlebih tinggi daripada kita, Thailand juga tinggi. Saya tahulah Yang Berhormat doktor selalu ada pergi sanalah.

*[Dewan gamat seketika dengan ketawa]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** You doktor Yang Berhormat tahu juga berapa tinggi ya. *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan sudah jelas. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Munusamy.

9. **Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian menjalankan kelas-kelas khas bagi pelajar-pelajar cemerlang dan lemah dalam pelajaran bagi semua kaum di sekolah-sekolah menengah untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah(KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1983 dan Kurikulum Sekolah Menengah atau KBSM yang diperkenalkan pada tahun 1989 bertujuan melahirkan murid-murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pembangunan kurikulum KBSR dan KBSM adalah berasaskan kepada falsafah pendidikan kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Negara, perkembangan dunia semasa, teori pembelajaran dan saranan UNESCO seperti dengan izin, *the four pillars of education* iaitu *learning to know, learning to do and learning to live together*.

Di peringkat sekolah rendah, program pengayaan disediakan bagi murid-murid yang cemerlang. Manakala bagi murid-murid lemah, program pemulihan disediakan. Antara program pemulihan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran ialah kelas pemulihan khas dan kelas pembelajaran ringan KBSR. Guru-guru yang melaksanakan pemulihan ini ialah guru pemulihan yang disediakan. Manakala di peringkat kebangsaan, di peringkat sekolah menengah pula, kementerian juga telah menengah menyediakan pelbagai program bagi membolehkan murid-murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dan seterusnya bersedia menghadapi peperiksaan awam di sekolah menengah seperti PMR, SPM dan STPM.

Kebanyakan program bagi pelajar cemerlang dan juga pelajar lemah diurustadbirkan oleh Panitia Mata Pelajaran yang berkaitan dan juga kaunselor sekolah. Program-program yang dijalankan untuk murid-murid cemerlang dan lemah, antaranya:

- (i) bengkel;
- (ii) kursus kecemerlangan;

- (iii) kursus intensif;
- (iv) gerak-gempur peperiksaan;
- (v) teknik menjawab soalan;
- (vi) kelas tambahan;
- (vii) skim tuisyen;
- (viii) kelas bimbingan cuti sekolah;
- (ix) kelas bimbingan mata pelajaran;
- (x) mentor-mentee;
- (xi) program anak angkat dan sebagainya.

Aktiviti yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan prestasi murid-murid agar mereka dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian memantau prestasi pelajar-pelajar yang mengikuti program-program seperti ini khasnya program-program pemulihan bagi pelajar-pelajar yang lemah dan berapa peratus pelajar-pelajar yang lemah ini setelah mengikuti program-program ini telah menambah prestasi mereka? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang spesifik dari segi bilangan pelajar itu tidak ada bersama saya pada masa ini, saya minta notis. Tetapi dari segi pelajar yang lemah kalau saya difahamkan pelajar yang masih tidak dapat menguasai 3M, kita dapati di sekolah rendah seramai 4.4% tidak dapat menguasai 3M dan juga di sekolah menengah seramai 0.8% iaitu *less than* 1% dengan izin dan ada beberapa faktor yang menguasai kebolehan seseorang pelajar itu mengikuti pelajaran dalam kelas.

Di antaranya mungkin segelintir pelajar ini mereka ini menghadapi masalah belajar ataupun dengan izin *learning difficulty* seumpama *autism* ataupun *dislearn sick* dan juga antara lain-lain faktor yang mungkin ada satu impak di atas prestasi murid itu adalah seperti kata murid-murid ini tidak dapat mengadakan pendidikan awal pra sekolah, mereka ini lewat masuk tahun satu dan juga mereka ini mempunyai masalah keluarga. Tetapi di kementerian, kita selalu memantau semua program termasuk juga kualiti P&P ataupun Pengajaran dan Pembelajaran dan juga tahap pencapaian semua pelajar termasuk pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains yang kini dipelajari dalam Bahasa Inggeris. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk membimbing dan juga menolong pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran terutamanya tahun pertama dan kedua selepas mereka memasuki sekolah menengah, bolehkah kementerian melatih guru bimbingan dan guru pemulihan yang lebih berkesan dengan melatih dan melantik guru bimbingan dan guru pemulihan itu selain mereka boleh bercakap dalam bahasa Malaysia juga boleh bertutur

dalam bahasa yang kebiasaannya murid-murid yang lemah itu seperti bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Kadazan Dusun, bahasa Dayak atau loghat bahasa Malaysia tempatan ataupun bahasa Siam dan bahasa Orang Asli supaya bimbingan dan aktiviti pemulihan itu begitu berkesan. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ini adalah satu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat, memang ini ada satu cadangan yang saya akan bawa balik tetapi di mana-mana sekolah yang mempunyai guru-guru yang berlainan keturunan mungkin ini adalah suatu kelebihan untuk sekolah itu. Tetapi saya rasa bukan semua sekolah yang mengadakan guru khususnya di sekolah-sekolah kebangsaan yang fasih dalam loghat-loghat atau bahasa yang lain tetapi saya akan membawa balik cadangan ini. Terima kasih.

**10. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan tentang usaha mewujudkan institusi keluarga yang mantap seperti yang terdapat dalam Pelan Integriti Nasional. Apakah program-program spesifik yang dirancang oleh kementerian untuk mencapai sasaran ini. Dulu ada kempen 'Rumahku Syurgaku', sila laporkan juga setakat mana kejayaannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**[Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sasaran yang keempat seperti digariskan dalam Pelan Integriti Nasional ialah memantapkan institusi keluarga. Sasaran ini boleh diukur antaranya melalui pengurangan kadar perceraian, pengurangan konflik keluarga seperti isu perebutan harta dan hak penjagaan anak-anak serta pengurangan kadar keganasan rumah tangga.

Selain dari itu, peningkatan bantuan kepada keluarga ibu tunggal dan bapa tunggal juga boleh dilihat sebagai penanda aras. Pengurangan kadar pengabaian warga tua dan kadar penderaan serta pengabaian kanak-kanak juga boleh dilihat sebagai penentu kejayaan sasaran ini. Justeru itu, antara program-program spesifik bagi mengurangkan kadar perceraian adalah Program Pra Perkahwinan Smart Start kepada pasangan baru dan yang akan berkahwin yang telah dilancarkan pada tahun 2005.

Bagi memantapkan perkahwinan dan cara gaya keibubapaan satu lagi Program Khusus Perintis Cara Gaya Keibubapaan - Ibu Bapa Bekerja (*Parenting at Work*) dengan izin, akan dilaksanakan di tempat kerja bagi tempoh setahun bermula dengan pejabat-pejabat agensi kerajaan terpilih. Selain itu, bagi program-program mengurangkan konflik keluarga seperti isu perebutan harta dan hak penjagaan dan pengurangan kadar keganasan rumah tangga, kementerian akan meningkatkan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dan juga melaksanakan Program Turun Padang di mana pegawai-pegawai kaunselor kementerian akan pergi kepada masyarakat untuk memberikan perkhidmatan runding cara dan kaunseling.

Selain itu perkhidmatan mediasi juga sedang dipertimbangkan untuk disediakan di peringkat kementerian bagi membolehkan pasangan yang telah memfailkan perceraian di

mahkamah boleh berunding terlebih dahulu di antara satu sama lain bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit dan ini dijangka akan dapat mengurangkan tempoh perbicaraan di mahkamah.

Kementerian juga sedang mengkaji dasar dan perundangan sedia ada bagi memastikan kes-kes keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dapat dibendung melalui peruntukan undang-undang yang ketat. Bagi memastikan golongan ibu tunggal atau bapa tunggal setelah golongan miskin terbelah, kementerian telah menaikkan kadar bantuan kewangan yang diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Berkaitan kempen 'Rumahku Syurgaku', kempen ini adalah di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Konsep dan falsafah bagi mencapai matlamat 'Rumahku Syurgaku' ini adalah berasaskan kepada syariat Islam yang merangkumi segenap aspek kehidupan.

Bagi pihak kementerian, kempen yang dilaksanakan adalah kempen media, 'Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang' dan sebanyak 83 Program Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang di peringkat akar umbi melalui pemimpin-pemimpin wanita dan NGO pada tahun 2003 telah pun dilaksanakan.

Kementerian ini melalui LPPKN juga sedang merancang bagi mewujudkan rangkaian Kompleks Kasih Keluarga yang menyediakan perkhidmatan setempat bagi keluarga. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Peruta:** Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan selepas itu penanya asal soalan, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks rumahku syurgaku ini, dalam Islam mengatakan bahawa syurga adalah di bawah tapak kaki ibu. Saya ingin tahu bila sebenarnya kita hendak melaksanakan cuti *maternity* daripada 60 hari kepada 90 hari ini sebab kalau kita lihat:

- (i) Vietnam – 120 hari;
- (ii) Singapura – 12 minggu;
- (iii) China – 90 hari;
- (iv) India – 12 minggu; dan
- (v) Iran – 4 bulan

Kenapa lambat sangat sebab saya tahu hendak melahirkan anak ini bukanlah mudah sebab pengalaman saya sebab isteri pertama saya, saya dapat lapan anak dan isteri kedua belum ada jodoh lagi.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan ini akan disampaikan kepada Yang Berhormat pada soalan ke-16. Tetapi nampaknya...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya takut tidak sampai sahaja.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Yalah. Saya pun tahu sebabnya. Oleh itu, saya pun jawablah di sini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat untuk mewujudkan masyarakat penyayang serta memperbaiki persekitaran dan peraturan, kerja yang

mesra keluarga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang mengambil langkah untuk melanjutkan cuti bersalin 60 hari kepada 80 hari dalam sektor awam. Cadangan ini juga adalah selaras dengan ketetapan Pertubuhan Buruh Kebangsaan yang dibuat melalui '*Convention C' 183 Maternity Protections Convention 2000*.

Walau bagaimanapun, cadangan pelanjutan tempoh cuti bersalin ini memerlukan kajian dan pertimbangan yang lebih mendalam dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak dalam sektor awam sebelum ianya dapat dikuasakan. Ini adalah untuk memastikan pelanjutan cuti tersebut tidak mendatangkan implikasi yang negatif kepada pihak-pihak yang terlibat. Antara aspek yang perlu dipertimbangkan sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan adalah kesan dari segi kewangan, produktiviti dan daya saing sesebuah organisasi serta impaknya kepada negara terutama dalam bidang pekerjaan kritikal seperti pendidikan, perubatan, penyelidikan, pengurusan tertinggi, pentadbiran dan lain-lain.

Ini adalah kerana, kepakaran yang dimiliki oleh pegawai dan kakitangan yang berkenaan tidak dapat diganti dalam masa yang terdekat. Cadangan pelanjutan tempoh cuti bersalin akan memberi implikasi kepada ekonomi negara. Di samping memberi kesan kepada produktiviti akibat ketidakhadiran pegawai dan kakitangan awam wanita yang cuti bersalin, ianya juga akan membawa kepada implikasi kewangan kepada kerajaan seperti bayaran elaun tanggung kerja selain gaji bulanan pegawai dan kakitangan wanita yang cuti bersalin.

Sekiranya cadangan pelanjutan cuti bersalin selama 84 hari dipersetujui bagi sektor awam, kemudahan yang sama mungkin perlu dipertimbangkan oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, pelanjutan tempoh cuti bersalin bagi sektor swasta akan meningkatkan kos operasi perniagaan memandangkan majikan terpaksa membayar gaji pekerja yang cuti bersalin dengan bergaji penuh tanpa produktiviti pekerja di samping perlu mendapatkan pekerja sementara untuk menggantikan kakitangan wanita cuti bersalin. Namun begitu, implikasi kewangan yang dinyatakan akan dapat diimbangi dengan faedah jangka panjang yang akan dinikmati dalam aspek pembangunan insan. Di samping dapat memberi waktu kepada ibu memulihkan kesihatan, ianya juga dapat memberi peluang kepada ibu untuk menyusui anak yang baru lahir itu dengan lebih sempurna. Bayi yang menyusui susu ibu adalah lebih sihat daripada yang menyusui gantian kerana susu ibu.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Ya. Saya telah ringkaskan tetapi masih ada banyak lagi. Biar saya menyempurnakan jawapan saya, terima kasih. Kerana susu ibu membantu meningkatkan sistem imunisasi bayi. Oleh itu, dengan apa yang tadi saya sampaikan, ini bermakna KPWKM akan terus berusaha untuk menangani isu cuti bersalin ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabaslah kepada pihak kementerian kerana telah mengadakan banyak program untuk

memantapkan lagi institusi kekeluargaan. Tetapi pertanyaan saya, berapa ramaikah penglibatan kaum Adam yang bernama suami bersama-sama di dalam tiap-tiap program. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa yang perlu jawab Yang Berhormat cuma angka itu sahaja.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Saya tidak ada angka dengan saya tetapi soalan ini adalah soalan yang sering kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu, saya juga ingin ambil kesempatan ini untuk merayu kepada semua Ahli Parlimen kaum lelaki supaya kita dapat bekerjasama untuk menarik lebih kaum lelaki untuk menyertai program-program yang dianjurkan oleh kementerian kita. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**12. Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah kerajaan untuk mencapai sasaran ketiga Pelan Integriti Nasional yang menekankan usaha untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan yang berintegriti.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta adalah pemacu pembangunan dan penjana pertumbuhan ekonomi Malaysia. Isu utama mengenai integriti sektor swasta yang dititikberatkan dewasa ini ialah tadbir urus korporat. Sifat ekonomi Malaysia yang terbuka dan kemakmuran ekonomi selama beberapa dekad ini memberi peluang bukan sahaja kepada sektor swasta luar negara untuk beroperasi di negara ini tetapi juga untuk sektor swasta dalam negeri beroperasi di pasaran global.

Walau bagaimanapun, beberapa peristiwa yang berlaku di peringkat dunia dan di dalam negeri dalam tahun-tahun kebelakangan ini menunjukkan betapa pentingnya tadbir urus terbaik dijadikan prinsip yang menjiwai syarikat serta membimbing perlakuan para pegawainya. Prinsip ini menggariskan bagaimana para pegawai tersebut harus bertingkah laku dan bertanggungjawab terhadap para pelabur dan pihak berkepentingan yang lain.

Pelbagai skandal dan penyelewengan yang melibatkan syarikat-syarikat antarabangsa dan tempatan menunjukkan betapa pentingnya isu tadbir urus terbaik dilaksanakan. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan adalah pengawasan dan penguatkuasaan oleh institusi yang berkuasa seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) ke atas sektor tersebut agar segala gejala semacam ini dapat dibendung, integriti ditingkatkan dan kemakmuran ekonomi dapat dikekalkan.

Selain itu, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) merupakan mekanisme sektor awam untuk menangani isu etika dan integriti dalam perkhidmatan awam dan kerajaan. Oleh sebab sektor swasta tidak mempunyai mekanisme yang sama, maka satu langkah positif telah

diambil oleh Kementerian Kewangan dengan menubuhkan Jawatankuasa Kewangan Tingkat Tinggi dengan izin, *High Level Finance Committee* pada tahun 1998 sejurus selepas krisis kewangan 1997.

Hasil inisiatif tersebut satu kod mengenai tadbir urus korporat yang dikenali sebagai *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) telah diterbitkan pada Mac tahun 2000. seterusnya, setiap syarikat dalam laporan tahunan, masing-masing dikehendaki memasukkan kenyataan mengenai tadbir urus korporat yang melaporkan bagaimana prinsip-prinsip dalam kod MCCG diterapkan serta setakat mana amalan terbaik dalam kod ini dipatuhi. Dalam sektor kewangan pula, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan pelan induk ke arah masa depan yang lebih terjamin pada bulan Mac 2001. Selain itu, satu himpunan etika dalam bidang perniagaan yang dikenali sebagai Rukun Niaga Malaysia juga telah digubal dan diterima pakai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna sejak tahun 2002. Kita akan terus berusaha memantapkan sektor swasta bagi mencapai sasaran ketiga, Pelan Integriti Nasional iaitu untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan. Terima kasih.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Saya hendak ucapkan terima kasih kepada kementerian. Setelah beberapa garis panduan dibuat oleh pihak MOF, pihak kerajaan, pihak kementerian Yang Berhormat tadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang Pelan Integriti Nasional ini yang telah pun diimplikasikan tentang banyak GLC yang masih lagi menghadapi tadbir urus yang kurang memuaskan. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini berkaitan dengan isu dengan izin, *corporate governance*. Berkaitan dengan GLC-GLC, kita telah cuba memberi ruang kepada *administrative* di peringkat sendiri untuk meningkatkan mutu dan juga *corporate governance* daripada peringkat mereka sendiri. Kalau tidak ada, kalau masih lagi GLC-GLC, kita dapati pengurusan mereka ini tidak mencapai satu tahap yang begitu tinggi, kita akan membuat *some changes* dengan izin.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat secara perbandingan negara kita dengan negara jiran di manakah letaknya tahap *corporate governance* kita sama ada berada di tahap yang membanggakan atau pun di tahap yang kurang membanggakan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat setakat ini kalau kita bandingkan di antara negara-negara lain keadaan kita membanggakanlah. Keadaan kita sekarang ini walaupun kita adalah kes-kes yang spesifik di mana kita tidak berpuas hati tetapi suatu dengan izin kalau kita buat *comparison* di antarabangsa dengan Malaysia masih lagi kita dapat di tingkat yang atas walaupun tidak ada satu *survey* di dalam peringkat ini dibuat tetapi yang kita tahu kita adalah dalam satu tahap yang tinggi dan membanggakan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[20 Julai 2006]*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat untuk menyambung jawapan.

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato’ S. Veerasingam]:** Terima kasih Yang Berhormat, Fasal 7 - pembentukan dan kesahan kontrak. Jika sesuatu kontrak dibuat melalui perutusan elektronik ianya dianggap sebagai sah. Kontrak yang dibentuk adalah sah walaupun mesej elektronik digunakan. Dalam pembentuknya prinsip-prinsip am dibentuk seperti komunikasi tawaran, penerimaan tawaran, pembatalan tawaran, penerimaan atau sebarang komunikasi yang lain boleh dinyatakan melalui satu mesej elektronik. Klausula ini memberi penentuan sah di mana pihak yang terlibat tidak boleh menafikan kemuktamadan kontrak hanya kerana ianya dibuat melalui mesej elektronik. Bahagian 3 mengandungi peruntukkan yang berhubung dengan menghapuskan halangan undang-undang terhadap perdagangan mesej elektronik.

Fasal 8 – tulisan, Rang Undang-undang ini memberi pengiktirafan dari segi undang-undang kepada maklumat yang terkandung dalam mesej elektronik. Ianya memperuntukkan bahawa sebarang kehendak di bawah mana-mana undang-undang yang menghendaki sesuatu maklumat secara bertulis ianya dipenuhi jika maklumat tersebut terkandung dalam sesuatu mesej elektronik yang boleh dicapai dan difahami. Ini merupakan fasal yang penting kerana ianya memberi satu keyakinan kepada masyarakat untuk menggunakan cara elektronik bagi urusan niaga perdagangan yang dijalankan tanpa mempunyai keraguan tentang undang-undang sedia ada yang lain.

Fasal 9 – tandatangan, jika mana-mana undang-undang menghendaki seseorang itu menandatangani satu dokumen kehendak itu dipenuhi dengan tandatangan elektronik dalam satu mesej elektronik. Tandatangan elektronik diterima sebagai sah dan ianya boleh dilaksanakan dalam cara mana pun termasuk simbol asalkan ianya boleh dibuktikan bahawa isi kandungan tersebut diterima daripada pihak berkenaan. Beberapa kehendak seperti tandatangan elektronik tersebut perlu dilampirkan atau dikaitkan secara logik kepada mesej elektronik tersebut dan mengenal pasti secukupnya orang dan kelulusannya terhadap maklumat berhubung tandatangan tersebut perlu dipenuhi.

Klausa ini juga menerangkan perkara-perkara yang sewajarnya diambil kira sebelum suatu tandatangan elektronik tersebut dipercayai. Klausa ini merupakan satu aspek perlindungan pengguna yang penting kerana ianya memperuntukkan penggunaan tandatangan elektronik yang sekali gus memberi penentuan sah. Dengan adanya klausa ini keyakinan pengguna terhadap perdagangan elektronik akan meningkat. Klausa ini juga tidak menghalang pihak yang terlibat daripada menggunakan tandatangan digital. Pihak yang terbabit dalam transaksi boleh menggunakan tandatangan digital dan adalah tertakluk kepada Akta Tandatangan Digital 1997.

Fasal 10 – meterai, klausa ini menerangkan mana-mana undang-undang yang menghendaki meterai dicapkan pada suatu dokumen ianya dipenuhi dengan tandatangan digital pada suatu dokumen dalam bentuk suatu mesej elektronik. Ini adalah bagi memudahkan penggunaan cara elektronik di mana penggunaan meterai semasa urus niaga perdagangan elektronik adalah tidak praktikal. Walau bagaimanapun, kesahan urus niaga tersebut adalah terjamin memandangkan penggunaan tandatangan digital adalah tertakluk kepada Akta Tandatangan Digital 1997. Akta tersebut menggariskan beberapa keperluan yang perlu dipenuhi sebelum tandatangan digital dapat di gunakan .

Fasal 11 – saksi, sebarang kehendak undang-undang yang memerlukan tandatangan saksi pada sesuatu dokumen dipenuhi jika dokumen tersebut dalam bentuk suatu mesej elektronik mengandungi tandatangan elektronik pihak terbabit. Klausa ini dimasukkan kerana mengambil kira isu praktikal di mana ianya tidak munasabah bagi seseorang mempunyai saksi apabila menjalankan urus niaga secara elektronik. Ini akan membantu memudahkan lagi transaksi secara elektronik.

Fasal 12 – asal, mana-mana undang-undang yang menghendaki suatu dokumen dalam bentuk asalnya kehendak itu dipenuhi oleh dokumen dalam bentuk mesej elektronik dengan syarat wujudnya jaminan yang boleh disandari terhadap Integriti Maklumat iaitu dari masa pertama ia dihasilkan dalam bentuknya yang muktamad dan boleh dicapai dan difahami bagi tujuan rujukan yang berikutnya. Integriti Maklumat ditentukan dengan menilai sama ada maklumat dalam mesej elektronik tersebut kekal, lengkap dan tidak diubah.

Fasal 14 – salinan, kehendak mana-mana undang-undang bagi dokumen disimpan, disampaikan, dihantar atau diserahkan dalam lebih daripada satu salinan dipenuhi dengan dokumen tersebut dalam bentuk mesej elektronik dengan penyimpanan, penyampaian, penghantaran atau penyerahan dokumen itu dalam satu salinan sahaja. Ini juga menjurus kepada isu praktikal di mana dokumen dalam bentuk mesej elektronik akan memadai berbanding dengan kehendak tersebut dalam persekitaran transaksi konvensional.

Fasal 16 - penyampaian dan penyerahan. Fasal ini merupakan bahawa penyerahan dokumen jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang boleh dibuat melalui cara elektronik jika terdapat sistem pemprosesan maklumat yang dapat mengenal pasti asal-usul, destinasi, masa dan tarikh penyampaian, penghantaran dan penyerahan tersebut dan mampu memberi

pengakuteraan. Walau bagaimanapun, penyampaian, penghantaran dan penyerahan notis-notis kemungkinan tuntutan tunjuk sebab pemilikan semula atau yang seumpamanya yang digunakan sebelum memulakan prosiding undang-undang adalah terkecuali dari klausa ini. Turut dikecualikan dari klausa ini adalah proses permulaan *reading affidavit* atau dokumen lain yang dikehendaki disampaikan bagi sesuatu prosiding perundangan pengecualian perkara-perkara ini dibuat bagi menjamin perlindungan kepada pengguna secara amnya. Sebagai contoh jika seseorang yang tidak sedar sesuatu notis tuntutan telah dihantar melalui cara elektronik tiada akan mempunyai masa yang lama bagi membalas atau mengambil tindakan yang berkaitan. Ini akan menyusahkan pengguna secara amnya. Rang Undang-undang ini walaupun membantu masyarakat bergerak ke arah menjalankan transaksi elektronik ia juga memberi penekanan ke atas aspek-aspek perlindungan pengguna. Oleh itu notis-notis perundangan yang disebutkan perlu dihantar, disampai atau diserahkan dengan menggunakan cara konvensional.

Bahagian IV mempunyai peruntukan yang berhubung dengan komunikasi mesej elektronik. Klausa-klausa dibahagikan ini adalah teknikal antara yang penting adalah Fasal 18 kandungan mesej elektronik. Fasal ini menerangkan tentang hak seseorang penerima mesej elektronik untuk menganggap sesuatu mesej yang diterima sebagai mesej bermula berhasrat untuk menghantar. Penerima juga berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang berpatutan di atas mesej berdasarkan mesej elektronik tersebut. Kecuali penerima mengetahui atau sepatutnya mengetahui bahawa penghantaran mesej elektronik itu mengakibatkan apa-apa kesilapan mesej elektronik yang diterima.

Fasal 20 dan 21, masa pengiriman dan masa penerimaan. Fasal-fasal ini menerangkan tentang masa sesuatu mesej elektronik itu dihantar oleh pemula dan diterima oleh penerima. Ini melibatkan bila sesuatu mesej elektronik tersebut memasuki sistem pemprosesan maklumat atau bagi mesej elektronik tersebut sampai ke pengetahuan penerima.

Fasal 24 - pengakuteraan, fasal ini memperuntukkan bahawa pemula jika meminta atau bersetuju dengan penerima bahawa sesuatu mesej elektronik yang dihantar perlu diaku terima, dan segala syarat mengenai pengakuteraan ini adalah terkandung dalam fasal ini. Ini adalah bagi menentukan supaya tidak berlaku kekeliruan dan percanggahan pendapat di antara pemula dan penerima mengenai penghantaran mesej elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jadual Seksyen 2, pengecualian kepada rang undang-undang ini dinyatakan, rang undang-undang ini tidak terpakai bagi transaksi dokumen-dokumen seperti berikut:-

- (i) surat kuasa wakil;
- (ii) pembentukan wasiat dan kodisil;
- (iii) pembentukan amanah surat cara boleh niaga.

Pengecualian-pengecualian ini diberi atas sebab ianya memerlukan kehadiran individu dan saksi secara fizikal untuk menandatangani dokumen di hadapan pegawai atau Pesuruhjaya

Sumpah, pengesahan identiti serta butir-butir peribadi individu perlu dibuat dan juga bagi memastikan bahawa pihak yang berkenaan sedar akan tindakan-tindakan yang akan diambil kelak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan memberi penekanan khusus kepada rang undang-undang ini memandangkan dunia bergerak ke arah teknologi maklumat. Dengan adanya undang-undang bagi mengawal selia perdagangan elektronik di negara ini, ia akan memberi keyakinan kepada pengguna bagi menjalankan transaksi secara elektronik, dan pada masa yang sama menggalakkan peniaga-peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka melalui cara elektronik memandangkan kita berada dalam era teknologi maklumat, perundangan sebegini sudah tentu akan dapat membantu menggerakkan lagi usaha-usaha ke arah k-ekonomi. Dengan adanya undang-undang ini juga, ianya akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan dan kukuh dan sekali gus membantu negara dalam mencapai Wawasan 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan pengiktirafan undang-undang mesej elektronik dalam urus niaga perdagangan, penggunaan mesej elektronik itu untuk memenuhi kehendak undang-undang dan membolehkan dan memudahkan urus niaga perdagangan melalui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang terbuka untuk dibahaskan. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**11.45 pagi.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya apabila melihat rang undang-undang ini dan mendengar penjelasan tadi. Maka yang terfikir pada saya sekarang ini ialah apakah rang undang-undang ini akan menjadi efektif dan berkesan apabila ia dilaksanakan nanti.

Mula-mula saya merasakan rang undang-undang ini tidak begitu lengkap kerana isu kepada perdagangan elektronik ialah soal perlindungan, terutamanya kepada pengguna. Tetapi setelah saya mendengar penjelasan tadi bahawa, kerajaan juga akan turut meminda Akta Pelindungan Pengguna 1999, tidak salah saya tadi, dan juga akan mengekalkan beberapa akta yang lain, yang berkaitan seperti Akta Kontrak 1950. Maka saya adalah sedikit kelegaan iaitu bahawa soal perlindungan, soal denda kepada mereka yang melanggar perjanjian di dalam perdagangan elektronik ini akan diambil tindakan, maka saya rasa ini adalah cukup penting sebenarnya. Sebab saya tahu rang undang-undang ini tujuannya hanyalah untuk kita mengiktiraf

ataupun *legalized*, dengan izin perdagangan elektronik ini. Sebab saya pernah menyertai satu seminar mengenai dengan perdagangan elektronik yang dianjurkan oleh MIMOS, dan kita tahu bahawa negara-negara maju semakin menggunakan, semakin meningkat penggunaan perdagangan elektronik ini, sedangkan di negara kita masih jauh ketinggalan. Ini mungkin kerana masalah *digital device* ataupun kita tidak tahu tentang wujudnya perdagangan elektronik ini, ataupun sebenarnya ada setengah daripada kita juga mungkin kerana tidak berani menggunakan transaksi melalui perdagangan elektronik ini sebab bimbang kepada isu-isu yang saya sebutkan tadi, iaitu soal perlindungan kepada pengguna. Jika berlaku *dispute* dan sebagainya, bagaimana kita hendak bertindak, bagaimana sebenarnya kita hendak menyelesaikan masalah ini.

Dan walau bagaimanapun kita tidak boleh menafikan bahawa perkembangan IT di negara kita juga semakin meningkat. Kita sudah ada MSC, kita sudah ada Cyberjaya dan sebagainya, dan sudah tentulah suatu hari nanti orang akan menggunakan juga perdagangan elektronik ini, maka kita perlu responsif, kita perlu bertindak cepat, walaupun sekarang ini kita agak lambat. Bahkan ada negara-negara seperti Singapura dan Brunei sudah pun ada rang undang-undang seperti ini. Maka sebab itulah saya memang menyokong adanya rang undang-undang ini, iaitu perdagangan elektronik ini sebab perdagangan elektronik ini sebenarnya adalah cukup baik, sebab ia memudahkan, menjimatkan masa dan apa yang disebut sebagai menyelesaikan kita, kita tidak perlu beratur dan sebagainya, kita tidak perlu ke tempat seperti di bank dan sebagainya. Tetapi dengan adanya komputer, dengan adanya pengetahuan komputer, maka kita boleh melakukan perdagangan elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah seperti mana yang saya sebutkan tadi ialah soal perlindungan, iaitu bagaimanakah kita ingin memastikan kita tidak ragu-ragu apabila menggunakan kemudahan perdagangan elektronik. Dan ini memang satu perkara yang akan kita hadapi, kerana saya kata tadi bahawa perkembangan pesat negara-negara maju sekarang ini memang menggunakan secara begitu tinggi penggunaan perdagangan elektronik ini. Saya timbulkan soal perlindungan ini, kadang-kadang menyebabkan kita rasa takut, kalau sekiranya tidak ada satu mekanisme yang menjamin hak kita. Saya ambil contoh sekarang ini orang sudah banyak menggunakan E-Banking sebagai contohnya.

Saya pernah Tuan Yang di-Pertua, kebetulan berada di luar negara, maka oleh sebab tempoh hendak bayar hutang itu sudah sampai, jadi takut diberi amaran, takut nama keluar surat khabar dan sebagainya, saya suruh isteri saya bayarkan hutang saya menggunakan E-Banking. Tetapi isteri saya tersilap dia termasuk bayaran itu kepada akaun lain, iaitu akaun PTPTN, kepada PTPTN, ini hutang, bukan banyak sangatlah Tuan Yang di-Pertua, tetapi bayar bukan tidak bayar. Tetapi tersalah masuk kepada PTPTN. Yang malangnya apabila sudah termasuk PTPTN, maka tidak digunakan pula, untuk dapatkan balik duit tersebut menggunakan E-Banking ini. Dia suruh saya menghantar surat bertulis dengan tandatangan betul, bukannya yang disebut

tadi sebagai tandatangan elektronik, dan mengambil masa yang cukup lama, empat bulan dan bila dibayar pula, dibayar dengan cek, bukan maksudnya transaksi elektronik juga, seperti mana pembayaran dilakukan. Jadi ini yang saya bimbang iaitu bahawa jika sekiranya perkara-perkara seperti ini berlaku, maka akhirnya kita tidak sampai kepada matlamat, iaitu bahawa kita benar-benar menggunakan perdagangan elektronik ini, sebab itu, kadang-kadang kita takut, sebab kita memang diberi amaran, bila kita *load in*, kita kena *load out* dengan izin.

Kadang-kadang mungkin kita terlupa untuk *log out*, jadi kalau ini berlaku apakah orang boleh *access* akaun kita, tahu maklumat kita kalau kita tidak *log out* dan kalau kita tengok filem-filem barat ini seolah-olah mereka mudah hendak curi duit menggunakan komputer dan sebagainya. Jadi sebab itulah, soal perlindungan ini adalah cukup penting. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua semasa di Amerika kisah seorang pelajar Malaysia. Dia mengambil dalam bidang IT tetapi kerana kelebihan, kepakaran, *knowledge* yang dia ada, maka dia boleh ambil duit menggunakan kad ATM dia itu dia ambil duit bank bukan dia ambil duit daripada akaun orang tetapi duit bank, duit yang ada di dalam ATM itu diambilnya menggunakan kod-kod tertentu dan tidak salah saya ketika itu bila dia akhirnya dapat ditangkap masuk dalam mahkamah, didapati dia mengambil lebih kurang 30 ribu USD daripada akaun ATM bank tersebut.

Dan antara barang yang dibeli ialah seperti kereta dengan harga 11 ribu USD, kemudian sistem *high-five*, bagi pula *girlfriend* 4 ribu USD. Jadi bank tidak boleh buat apa-apa dan akhirnya ketika dia masuk mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Girlfriend* dia itu Malaysia atau US dia beri USD itu?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak pada *girlfriend* itu, dia beri USD dia tidak beri ringgitkah?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** USD, dia bagi dalam USD semua sekali dekat 30 ribu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kiranya USD *girlfriend* lah?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Jadi Tuan Yang di-Pertua maksudnya, apabila perbicaraan berlaku akhirnya pelajar ini dilepaskan kerana bukti-bukti itu tidak kukuh untuk menyalahkan pelajar ini sedangkan pelajar ini sebenarnya dia tertangkap pun apabila dia sendiri menyerah diri. Jadi sebab itu saya kata bahawa soal *reliability*, perlindungan kita ini yang tidak menyebabkan kita takut-takut menggunakan perdagangan elektronik ini mesti ada dan mesti terjamin terutamanya walaupun kita akan meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini. Tuan Yang di-Pertua, isu penting di dalam Rang Undang-undang ini ialah pembelian dan penempahan barangan dan juga perkhidmatan ini disebut dalam Rang Undang-undang ini iaitu pembelian dan penambahan barangan dan juga perkhidmatan.

Jadi persoalan saya ialah saya setuju seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa perkara-perkara yang *complicated* tidak akan dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini seperti surat kuasa wakil, surat kuasa wakil pembentukan wasiat, kemudian ataupun

pembentukan amanah tidak dimasukkan dan saya menyokong bahawa perkara-perkara ini sebenarnya kalau dimasukkan lebih merumitkan nanti. Jadi apa yang ada ialah soal pembelian dan penempahan barangan dan perkhidmatan. Jadi sebab itu saya bersetuju bahawa dalam soal ini, Fasal 7 ini iaitu soal kesahan kontrak itu adalah cukup penting iaitu bagaimana sebenarnya apabila pembelian dan penempahan dilakukan maka undang-undang ini benar-benar menjamin tentang kesahan kontrak tersebut.

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua pernah berlaku apabila kita menempah, membuat *booking* untuk bermain golf. Bukan saya, kawan-kawan saya, kebetulan saya ikut dalam rombongan tersebut sebab saya memang tidak main golf. Jadi bila sampai ke tempat tersebut di negara tersebut tengok-tengok tidak ada. Tetapi di dalam iklan semua itu disebut tentang padang golf tersebut dengan kemudahan-kemudahannya, bila sampai di sana tidak ada sebenarnya. Jadi maka ini sudah tentulah mengecewakan kawan-kawan saya tadi yang hasrat mereka bercuti sebenarnya hendak bermain golf. Jadi soalnya apakah perdagangan elektronik ini melindungi jika sekiranya membabitkan peringkat kita, domestik dengan antarabangsa bagaimana perkara ini dipantau di lihat dan dijamin bagi kita yang di dalam negeri ini. Bagaimana *dispute* ini nanti akan diselesaikan.

Dan satu perkara lagi ialah dalam soal ini iaitu pembelian dan penempahan barangan. Saya ingin tahu juga iaitu bagaimana sebenarnya pembatalan kontrak boleh dilakukan, pembatalan pembelian itu. Katalah kita sudah buat tempahan kemudian melakukan tandatangan elektronik, jadi kemudian kita rasa kita hendak batalkan. Apakah apabila pembatalan itu berlaku maka ini juga akan dijamin sebenarnya supaya kita dapat melakukan pembatalan elektroniknya. Sebab lainlah kalau kita dapat berjumpa dan sebagainya secara konvensional ini. Jadi sebab itulah saya berharap bahawa perkara ini perlu diperjelaskan terutamanya bagi saya, apabila kita sudah ada Rang Undang-undang ini maka perlulah diperjelaskan kepada orang ramai tentang perdagangan elektronik ini mereka tahu supaya mereka ini adalah peka tentang apa sebenarnya yang dikatakan sebagai *the risk* dengan izin apabila kita melibatkan diri dengan ataupun menggunakan kemudahan perdagangan elektronik ini. Sebab kalau kita hendak bandingkan....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua mohon laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya silakan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Senator. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu apabila ini melibatkan rombongan golf tadi. Apabila berlakunya pertelingkahan berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Undang-undang negeri manakah yang harus kita jadikan alasan atau di negeri manakah harus diselesaikan *dispute* tersebut. Apakah di tempat yang kita tempah ataupun berdasarkan undang-undang negara kita yang sedang dibahaskan sekarang. Dan yang kedua Tuan Yang di-Pertua,

saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat dari segi maklumat tentang perlindungan yang disebutkan tadi itu.

Jelas hari ini maklumat yang ada di dalam media elektronik begitu mudah diaccess bagi mudah diperolehi oleh pihak ketiga dan rata-rata kadang-kadang kita mendapat maklumat ataupun borang-borang yang berkaitan tepat ataupun persis alamat kita dan bagaimana pula tentang access tentang maklumat kita umpamanya di Jabatan Pengangkutan Jalan, kerana kita terdedah terbuka apabila kita hendak tahu pemandu kereta tersebut dengan hanya memberi nombor pendaftaran kereta, mana-mana pihak pun dengan bayar RM10 mereka terus mendapat maklumat langsung daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan.

Impaknya dari segi keselamatan pemandu itu sendiri kerana pihak ketiga mungkin daripada yang ingin membuat jenayah tahu dengan tepat alamat rumah kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang dua perkara yang telah saya sebutkan tadi terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Datuk, sebab itu sebenarnya perkara yang melibatkan perdagangan elektronik dengan pihak negara luar ini memang sering berlaku. Contohnya ialah seperti tempahan bilik hotel dan saya rasa seperti kita lihat baru-baru ini ramai orang membeli tiket pertandingan bola sepak piala dunia menggunakan e-Dagang. Sebabnya saya tahu perkara ini sebab kebetulan ketika itu saya hendak ke Cyprus, saya terjumpa sekumpulan kawan-kawan yang korporat yang kaya-kaya ini dalam kapal terbang mereka hendak pergi ke London juga *on the way* ke Europe, mereka kata mereka hendak menonton bola.

Jadi dalam bercerita itu saya dapat tahu bahawa tiket yang mereka beli itu ialah menggunakan e-Dagang Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tidak timbullah soal mereka tidak dapat tiket saya tidak tahu bila mereka sampai nanti. Tetapi itu saya kata tadi, jika sekiranya mereka sampai sana tiba-tiba tiket tidak ada, apa yang boleh dibuat apa perlindungannya terutama apabila kita membeli barang-barang yang berharga. Katalah barang emas, saya tidak tahulah sekarang ini ada atau tidak perdagangan elektronik yang melibatkan soal pembelian kereta tetapi saya tengok di Singapura kereta-kereta yang mereka beli itu, apa yang saya tahu memang melalui tempahan elektronik. Jadi saya bimbang jika sekiranya perkara ini tidak diberikan perhatian maka ia akan membawa kesan kepada kita.

Jadi sebab itulah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk tadi bahawa saya mengharapkan bahawa Kementerian ini apabila mewujudkan Rang Undang-undang itu tujuannya untuk mengiktiraf (*to legalize*) dengan izin perdagangan elektronik. Maka harus juga dilihat bagaimana kita dengan negara luar sebab sudah tentulah barang-barang tempahan ini biasanya kita lakukan dengan negara-negara luar. Sebab bila kita dalam perdagangan biasa atau perniagaan biasa maksudnya kita beli barang secara biasa pun sering menimbulkan *dispute*. Itu dalam keadaan kita boleh tengok sendiri barang tersebut, kita boleh guna, kita boleh cuba, kita tahu rasa, bau dan sebagainya. Itu pun bila balik rumah, kita rasa

tidak puas hati maka berlaku *dispute* dan kadang-kadang mengambil masa yang lama untuk menyelesaikannya. Apatah lagi di dalam perdagangan elektronik ini. Sebab kadang-kadang tengok dalam komputer memang cantik tapi bila sampai barang tersebut, memang mendukacitakan.

Jadi sebab itulah saya fikir perkara-perkara seperti ini harus diberikan perhatian. Jadi dalam soal perlindungan ini, saya ingin tahu sebenarnya iaitu bila kita luluskan perkara ini sudah tentulah Akta Perlindungan Pengguna 1999 perlu dipinda. Jadi bila nak dipinda ini? Apakah maksudnya selepas kita lulus ini baru dipinda dan kenapa tidak di sekaligus dan apakah tidak boleh sebenarnya perkara tersebut dimasukkan sahaja di dalam Rang Undang-undang ini. Saya mungkin tidak begitu mahir cuma kebimbangan saya ialah akhirnya apabila kita lulus perkara ini maka Akta Perlindungan Pengguna yang disebut tadi itu iaitu 1999 sebenarnya juga tidak memberikan jaminan yang kukuh dari segi tindakan, denda dan sebagainya kepada mereka yang melakukan penyelewengan di dalam perdagangan elektronik ini. Jadi saya juga ingin tahu iaitu bagaimana akta-akta lain yang dikatakan akan terus diguna pakai seperti Akta Kontrak 1950 ini diselaraskan dengan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 ini. Saya perlukan penjelasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perlindungan ini, maka saya harap dan saya ingin mencadangkanlah kalau boleh kita wujudkan satu tribunal khas mengenai dengan perdagangan elektronik yang terasing. Tribunal khas mengenai dengan perdagangan elektronik supaya apabila tribunal khas ini menumpukan kepada persoalan ataupun *dispute* dengan izin, dalam perdagangan elektronik maka dapat diselesaikan dengan lebih segera dan cepat dan barulah maksudnya orang akan merasa terjamin dan puas hati menggunakan kemudahan perdagangan elektronik ini. Jika tidak maksudnya bila kita ada *dispute*, kita tidak ada tempat untuk menyelesaikan perkara ini selain daripada kita nak pergi mahkamah, maka sudah tentulah akhirnya kalau perkara yang kecil-kecil yang melibatkan jumlah wang yang tidak begitu banyak, kita nak pergi mahkamah, sudah tentulah kita malas. Tapi akhirnya, sebenarnya kita mewujudkan suasana yang tidak baik iaitu orang yang menggunakan perdagangan elektronik ini akan terus mengeksploitasi pengguna dan orang ramai.

Sebab itu tribunal ini adalah penting, tribunal khas yang boleh menyelesaikan perkara-perkara seperti ini. Terutamanya apabila berhadapan dengan syarikat-syarikat yang belum *establish*, yang baru, yang modal pun tak kuat, guna perdagangan elektronik, kemudiannya tak *deliver* dengan izin akan menyusahkan orang ramai. Dan saya fikir dalam persoalan ini maksudnya tribunal ini juga boleh memainkan peranan sebagai kaunseling iaitu khidmat nasihat untuk memberikan penjelasan tentang risiko-risiko perdagangan elektronik ini kepada orang ramai.

Maksudnya mereka faham apa yang dimaksudkan dengan tandatangan elektronik, bagaimana saksi elektronik, mungkin nak digunakan saksi elektronik, saya tak tahu tapi saya lihat

di dalam Rang Undang-undang ini sebut tentang kebenaran menggunakan saksi ini. Jadi perlu ada tribunal khas ini yang bukan sahaja memberikan bantuan jika berlakunya *dispute* iaitu menyelesaikan seperti tribunal pengguna yang ada sekarang ini. Tetapi ia juga berkhidmat sebagai kaunseling kepada orang ramai supaya mereka faham tentang risiko ini terutamanya kepada masyarakat yang saya sebut tadi masih yang dikatakan sebagai buta komputer ini. Takut mereka ini yang dipergunakan. Orang pergi jumpa dia, buat tempahan melalui elektronik kemudian dia tertipu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ingin saya sentuh lagi ialah soal tandatangan. Sebab kalau kita lihat di dalam Rang Undang-undang ini, apa yang dimaksudkan sebagai tandatangan elektronik ialah apa-apa sahaja huruf, aksara, nombor bunyi ataupun apa-apa simbol lain, atau apa-apa gabungan yang dicipta dalam bentuk-bentuk elektronik yang diterima pakai oleh seseorang sebagai satu tandatangan. Jadi saya mengharapkan tandatangan elektronik ini, apakah yang dimaksudkannya juga sebagai tandatangan digital dan sebagainya. Apa yang paling penting bagi saya ialah tandatangan elektronik ini juga perlu disahkan secara konvensional ataupun mesti ada cara pengesahan tertentu supaya nanti bila berlaku maksudnya masalah *dispute* dan sebagainya, mungkin pihak syarikat kata bahawa sudah ada persetujuan ditandatangani iaitu menggunakan tandatangan elektronik. Tetapi bagi saya supaya tidak berlaku penipuan dan sebagainya, salah guna dan sebagainya tandatangan elektronik sebab orang sekarang pun makin bijak menggunakan komputer dan sebagainya untuk melakukan penipuan. Sebab itu kita lihat jenayah *cyber* di negara kita ini semakin meningkat sebab orang semakin maju dalam bidang IT, semakin maju orang menipu menggunakan IT sebenarnya. Sebab itu jenayah *cyber* adalah antara jenayah yang begitu rumit untuk kita selesaikan.

Jadi sebab itulah saya ingin mencadangkan jika boleh tandatangan elektronik ini juga perlu menggunakan satu kawalan, pemantauan bagaimana ianya disahkan dan dianggap sebagai tandatangan elektronik yang bukan palsu. Jadi apakah akan timbul nanti soal tandatangan elektronik palsu ini? Bagaimana kita nak menyelesaikan perkara-perkara seperti ini jika berlakunya *dispute* dengan izin, soal apabila dibangkitkan bahawa itu adalah tandatangan elektronik yang palsu. Jadi saya perlukan penjelasan yang lebih lanjut tentang perkara ini.

Dan yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah soal data peribadi yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi. Yang ini kita cukup bimbang. Kita cukup bimbang bahawa apakah dengan kita menggunakan perdagangan elektronik ini maka data-data peribadi kita akan terlindung sebenarnya. Sebab kita tahu bahawa kadang-kadang ada orang... sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita lihat apabila berlakunya katalah pengeboman dan sebagainya. Saya lihat kebanyakan pihak polis dan sebagainya, mereka melakukan siasatan ini menggunakan juga kemahiran IT dan saya bimbang bahawa orang yang tahu IT ini juga tahu tentang bagaimana nak mengakses dengan izin data-data peribadi kepada orang yang menggunakan perdagangan

elektronik ini. Apakah jaminan-jaminannya supaya perkara ini tidak boleh dibocorkan, disebar dan sebagainya yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada si pengguna itu tadi.

Jadi dalam persoalan ini, daripada keseluruhan Rang Undang-undang ini maka yang menjadi persoalan kepada saya ialah perlindungan pengguna itu sendiri. Apakah Akta Perlindungan Pengguna 1999 benar-benar menjamin hak pengguna itu terpelihara. Dalam keadaan kita memang *responsive* tentang perkembangan IT terutamanya dalam perdagangan elektronik yang semakin meluas dan sudah tentulah satu hari nanti ia akan menjadi satu revolusi yang besar di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

#### 12.09 tgh.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan ini merupakan ucapan sulung saya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri Kelantan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Nik Abdul Aziz kerana telah membenarkan dan dilantik saya ke Dewan yang mulia ini.

Sukacita saya ingin dalam Dewan yang mulia ini untuk menunaikan beberapa soalan berkaitan dengan rang undang-undang yang telah dibahaskan ini. Yang pertama ialah tentang persediaan ataupun perlindungan yang diberikan oleh kerajaan melibatkan rang undang-undang ini kepada juvana dalam membuat transaksi elektronik. Yang kedua iaitu mengenai *standard* atau cara yang akan digunakan di mahkamah bagi menentukan kesahihan daripada orang yang membuat transaksi elektronik, adakah mereka dalam keadaan sedar, waras dan rela semasa membuat transaksi elektronik.

Yang ketiga, mengenai tempoh masa maklumat daripada transaksi elektronik perlu disimpan oleh syarikat yang mengadakan perdagangan melalui transaksi elektronik. Yang keempat, adakah apa-apa cara yang boleh digunakan untuk membuat satu dokumen tanpa prasangka dalam mengakses atau mengguna pakai maklumat yang diperolehi daripada perdagangan elektronik. Yang seterusnya, penyediaan kerajaan dalam mahkamah bagi membicarakan kes-kes yang melibatkan perdagangan elektronik, sama ada dari sudut persediaan pegawai mahupun kemudahan mahkamah sendiri. Adakah rang undang-undang ini juga akan terpakai di mahkamah syariah berkaitan dengan kemampuan pegawai serta infrastruktur di mahkamah syariah dalam menggunakan perdagangan elektronik.

Yang seterusnya lagi ialah tentang kod keselamatan yang kemas bagi keseluruhan transaksi elektronik dan adakah mahkamah elektronik boleh diwujudkan kerana saya rasa untuk kes elektronik ini memerlukan kepakaran yang luar biasa daripada hakim dan juga daripada peguam. Yang seterusnya lagi, adakah kerajaan juga bersedia untuk membuat pilihan kepada pengguna sama ada untuk menggunakan transaksi biasa secara manual dan elektronik pada

masa hadapan dan kesan penggunaan perdagangan elektronik kepada guna tenaga manusia di Malaysia.

Yang seterusnya lagi tentang bagaimanakah keselarian kemudahan di balai-balai polis, khususnya tentang penyimpanan barang-barang kes melibatkan perdagangan secara elektronik. Saya bimbang sebab perkara-perkara berkaitan elektronik kebanyakannya menggunakan alat ataupun mesin yang mungkin akan rosak dan tentang bagaimanakah cara penyimpanan barang-barang kes akan diadakan di kesemua balai polis dan pegawai-pegawai yang memegang serta diamanahkan untuk memegang barang-barang kes.

Yang seterusnya lagi, saya juga bersetuju dengan pandangan daripada Senator Dr. Mohd. Puad tadi tentang bagaimana adakah kita berpeluang untuk mengenal pasti barang-barang yang telah dipamerkan dalam komputer khususnya. Bila tak sama, iaitu dari segi barangan dengan apa yang kita dapat, berapa lamakah dari segi undang-undang kita akan diberikan peluang yang khusus untuk kita memulangkan balik atau membatalkan perkara ini kerana saya banyak kes yang berlaku melibatkan kenderaan-kenderaan, banyak kereta yang dibeli dalam geran lain, bila *check chassis*, *chassis* lain. Itu dari segi manual. Kemungkinan kalau dibuat dari segi e-perdagangan, kemungkinan banyak lagi kereta lain, *chassis* lain, kereta orang lain, jual kereta orang lain. Seterusnya lagi tentang perlindungan. Bilakah akan dikatakan insurans akan melindungi perdagangan secara elektronik kerana kemungkinan keadaan *out of service* ataupun tiada elektrik ini akan berlaku di mana-mana syarikat?

Jadi kalau sekiranya barangan yang dijual secara perdagangan elektronik, ia mungkin barang-barang yang mudah reput dan sebagainya, mungkin memerlukan perlindungan yang segera. Jadi dalam kes ini, bagaimana kita boleh mengenal pasti, bilakah bermulanya perlindungan insurans dalam kes perdagangan elektronik? Yang seterusnya lagi, adakah rang undang-undang perdagangan elektronik ini mempunyai *retrospective effect* dengan izin, kepada perdagangan elektronik yang telah dijalankan sebelum ini. Yang seterusnya lagi tentang persediaan daripada sudut undang-undang acara keterangan, adakah telah dibuat persediaan untuk memasukkan pelajaran atau silibus ini di universiti khususnya dalam bahagian undang-undang untuk memastikan peguam-peguam yang akan datang serta hakim-hakim yang lebih terbuka dan memahami sudut bagaimana persediaan kes-kes ini boleh dibuat di mahkamah?

Yang seterusnya lagi tentang kawalan terhadap perdagangan elektronik dengan memastikan kesemua syarikat tersebut telah dilesenkan sebab saya rasa kalau kita luluskan rang undang-undang ini, akan berjalan dengan serta-merta. Bagaimana kita boleh mengenal pasti syarikat-syarikat yang menjalankan perdagangan secara elektronik ini adalah syarikat yang benar-benar wujud di SSM ataupun di ROC. Jadi adakah kerajaan akan membuat satu mekanisme khas untuk mengesan syarikat ini setelah dilesenkan barulah boleh menjalankan perniagaan dan transaksi di internet. Seterusnya lagi, bagaimanakah mekanisme yang akan kita gunakan oleh kerajaan bagi memastikan kehilangan maklumat di dalam perdagangan elektronik

sama ada dimusnah secara sengaja atau tidak sengaja, dan tempoh penggunaan maklumat-maklumat yang dapat daripada penggunaan elektronik. Itu sahaja.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada sahabat saya kerana telah dilantik sebagai Senator mewakili negeri Kelantan. Saya juga tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat yang banyak mempersoalkan bagaimana, kenapa, bagaimana, kenapa? Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat bagi pandangan untuk kerajaan bagaimana cara-cara pihak polis untuk mengawal bahan-bahan kes daripada berlaku kehilangan dan juga saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat bagaimana cara-cara pihak kerajaan untuk memastikan kereta-kereta yang dibeli itu bukan kereta-kereta curi dan bagaimana cara supaya *chassis*nya selaras dengan pendaftaran kenderaan tersebut. Saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang transaksi elektronik yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, bolehkah Yang Berhormat bagi pandangan kepada pihak kerajaan, mungkin untuk menambahkan lagi mutu rang undang-undang yang dibahaskan ini dari segi pengalaman Yang Berhormat sebagai seorang peguam.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Yang Berhormat. Khususnya mengenai bagaimanakah kita nak mengelakkan barang-barang kes itu daripada hilang atau semasa dalam penjagaan polis saya rasa, mungkin perkara ini memerlukan bajet tambahan daripada kerajaan. Khususnya untuk membina mungkin balai-balai tertentu yang khusus bagi tempat penyimpanan barang-barang kes melibatkan perdagangan elektronik dan mungkin juga pegawai yang ditempatkan mungkin pegawai yang pakar. Sebab saya rasa benda ini, mungkin akan termusnah secara tidak sengaja, dalam masa 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun dan mungkin beratus-ratus tahun.

Yang kedua mengenai keadaan di JPJ, bagaimana nak memastikan bahawa kereta yang kita beli adalah bukan kereta curi. Saya rasa sekiranya penjualan kereta akan dibenarkan dibuat secara perdagangan elektronik, pengesahan daripada pegawai JPJ setelah kita membuat pemesanan melalui elektronik, dan pengesahan daripada pegawai JPJ, pegawai yang bertugas menandatangani, kemungkinan perkara itu akan menjadi satu pegangan dan *prove* yang kukuh kepada pengguna sebelum transaksi itu boleh diluluskan. Maknanya kita nak ada *approval* daripada e-jpj mungkin dalam kes ini. Yang seterusnya lagi, melibatkan cadangan-cadangan khas untuk melibatkan transaksi elektronik.

Saya rasa ini merupakan rang undang-undang yang bagus untuk diperkenalkan di Malaysia, tetapi bagi memastikan rang undang-undang ini benar-benar berjalan dengan cara yang baik, saya rasa yang paling baik adalah bagi kerajaan memastikan kesemua kementerian hendaklah menghantar pegawai-pegawai secara khas untuk menangani dan mengenal pasti isu-isu yang mungkin timbul akibat perdagangan elektronik serta mengemaskinikan semua

peruntukan undang-undang dan pegawai undang-undang yang akan menjalankan serta melaksanakan perdagangan secara elektronik tadi. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Benarkan saya bahas rang undang-undang perdagangan elektronik 2006.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin, Yang Berhormat mohon penjelasan tadi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Oh, tidakl.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dah selesai berbahas, berhujah?

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Dah selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas Rang Undang-Undang Perdagangan Elektronik 2006. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini dibentangkan supaya perdagangan elektronik di Malaysia itu dapat dipertingkatkan dan syarikat-syarikat tempatan dengan adanya rang undang-undang ini, maka menjadi lebih kompetitif dalam perdagangan tempatan dan juga perdagangan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua. Untuk mewujudkan suasana dan juga galakan syarikat-syarikat tempatan untuk menggunakan perdagangan elektronik, maka salah satu faktor yang mustahak ialah sistem elektronik yang digunakan itu mestilah berintegriti dan stabil. Kalau sistem yang digunakan oleh syarikat itu tidak stabil, tidak berintegriti dan tidak berkualiti maka banyak masalahlah akan timbul. So, saya harap dengan ini kerajaan dapat membantu juga syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan kualiti sistem elektronik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perdagangan elektronik satu yang mustahak juga adalah perlindungan iaitu *firewall* dengan izin yang digunakan kalau tidak data-data dan juga maklumat-maklumat yang digunakan itu akan diserang atau data-data itu mungkin hilang. Jadi *firewall* yang digunakan itu mesti canggih dan dapat melindungi maklumat-maklumat dan data-data syarikat-syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi faktor dalam penggunaan perdagangan elektronik adalah bekalan elektrik yang mesti stabil dan juga talian telekomunikasi yang berkualiti. Selalu kita dengar tiada elektrik maka pengurusan semua berhenti. Kita hendak beli tiket melalui AirAsia atau bas...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyebut soal infrastruktur seperti elektrik dan sebagainya tapi saya lihat tadi Yang Berhormat Puan Mumtaz juga membangkitkan persoalan infrastruktur yang cukup penting dari segi persiapan kita iaitu kemampuan mahkamah kita dalam mengendalikan kes-kes perdagangan elektronik ini dari segi peguamnya dan sebagainya.

Apakah ada perkara-perkara seperti ini sebenarnya? Itu satu. Yang kedua ialah soal pegawai-pegawai tadi iaitu pegawai-pegawai yang memang mahir ketika melakukan penyiasatan ini pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang perdagangan elektronik. Jadi infrastruktur seperti ini juga perlu persiapan jika tidak nanti kita ada Rang Undang-undang maka ini timbul seperti mana yang sering disebut oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu soal penguatkuasaan. Kita bagi kuasa tapi akhirnya tidak ada penguatkuasaan. Jadi berbalik kepada masalah asal. Jadi perkara yang dibangkitkan iaitu dalam soal hakim yang memang mahir dalam bidang ini, peguam dan sebagainya. Mahkamah kita ini dan juga pegawai-pegawai. Jadi apa penerangan Yang Berhormat tentang perkara yang dibangkitkan ini.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Infrastruktur, prasarana dan juga persediaan-persediaan sumber manusia adalah satu yang mustahak dalam menggalakkan perdagangan elektronik dan selalu disebut di Dewan ini maka undang-undang itu bukan menjadi satu penyelesaian. *The law itself is not the resolution only.* Maka kita mesti ada persediaan-persediaan yang akan menolong dan juga membantu macam mana hendak mencapai matlamat-matlamat yang mana syarikat-syarikat tempatan itu berdaya saing dan berupaya menggunakan perdagangan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kalau ada kehilangan data dan maklumat yang berkenaan dengan prasarana kerana talian kerana elektronik maka sistem *back up* itu dalam syarikat itu mustahak. Selalu mereka mesti ada *back up* yang membolehkan data-data itu dipulihkan supaya data itu tidak hilang seterusnya Tuan Yang di-Pertua. Dan juga satu perkara dalam perdagangan elektronik adalah serangan virus. Maka ini adalah satu yang penting kalau kita hendak buat *business* secara elektronik kalau ada serangan virus maka data-data dalam komputer ini tidak boleh dipakai. Maka perdagangan-perdagangan dan perjanjian semua itu akan diserang virus dan tidak boleh digunakan. Maka ini adalah salah satu juga bidang yang mesti kita syarikat-syarikat tempatan mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga kita dalam perdagangan elektronik B2C (*Business to consumer*) iaitu lebih senang diuruskan seperti kita membeli tiket, *consumers* membeli barang-barang dalam internet ini B2C.

Satu lagi B2B (*Business to business*) itu di Malaysia saya tidak nampak banyak syarikat yang menggunakan perdagangan elektronik untuk B2B. Untuk sebuah syarikat membuat perdagangan dengan syarikat yang lain. Syarikat antarabangsa sistem mereka canggih dan juga mahal dan syarikat tempatan sistem kita itu agak murah dan kerana kita tidak kebanyakan syarikat tempatan itu tidak mampu membeli sistem-sistem antarabangsa itu. Maka sistem *compatibility* itu tidak ada. Ini adalah satu yang menghalang syarikat-syarikat tempatan untuk membuat *business* berdagang dengan syarikat-syarikat antarabangsa dengan perdagangan elektronik. Ini adalah satu kelemahan masa kini dan saya harap kerajaan dapat melihat kelemahan ini supaya mengadakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini untuk menolong syarikat tempatan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya mendengar daripada rakan-rakan saya yang ketiga-tiga yang bercakap tentang akta ini dan bagi saya sebentar lagi timbalan menteri akan menggulung dan sudah tentulah akta ini diluluskan. Apabila akta ini diluluskan, suka atau tidak suka kena lulus. Apabila akta ini diluluskan yang kita takut pelaksanaannya. Kita lihat timbalan menteri akan jawab dia boleh lakukan itu dia boleh lakukan ini tapi pelaksanaannya yang kita takut.

Hari ini kita bebankan lagi dengan kementerian Yang Berhormat yang mana kita tahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna banyak masalah. Kementerian tahu masalah tapi hendak selesaikan masalah kementerian tidak boleh lakukan. Kita lihat masalah gula, masalah itu, ini satu lagi akta hendak lulus akan dibebankan kepada kementerian ini. Bolehkah kementerian lakukan, bolehkah kementerian laksanakan? Soal hendak lulus sekejap lagi kita boleh lulus. Tapi soalnya pelaksanaan ini yang kita minta daripada kementerian supaya laksanakan. Kalau tidak boleh kita jangan bebankan kementerian ini. Jadi itu sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Yang saya cakap itu kelulusan Rang Undang-undang itu jangan diambil kira bahawa masalah sudah selesai. Tujuan Rang Undang-undang itu adalah untuk meningkatkan syarikat-syarikat tempatan dan juga perniagaan-perniagaan di Malaysia ini dapat dijalankan dengan secara elektronik. Maka galakan dan persediaan serta usaha-usaha yang hendak dirancang dan dilaksanakan itu masih banyak untuk menjayakan dan juga membolehkan syarikat-syarikat Malaysia itu berdagang dengan secara elektronik.

Saya harap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini nanti usaha-usaha yang disebutkan tadi dapat dijalankan supaya tujuan kerajaan dapat dicapai Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih sahabat saya Senator Tuan Lee Sing Chooi. Berkaitan dengan e-dagang memang kita tidak dapat lari daripada tsunami globalnya yang telah begitu berleluasa dan syabas kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil tindakan untuk melaksanakan undang-undang yang kita bahaskan ini.

Persoalan saya, saya minta pandangan Yang Berhormat iaitu dari segi peranan kita di dalam kerajaan sejauh manakah strategi yang disusun untuk mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat kita yang ingin terlibat dalam e-dagang ini kerana rata-rata *percentage* nya sekitar hanya 10% yang faham yang celik dari segi elektronik ini.

Bagaimana pandangan Yang Berhormat dari segi, kita sentuh *delivery system* yang akan sentiasa menjadi masalah. Apakah pada pandangan Yang Berhormat pihak kerajaan telah pun bersiap sedia untuk berhadapan dengan apabila terlaksananya kuat kuasanya undang-undang

ini, pihak kerajaan telah bersedia dari segi infrastrukturnya termasuk pegawai penguat kuasanya. Ini kerana dari segi maklumat yang kita ada, dagangan yang terlibat secara elektronik ini mencecah hampir RM10 bilion pada tahun ini. Di angka ini, yang begitu besar ia sudah pasti dengan mentaliti, bukan semua, dapat di antara masyarakat kita mempunyai mentaliti untuk mencari *loophole* untuk menipu dari segi perniagaan.

Penipuan, sejauh mana yang telah dapat dikesan oleh pihak kerajaan hari ini, mungkin Yang Berhormat kalau tidak dapat jawab bagi pihak saya untuk dijawab oleh - dijadikan soalan tambahan kepada Yang Berhormat untuk dijawab oleh kementerian, sejauh manakah sehingga hari ini berlakunya kes-kes penyelewengan ataupun manipulatif yang dibuat oleh pihak yang mengambil kesempatan untuk penipuan yang menyebabkan kita terpaksa mengambil pengenalan suatu undang-undang baru dan juga apakah strategi kerajaan dari segi sumber manusianya, dari segi tenaga kementerian.

Ini kerana RM10 bilion pada tahun ini anggarannya dari segi penglibatan perniagaan, justeru kita memerlukan suatu kekuatan, suatu *integrated*, sistem dari segi penguatkuasaan untuk mengesan mentaliti peniaga-peniaga yang mempunyai strategi yang kadang-kadang *one step to ahead*, dengan izin, dua tiga langkah lebih ke hadapan untuk menipu mereka yang terlibat dalam perniagaan. Apatah lagi perniagaan dalam bentuk *lap top* yang boleh bergerak dari semasa ke semasa dan juga perniagaan dalam bentuk pengiklanan yang menjadi pihak ketiga di dalam menjalankan perniagaan menggunakan *website* perniagaan masing-masing. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Ya, saya setuju kita boleh dapat beberapa bilangan kes penipuan (*fraud*), penyelewengan secara elektronik di Malaysia. Adakah pegawai-pegawai kerajaan seperti pihak polis dan juga pihak-pihak yang lain yang bertanggungjawab, dapat menyiasat jenayah-jenayah kes elektronik itu? Adakah mereka dilatih dan juga diberi pengetahuan macam mana hendak siasat kes-kes jenayah elektronik ini?

Dan, juga berkenaan dengan celik komputer di Malaysia pada masa ini yang tidak begitu ramai. Strategi kerajaan pada pandangan saya adalah dua *prong*:

- (i) untuk meningkatkan bilangan rakyat yang celik komputer, yang boleh menggunakan komputer untuk memberikan kursus-kursus, kelas-kelas komputer di sekolah-sekolah dan juga di tempat-tempat yang lain;
- (ii) untuk kumpulan yang sudah menguasai komputer dan juga IT - maka mereka itu boleh maju ke hadapan untuk menggunakan IT itu untuk manfaat Malaysia, untuk mendatangkan keuntungan kepada negara kita;

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan suasana perdagangan elektronik, latihan-latihan adalah suatu yang agak sangat penting. Ini kerana pertukaran cara untuk meniaga maka pekerja-pekerja itu kalau ada satu pertukaran, *change*, dengan izin, maka pertukaran atau

*change* itu bukan automatik. Itu adalah satu usaha yang mesti dijalankan supaya latihan-latihan yang cukup. Kalau mereka menggunakan sistem yang mereka tidak biasa, maka mereka tidak akan menggunakan sistem itu. Latihan yang cukup untuk pekerja-pekerja adalah sangat penting untuk meluaskan kegunaan perdagangan elektronik.

Satu lagi, yang ditanyakan tadi, sistem penyampaian dalam kerajaan, bolehkah IT itu memainkan yang penting. Pada pandangan saya, itu adalah sesuatu yang mesti dijalankan. Kita ada banyak projek dalam RMK-9, kesemua projek itu mesti dipantau dan juga sentiasa diambil perhatian, yang projek-projek mana akan menjadikan projek sakit, projek-projek mana yang berjalan mengikut jadual dan sebagainya. Tetapi pada pengalaman saya ada di setengah-setengah kementerian, saya lihat sistem yang ada sekarang, yang diguna pakai oleh kerajaan untuk memantau projek-projek itu tidak sampai setengah kementerian yang menggunakan sistem itu.

Maka sistem itu ada, orang tidak pakai, itu adalah suatu kelemahan yang besar dalam kerajaan. Saya harap untuk meningkatkan sistem penyampaian, maka kegunaan IT itu dapat ditingkatkan dan juga pegawai-pegawai dilatih dan dipaksa untuk menggunakan sistem yang digunakan oleh kerajaan untuk memantau projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan yang saya cakap tadi iaitu *business to business*. *Business to business*, syarikat tempatan terutama syarikat-syarikat kecil dan sederhana tidak sanggup dan tidak berkemampuan untuk mengadakan perdagangan elektronik dengan syarikat-syarikat antarabangsa kerana sistem *compatibility* itu tidak wujud. Saya harap kerajaan dapat ambil perhatian dan juga memberikan bantuan secara latihan dan juga pinjaman-pinjaman wang untuk meningkatkan sistem mereka supaya mereka dapat berdagang secara elektronik dengan mana-mana pihak dan juga mana-mana orang di Malaysia atau di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Puan Mumtaz binti Md. Nawis:** Mohon laluan. Saya mohon pandangan Yang Berhormat, khususnya berkaitan dengan perkara yang telah dibangkitkan tadi iaitu mengenal pasti sistem elektronik yang digunakan secara stabil dan integriti, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya mengenal pasti sistem komputer yang tertentu, yang boleh diiktiraf dan diguna pakai dalam menguruskan perdagangan elektronik di Malaysia.

Yang kedua, pohon juga pandangan Yang Berhormat mengenai sejauh manakah bidang kuasa pegawai-pegawai penguat kuasa melalui Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 ini mempunyai bidang kuasa untuk melayari serta memantau perdagangan yang diadakan melalui perdagangan elektronik, sama ada perkara itu *illegal* atau tidak, dengan izin, sah atau tidak sah ataupun memantau harga-harga yang mungkin ditawarkan melalui sistem elektronik.

Dan pada pandangan Yang Berhormat juga mengenai peruntukan oleh kerajaan bagi menyediakan komputer-komputer yang lebih, dengan izin, lebih *powerful* daripada sistem-sistem

yang digunakan oleh pedagang-pedagang dan syarikat-syarikat yang menjalankan perdagangan elektronik. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Muntaz. Berkenaan dengan itu, adakah saya ingin mencadangkan kerajaan untuk menggunakan satu sistem elektronik untuk perdagangan, jawapan saya tidak. Dalam sistem IT itu, banyak sistem wujud di dunia ini di pasaran terbuka. Semua orang boleh pakai sistem yang sesuai dengan *business* mereka, maka sistem apa pun boleh dipakai. Tetapi kalau digunakan oleh kerajaan, maka satu sistem boleh digunakan oleh kerajaan supaya semua agensi kerajaan dapat menggunakan satu sistem dan berkomunikasi dengan satu sistem dan membuat laporan dalam satu sistem untuk menyenangkan kesemua ini.

Yang satu lagi, berkenaan dengan adakah kesalahan-kesalahan itu atau harga-harga sesuatu itu dikawal, pada pandangan saya rang undang-undang ini adalah untuk mengadakan satu cara perdagangan dengan secara elektronik. Tetapi *content*nya itu atau harganya dikawal dengan akta yang lain. Naik harga itu dengan akta yang lain untuk mengawal kenaikan harga-harga itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan peruntukan bagi membantu pedagang-pedagang Malaysia, saya mengalu-alukan ini supaya membantu syarikat-syarikat tempatan yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang dikhaskan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah.

**12.42 tgh.**

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006. Pertamanya terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar di atas pelantikan semula saya selaku Ahli Dewan Negara.

Cuma ada beberapa perkara yang ingin saya sebutkan. Saya terpanggil untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini kerana saya adalah merupakan salah seorang pengguna dalam perdagangan IT ini. Saya pernah membeli buku daripada *Amazon* dan beberapa barang daripada *eBay* dan mungkin daripada persepsi saya, kita masih jauh lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam mengharungi dunia perdagangan secara elektronik ini sebab kalau kita lihat contohnya *eBay* Malaysia dan *eBay* US, cara orang-orang kita melonggokkan barang-barang dalam *eBay* itu sudah nampak ada ciri-ciri menyalahgunakan. Kadang-kadang ada barang yang tidak *genuine* pun dimasukkan di situ. Cara mengkategorikan barang pun berlonggok-longgok, susah kita hendak cari. Di situ pun kita sudah melihat ada perbezaannya.

Satu perkara lagi ialah seperti kalau *Yellow Pages* Malaysia, kita hendak cari syarikat-syarikat dagangan yang mengeluarkan barang-barang yang spesifik, agak sukar kita hendak mencari berbanding dengan kalau kita *search* sahaja di dalam *Yahoo* ataupun di dalam *Google* yang memudahkan kita. Persoalan yang timbul dalam diri saya mengenai dengan rang undang-undang ini ialah pertamanya, perlindungan rang undang-undang ini untuk siapa sebenarnya. Adakah hanya untuk pengguna di Malaysia ataupun hanya untuk syarikat di Malaysia?

Sekiranya berlaku perdagangan dengan syarikat antarabangsa, sekiranya syarikat antarabangsa yang menyalahgunakan syarikat di Malaysia, bagaimana kita hendak *recast*. Adakah tempat untuk kita mencari penyelesaian tersebut dan kementerian manakah yang akan memberi perlindungan tersebut? Saya juga ingin bertanya, adakah kementerian bercadang untuk mendaftarkan syarikat-syarikat di dalam negara kita ini yang berhasrat untuk melakukan perniagaan secara elektronik? Adakah kita mempunyai satu *trademark* yang boleh memberi keyakinan kepada dunia di sana di mana sekiranya mereka berurus niaga dengan syarikat-syarikat dari Malaysia secara elektronik, mereka boleh mendapat jaminan bahawa perniagaan itu, insya-Allah akan terlaksana dengan baik.

Contohnya apabila kita membeli barang di dalam *internet*, ada satu *software* yang di antaranya kalau tidak silap saya, "*Very Secured*" ataupun *very* apalah, tidak ingat saya. Tetapi kalau kita lihat simbol itu, kita yakin, insya-Allah bahawa urus niaga kita itu akan berjaya dan tidak akan ada penyelewengan. Setakat ini, alhamdulillah, setakat yang saya berurusan, saya pernah membeli ubat melalui *internet*, setakat ini tidak ada masalah, tetapi semua syarikat *US based* dan ada beberapa syarikat juga di India, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sendiri sebenarnya tidak pernah mencuba syarikat Malaysia. Mungkin sekarang ini tidak ada. Kalau hendak membeli buku dengan syarikat di Malaysia, tidak tahulah, mungkin ada, mungkin saya yang tidak tahu. Kalau *search* pun, tidak ada jumpa lagi. MPH pun tidak ada jual buku *online*, Popular pun tidak ada, kena pergi ke kedai mereka baru dapat membeli buku. Jadi, *trademark* itu sangat penting dan perlu kita bangunkan supaya apabila dunia antarabangsa hendak berniaga dengan syarikat-syarikat di Malaysia, dia melihat ada sesuatu yang boleh memberi jaminan kepada mereka bahawa urus niaga ini, *go through* dan semua maklumat yang diberikan adalah selamat.

Seperkara lagi ialah mengenai dengan bank. Kita tidak boleh lari daripada urus niaga kalau elektronik ini mesti melalui *Visa* ataupun *MasterCard* ataupun lain-lain kad kredit. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membangunkan bank dalam negara kita yang berpangkalan di Malaysia ini supaya menjadi salah satu daripada syarikat yang boleh memberi jaminan ataupun kad kredit sebagaimana syarikat-syarikat dari luar negara. Setakat ini memang dimonopoli oleh beberapa *credit card* yang besar sahaja. Apakah tidak mungkin kita boleh membangunkan syarikat-syarikat tempatan supaya boleh menjadi bank kepada urus niaga-urus niaga secara elektronik ini.

Satu perkara lagi ialah mengenai dengan galakan-galakan seperti mana yang disebutkan oleh beberapa orang Senator tadi. Apakah bentuk-bentuk galakan dan bentuk-bentuk pendidikan yang kita berikan kepada syarikat-syarikat dalam negara kita dan juga kepada rakyat dalam negara kita ini sendiri supaya dapat meningkatkan lagi penggunaan dagangan elektronik ini. Saya faham sekarang ini pun alhamdulillah kerajaan sudah pun meningkatkan penggunaan, memaksa pelajar-pelajar kita menggunakan *internet* melalui penggunaan UPU secara *online* dan secara permohonan masuk ke IPTA dan beberapa IPT.

Itulah satu langkah yang pertama tetapi perlu dipertingkatkan lagi. Mungkin memperbanyakkan lagi penggunaan *debit card*, mungkin *debit card* secara *online* sebab sekarang ini hanya *credit card* sahaja yang boleh digunakan untuk urus niaga secara *online*. Mengapa tidak kita mulakan dengan menggunakan ATM biasa untuk urus niaga secara elektronik.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, walaupun tidak berapa relevan - supaya dipermudahkan lagi usaha-usaha untuk rakyat Malaysia mengemukakan Borang BE dan sebagainya secara *online* kerana bagi saya ialah satu langkah yang sangat sukar berbanding dengan apa yang pernah saya lalui melalui *online* ini. Harapan saya mudah-mudahan Malaysia akan maju dan boleh mengembangkan perniagaan secara elektronik ini kerana ia merupakan satu potensi yang sangat besar memandangkan - terutamanya bagi wanita-wanita yang bekerja di rumah, ini merupakan satu potensi yang sangat besar yang perlu kita gembungkan, yang perlu kita luaskan supaya akhirnya ia dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja.

Sebab kalau kita tengok *online*, memang semua ada dijual tetapi berpangkalan di tempat lain. Kalau dalam syarikat Malaysia saya belum jumpa lagilah. Kalau hendak beli kacang atau apa semua pun ada *online*, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Saya mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya. Saya juga mengucapkan tahniah sekali lagi kerana telah dilantik buat penggal yang kedua dalam Dewan Negara ini.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, kalau kita lihat di negeri Kelantan, rata-rata perniagaan kecil-kecilannya dibuat secara konvensional, secara tradisi. Apakah strategi ataupun peranan kerajaan negeri Kelantan di dalam menggalak dan mendidik rakyat Kelantan agar asuhan diberi di mana perniagaan secara yang berlaku hari ini dapat dipertingkatkan lagi dan bagaimana pula cara kerajaan negeri Kelantan untuk menggalakkan pembabitan perniagaan anak-anak Kelantan di Kelantan agar mereka juga lebih menjurus ke arah celik IT, lebih berjaya. Apa pandangan dan apa strategi kerajaan negeri Kelantan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kerajaan negeri Kelantan dan juga Kerajaan Pusat sendiri pun memang memberi galakan untuk IT dan kita ada satu urus setia di bawah Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan yang memang memberi

kursus-kursus celik IT kepada peniaga-peniaga kecil rakyat di negeri Kelantan. Itulah yang saya katakan bahawa kita masih jauh ketinggalan sama ada negeri Kelantan ataupun Malaysia itu sendiri sebab semua potensi ini seperti penjualan songket, penjualan batik, semuanya dapat kita gembungkan dan kita gabungkan supaya dapat dijual secara *online* sebab kita tahu masyarakat Barat terutamanya, dan masyarakat yang *High-End Buyer* lebih mudah bagi mereka untuk menggunakan kemudahan IT ini berbanding dengan sekiranya mereka terpaksa secara fizikal pergi ke tempat-tempat jualan dan sebagainya.

Ini adalah satu potensi yang harus digembungkan oleh sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri itu sendiri, sebab IT ini satu benda yang sangat baru dalam negara kita. Walaupun sambutan itu agak dingin, tapi melalui kementerian-kementerian lain, Kementerian Pendidikan umpamanya mewajibkan mata pelajaran e-Dagang. Semua ini boleh kita laksanakan supaya Insya-Allah, Malaysia satu hari nanti akan menjadi satu hub e-Dagang yang boleh dipercayai dan boleh memberi keuntungan kepada rakyat dalam negara kita.

Sekian sahaja. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat silakan untuk menjawab.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Senator yang telah mengambil bahagian berbahas dalam prima Rang Undang-undang ini khasnya kepada Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi, Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md. Nawi..orang baru, ya? Selamat datang. Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi dan juga Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar. Puan Wan Ubaidah sentiasa membeli barang menggunakan e-perdagangan, diucapkan ribuan terima kasih di atas pengalaman yang beliau telah beritahu kepada kita semua.

Rang Undang-undang ini adalah mustahak kerana seperti yang dikatakan tadi, hanya 2.4% pengguna *internet* membeli barang-barang melalui *online*. Ini adalah satu peratusan yang begitu kecil dan kita harap pada masa hadapan apabila mereka menjadi lebih aktif menggunakan *internet* dan juga membeli barang-barang *online*, Rang Undang-undang ini boleh menjadi satu undang-undang yang berguna kepada kita semua.

Semua undang-undang yang disediakan oleh kerajaan adalah demi kepentingan rakyat. Demi kepentingan pengguna. Jadi, dengan Rang Undang-undang ini kementerian saya berfikir akan memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna yang akan membeli barang-barang *online*. Seperti yang disebutkan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan hujah-hujah bahawa ia berkaitan dengan perlindungan. Undang-undang ini hanya akan dikuatkuasakan selepas kita menggubal atau pinda undang-undang berkaitan dengan Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999. Sekarang kita ada tribunal. Apabila pengguna ada masalah mereka boleh membawa kes-kes yang berkaitan dengan pembelian barang-barang yang mereka sudah bersetuju dan lain-lain ke tribunal, jika harga barang itu kurang daripada

RM25,000. Sekarang ini kalau kita membeli barang melalui tribunal kita tidak boleh membawa kes kepada tribunal tetapi kepada mahkamah biasa.

Berkaitan dengan barang-barang yang kita beli melalui e-perdagangan kita tidak boleh membawa ke tribunal setakat ini. Jadi kita akan membuat pindaan dalam Rang Undang-undang Penggunaan Pelindungan Pengguna 1999 supaya apabila kita ada transaksi melalui e-perdagangan kita boleh membawa kes ini kepada tribunal. Apabila ia berlaku barulah kita akan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini. Semuanya sudah sedia dan kita akan membawa pindaan ini ke Parlimen dalam bulan September. Selepas itu barulah undang-undang ini akan dikuatkuasakan supaya semua pengguna mendapat perlindungan apabila membeli barang daripada perdagangan elektronik ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tribunal tadi itu apakah tribunal yang sedia ada ataupun kita buat tribunal khas untuk perdagangan elektronik. Satu lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat menyebut tentang 2.4%. Apa puncanya begitu rendah penggunaan perdagangan elektronik ini.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah seperti yang dikatakan oleh Senator Puan Wan Ubaidah tadi bahawa katalog-katalog yang ada dalam *web* bagi penjualan barang-barang dalam negeri itu sangat kurang, itu satu, dan juga orang ramai masih suka membeli barang-barang yang dia suka dengan melihat barang-barang itu sebelum membeli, secara konvensional. Kalau kita hendak beli satu buku pun, kita akan pergi ke kedai, lihat buku itu dan tengok bagaimana keadaan buku baru kita beli. Macam hendak beli kereta, sesiapa pun tidak membeli secara *online*. Kita akan pergi tengok kereta itu, cuba memandu kereta itu barulah kita membeli. Kalau hendak beli rumah pun kita hendak pergi tengok rumah itu dahulu.

Jadi, cara kita hendak beli barang, kita hendak melihat barang itu sebelum kita beli. Barangkali satu masa nanti orang yang sibuk, tidak dapat keluar dia duduk dalam rumah menggunakan *online*, membeli barang-barang. Macam dia hendak beli gula, dia buat *online* sahaja. Orang akan hantar gula ke rumah dia. Barangkali itu boleh berlaku pada satu masa nanti. Jadi, kita perlu menyediakan supaya apabila masa itu sampai, kita sedia dengan *infra*nya supaya ia boleh dilaksanakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Yang Berhormat, mohon laluan sekali lagi. Yang Berhormat rasa kerana faktor mungkin orang tidak tahu tentang barang-barang tersebut. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mengatakan bawah orang sebenarnya tidak yakin dengan kementerian dari segi perlindungan tadi, sebab itu rendah peratusannya yang menggunakan perdagangan elektronik ini.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa ini tidak ada perlindungan. Kalau mengikut Akta Perlindungan Pengguna, jika mereka ada masalah perlu pergi ke mahkamah biasa. Tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini dan juga pindaan kepada Undang-undang Perlindungan Pengguna ianya boleh dibawa kepada tribunal nanti.

Tribunal ini juga tribunal biasa yang kita ada pada masa ini. Kita juga bercadang untuk mengadakan satu Mahkamah Harta Intelek. Kita memberi latihan dan lain-lain pada masa sekarang kepada hakim-hakim, pegawai-pegawai dan lain-lain di mana cara-cara pembelian barang melalui elektronik juga akan menjadi satu cara untuk memberi latihan supaya pegawai-pegawai yang berkaitan termasuk hakim-hakim lebih arif tentang barang-barang harta intelek dan juga apabila kita hendak membeli barang-barang melalui perdagangan elektronik. Cadangan Yang Berhormat itu amat baik. Barangkali bukan pada masa sekarang, tetapi pada masa hadapan apabila ramai menggunakan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung menggulung di sebelah petang. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 ptg***

***Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***].

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Ahli Yang Berhormat boleh sambung jawapan tadi.

**2.33 ptg.**

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga telah menimbulkan satu perkara berkaitan dengan bagaimana pengguna yakin akan menggunakan e-dagang. Ini juga telah di timbulkan oleh semua senator-senator yang telah berucap. Beberapa garis panduan telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan *e-banking* dan pindahan wang elektronik, kementerian saya apabila undang-undang ini dikuatkuasakan nanti akan mengeluarkan beberapa syarat, *checklist* untuk *business to consumer* dan *consumer to business* supaya perkara-perkara ini boleh diambil kira.

Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah Omar telah pun menimbulkan beberapa perkara iaitu adakah kerajaan menggalakkan *debit card*, wang digital dan juga beliau telah meminta apakah sistem-sistem yang digunakan sekarang dan saya akan bincang dengan Bank Negara Malaysia supaya wang *debit card* atau wang digital dapat digunakan dengan luasnya. Sistem pembayaran elektronik yang diguna pakai sekarang adalah *value card* macam kad petrol, Touch n' Go, kad kredit dan juga MyKad juga boleh digunakan secara ini.

Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi telah pun menyebut tentang... beliau telah tanya berapa kes elektronik setakat ini. Kes-kes yang melibatkan transaksi elektronik merupakan kes-kes sivil akan dibicarakan di mahkamah dan kontrak akan dirujuk tetapi ada satu kes di mana

aduan telah diterima oleh kementerian saya berkaitan dengan e-perdagangan, berkaitan dengan menjual barang-barang tiruan, dia jual barang-barang *handbag* (beg tangan), dan juga lain-lain benda yang dibuat daripada kulit dan dia kata ini adalah jenama. Apabila buat aduan kepada kementerian saya, pegawai-pegawai saya telah pergi ke tempat itu dan dapati barang-barang itu adalah sebenarnya barang-barang tiruan. Kita tidak mengambil tindakan kerana menggunakan e-perdagangan tetapi telah mengambil tindakan atas Akta Perihal Perdagangan kerana menjual barang-barang tiruan. Kes ini adalah di mahkamah dan apabila kita menerima aduan berkaitan dengan kes-kes seperti ini, pegawai-pegawai saya akan terus memantau keadaan supaya kita dapat membantu pengguna-pengguna.

Yang Berhormat ada juga telah menyebut tentang Undang-undang Perlindungan Dadah iaitu Yang Berhormat Senator Mumtaz telah minta ini dan juga Yang Berhormat Senator Lee Sing Chooi dan juga senator-senator lain juga telah menyebut tentang perkara ini. Undang-undang ini sedang dimuktamadkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kerana menjaga kepentingan perseorangan adalah penting sebab itu kementerian itu sedang mengambil tindakan untuk menjaga kepentingan itu. Satu soalan lagi yang ditimbulkan ialah soal syarikat -syarikat kecil tidak mempunyai kemudahan untuk bersaing dengan syarikat -syarikat antarabangsa.

E-dagang adalah kegunaan kepintaran juga. Macam *Amazon* telah mula begitu kecil tetapi sekarang ia menjadi salah satu perniagaan yang terbesar di dunia. Jadi peniaga-peniaga juga boleh bermula kecil dan menjadikan besar dan kementerian memberi bantuan khas kepada syarikat-syarikat itu berkaitan dengan pelepasan cukai pendapatan dan juga satu geran juga boleh didapati daripada SMIDEC dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa.

Berkaitan dengan pembelian macam tiket, golf, tempahan dan lain-lain yang dilakukan di luar negara, kes-kes itu perlu dibawa ke luar negara. Kita belum ada satu *understanding* ataupun satu perkara di mana kita boleh membawa kes itu ke dalam negeri. Semua kes-kes dalam negeri boleh didengar di mahkamah kita dan juga apabila kita menguatkuasakan undang-undang ini kita boleh dengar melalui tribunal yang ada pada masa sekarang. Selain daripada itu, masih kita perlu pergi ke tempat-tempat di mana kita telah menempah barang-barang itu ataupun di mana kita telah membeli tiket-tiket itu.

Yang Berhormat Senator Mumtaz juga telah membangkitkan satu perkara iaitu berkaitan dengan guna tenaga dan latihan. Ini juga telah dibawa oleh senator-senator yang lain. Memang kita sedar tentang perkara ini dan pegawai-pegawai akan dilatih supaya mereka lebih arif tentang perkara ini dan kita juga akan memberi kursus yang lain supaya kita tahu cara-cara bagaimana kita boleh mengambil tindakan atas kes-kes ini. Berkaitan dengan kes-kes ini semua adalah kes sivil maka ia tidak dibawa ke Mahkamah Syariah. Ini semua adalah kes-kes sivil yang akan didengar oleh mahkamah biasa dan apabila boleh didengar di tribunal jika barang itu adalah kurang daripada 25,000 ianya boleh didengar oleh tribunal kita. Jadi ini adalah beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan saya memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita akan

mengadakan syarat-syarat perundangan kecil supaya semua aspek yang telah dibangkitkan oleh senator-senator tadi akan diambil kira dalam syarat-syarat itu, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 25** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.43 petang.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di Pertua:** Sila berikan huraian.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam memastikan rakyat menikmati bahan api diesel pada harga yang rendah berbanding diesel industri telah mewujudkan konsep diesel bersubsidi atau pun *subsidies diesel*. Iaitu diesel yang diberi subsidi dengan pengecualian cukai diesel bersubsidi adalah untuk kegunaan pengguna atau pun *an user*.

Manakala diesel industri adalah diesel untuk kegunaan selain daripada golongan pengguna. Harga diesel bersubsidi adalah ditetapkan dan dikawal secara pentadbiran oleh kerajaan dan harganya adalah rendah jika dibandingkan dengan harga diesel industri. Harga

diesel industri tidak dikawal dan tertakluk kepada harga pasaran bebas. Oleh kerana perbezaan harga yang besar antara kedua-dua jenis diesel ini, maka berlakulah penyelewengan dalam pengedaran diesel yang berharga rendah iaitu diesel bersubsidi.

Penyelewengan berlaku apabila pihak-pihak yang tidak berhak menggunakan diesel bersubsidi menggunakannya atau cuba mendapatkannya dengan pelbagai cara termasuk mendapat bekalan daripada pihak yang memperoleh bekalan diesel bersubsidi seperti nelayan dan stesen-stesen minyak menyimpan diesel secara tidak sah dan menyeludupnya ke negara luar. Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani penyelewengan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan secara konvensional iaitu menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Namun dalam menangani penyelewengan ini, kementerian mendapati ada teknologi yang boleh membantu tindakan penguatkuasaan iaitu teknologi *nanotech*. Teknologi *nanotech* merupakan sistem penandaan atau pun *marking* ke atas produk bagi tujuan mengesan penyalahgunaan ke atas produk tersebut. Berhubungan ini, penandaan boleh dibuat ke atas barangan kawalan seperti diesel.

Melalui sistem ini, penandaan ke atas diesel dibuat dengan memasukkan cecair *nanotech* dalam diesel bersubsidi semasa produktiviti tersebut berada di depot syarikat-syarikat minyak dan belum diedarkan lagi. Apabila diesel ditandakan, cecair ini akan sebatu dengan diesel dan mudahlah produk ini dikesan melalui teknologi yang sama jika ia terjatuh ke tangan pihak yang ingin menyeleweng.

Seterusnya tindakan yang sewajarnya boleh diambil di bawah undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961. Bagi membolehkan teknologi *nanotech* digunakan, undang-undang yang mengawal selia pengedaran barangan kawalan diesel iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 perlu dipinda. Pindaan-pindaan ini perlu bagi memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian membuat penandaan ke atas diesel bersubsidi dan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguat kuasa membawa bersama pakar dalam teknologi *nanotech* dalam operasi-operasi yang dijalankan.

Penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini turut dipertingkatkan bagi memberi kesan "*deterrent*" kepada mereka yang melakukan kesalahan ini di bawah Akta yang saya sebutkan tadi. Pindaan-pindaan yang lain merupakan *consequential enactment* dan pindaan-pindaan bagi memperkemas tatacara penguatkuasaan dan memperjelaskan beberapa takrifan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kawalan Bekalan Pindaan 2006 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 11 fasal pindaan. Cadangan untuk meminda Seksyen 5 adalah untuk mengadatkan peruntukkan mengenai kuasa Menteri untuk membuat perintah pengisytiharan apa-apa barang atau pun makanan menjadi

barang kawalan atau pun catuan atau pun kedua-duanya. Dan untuk mengisytiharkan barang tersebut ditandakan dengan cara yang tertentu.

Cadangan untuk meminda Seksyen 6 adalah untuk mengadakan peruntukkan mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan yang berhubung dengan penandaan apa-apa kawalan. Cadangan memasukkan seksyen baru iaitu Seksyen 7A adalah untuk mengadakan peruntukkan perluasan kuasa penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai bekalan secara automatik tanpa terlebih dahulu diberi kuasa oleh pengawal.

Subseksyen-subseksyen baru iaitu subseksyen 7(1A), (1B) dan (2A) turut dimasukkan. Subseksyen 7(1A) bertujuan untuk membenarkan pegawai bekalan untuk memasuki premis memeriksa dan mengambil *sample* apa-apa barangan kawalan yang boleh digunakan untuk penyimpanan.

Penggunaan dan pengedaran apa-apa barang kawalan. Pegawai bekalan itu juga boleh memeriksa apa-apa buku atau dokumen yang dijumpai dalam premis yang dipercayai mengandungi apa-apa maklumat yang berkaitan dengan barangan kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen baru 7(1B) pula menjadikan satu kesalahan bagi kegagalan mana-mana pihak termasuklah pemilik, penghuni ataupun orang untuk memberi bantuan kepada pegawai bekalan.

Subseksyen baru 7(2A) membenarkan mana-mana pegawai bekalan untuk membawa bersama-sama mana-mana orang lain atau kelengkapan yang sebagaimana difikirkan perlu apabila memasuki mana-mana premis.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meminda seksyen 22 adalah untuk menaikkan amaun penalti yang akan dikenakan bagi apa-apa kesalahan di bawah akta ini dan cadangan untuk meminda seksyen 22A adalah untuk memberi kuasa kepada pegawai bekalan dengan kebenaran bertulis pengawal untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh di kompaun. Ia juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa keputusan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan hendaklah dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

Akhir sekali cadangan-cadangan pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus setiap seksyen-seksyen 2, 7, 8, 9, 10, 11 dan 20 adalah merupakan pindaan-pindaan yang kecil ataupun berbangkit (*consequential amendment*).

Cadangan-cadangan pindaan ini akan dilengkapi dengan pengujudkan suatu undang-undang subsidiari yang akan diperincikan tatacara penandaan *nano-tech* dan menjadikan kesalahan bagi sesiapa yang tidak berhak memiliki diesel bersubsidi miliknya. Undang-undang bersubsidiari ini apabila diwujudkan akan membolehkan terpakai kepada produk-produk lain yang menghadapi masalah penyelewengan yang sama seperti diesel bersubsidi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Silakan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**2.52 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan)2006 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna meminta kita beri dia kuasa untuk jaga kepentingan pengguna. Tetapi kali berkaitan dengan masalah penyeludupan, penyorokan dan juga penyelewengan. Tetapi kita lihat masalah barang-barang yang disorokkan ini terus berleluasa.

Saya ambil contoh malam tadi sebelum saya datang ke Kuala Lumpur ini, oleh kerana hendak tinggalkan keluarga seminggu, jadi saya belilah barang-barang dapur untuk cukup untuk anak isteri dan sebagainya. Tetapi saya terkejut Tuan Yang di-Pertua, rupanya gula di Batu Pahat pun sudah tidak ada sekarang. Mula-mula saya pergi Pasar raya Fajar, tidak ada. Saya pergi ke kedai runcit India, tidak ada juga. Saya pergi satu lagi kedai di satu bulatan di Batu Pahat, rupanya satu kedai runcit dekat rumah saya ada, itu pun dia bagi satu bungkus sahaja untuk beli.

Maksudnya, masalah barang-barang terkawal ini selain daripada diesel yang disebut yang kita akan gunakan teknologi nano untuk penandaan ini maka masalah-masalah barang-barang terkawal ini berterusan dan sekarang ini sudah pun merebak ke Batu Pahat walau pun pagi tadi saya tengok dalam soalan lisan disebut cuma di Lembah Klang dan Negeri Sembilan tetapi sudah pun sampai ke Batu Pahat.

Masalahnya bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam kita memberikan masa ini, maka yang menjadi isu besar ialah kemampuan penguatkuasaan, itu sebenarnya. Apakah sebenarnya kita ini, kerajaan, kementerian ini proaktif terutama dari segi pengawalan terhadap barang-barang terkawal ini. Apakah *modus operandi* yang digunakan untuk memastikan tidak berlaku penyeludupan, penyorokan dan juga penyelewengan ini seperti mana yang sedang berlaku kepada gula.

Sebab itu apa yang saya dapati ialah masalahnya di sini ialah sistem mencari maklumat. Saya akan sentuh soal penandaan tadi sebagai satu cara baru yang menyebabkan kita akan meminda Akta Bekalan 1961 ini tetapi bagi saya ialah soal kalau beri kuasa pun, maksudnya tadi kita akan beri kepada pegawai untuk masuk ke premis dan sebagainya, kita akan melakukan

penandaan menggunakan nano teknologi. Tetapi kalau sekiranya dari segi penguatkuasaan, cara kita bertindak, modus operandi kita masih ketinggalan maka kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Sebab itulah sistem mencari maklumat ini cukup penting. *Spy-spy* di kementerian ini cukup penting. Kadang-kadang kita tengok orang jual VCD haram di hadapan mata pun kita biarkan macam itu. Bila ditimbulkan baru hendak serbu pada hal di hadapan mata. Dekat pasar raya orang boleh jual, dekat *shopping complex* pun orang boleh jual, jadi ini masalahnya.

Walau pun kita beri dia kuasa untuk masuk dalam premis, tetapi kalau sistem mencari maklumat, siapa yang melakukan penyelewengan ini, penyorokan ini maka dia tahu akan ke mana juga. Sebab itu, kadang-kadang kita ini diberikan janji sahaja bahawa akan diambil tindakan dan sebagainya.

Baru-baru ini bila timbul isu kenaikan harga minyak dan diesel. Saya ingat lagi dalam satu perhimpunan dan dihadiri oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri menjelaskan tentang bahawa sebenarnya kerajaan ini memberikan subsidi yang begitu banyak terhadap diesel, petrol gas dan sebagainya. Sebagai contoh, kalau tidak salah saya, seingat saya bahawa gas tong itu 14 kilogram kalau tidak salah saya kerajaan bagi subsidi lebih kurang RM15, rakyat bayar RM17. Harga sebenar RM32 maksudnya kerajaan bagi subsidi sampai RM15.

Saya ingat lagi Perdana Menteri kata Menteri Hal Ehwal Pengguna tolong, dia kata pasang satu notis macam papan kenyataan, di setiap kedai-kedai atau stesen minyak pemberitahuan bahawa sebenarnya menghabiskan banyak wang untuk memberi subsidi. Tetapi sampai sekarang tidak juga buat pun. Tidak ada pun saya nampak. Sebab itulah rakyat marah tentang kenaikan harga ini dalam keadaan mereka tidak tahu bahawa di negara kita ini, kerajaan menyediakan wang yang banyak, berbelanja banyak untuk memberikan subsidi terhadap diesel, petrol dan gas.

Itu yang menimbulkan masalah sebenarnya dari segi tindakan pelaksanaan. Oleh kerana itulah saya berharap bahawa pindaan ini juga iaitu pindaan untuk meminda Akta Bekalan 1961 ini iaitu untuk membuat penandaan terhadap barang-barang kawalan ini. Maka saya berharap bahawa apabila ia dilakukan maka penguatkuasaan untuk melakukan penandaan ini mestilah dilakukan dengan sebenar-sebenarnya. Nanti hendak melakukan penandaan pun timbul banyak birokrasi. Timbul banyak masalah dan sebagainya. Ini yang kita bimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan tentang teknologi nano untuk penandaan ini iaitu suatu sistem seperti mana yang disebut iaitu sistem penandaan ataupun *marking* terhadap barang kawalan iaitu untuk mengelakkan penyelewengan terhadap produk tersebut. Maka disebut tadi iaitu cecair *nano-tech* akan dimasukkan ke dalam diesel bersubsidi sebab diberi contoh diesel bersubsidi semasa produk itu berada di depot lagi.

Penandaan ini dilakukan semenjak produk itu berada di depot lagi dengan memasukkan cecair *nano-tech* ini. Oleh itu tujuannya ialah supaya mudah dikesan jika jatuh ke tangan penyeludup barang-barang ini tadi.

Saya amat menyokong teknologi baru ini, teknologi penandaan ini terutamanya dalam mengatasi masalah penyeludupan terhadap diesel bersubsidi ini. Tetapi soalnya ialah, saya ingin tahu juga bagus sangatkah teknologi ini? Apakah teknologi ini berjaya di negara-negara lain? Saya minta tolong nyatakan di negeri mana maksudnya teknologi ini telah berjaya mengatasi masalah penyeludupan, penyorokan ataupun penyelewengan ini.

Sebab itu, saya berbalik kepada hujah yang asal iaitu bahawa, jika ada pun teknologi tinggi, penandaan menggunakan *nano-tech* ini dilakukan sehingga kita meminda Akta Bekalan 1961 ini. Jika sekiranya soal penguatkuasaan, pegawai tidak amanah, pegawai tidak jujur, pegawai tidak berani dan sebagainya, bahkan orang dalam pula membocorkan maklumat bahawa akan berlaku serbuan dan sebagainya. Maka, apa teknologi pun kita gunakan, kita tidak akan berjaya sebenarnya. Sebab itu, saya ingin mendapatkan penjelasan, apa buktinya kejayaan penandaan ini dan bagaimana pula penandaan-penandaan akan dilakukan terhadap barang-barang kawalan yang lain?

Yang saya tahu, *nano-tech* ini tidak boleh digunakan kepada barang-barang makanan yang menjadi barang kawalan. Contohnya barangkali tepung gandum. Saya tidak tahulah kalau *nano-tech* ini boleh digunakan sebagai penanda terhadap barang-barang seperti ini.

Fasal 3 Seksyen 5 yang menyebut tentang kuasa Menteri menentukan dan mengisytiharkan apa-apa barang atau makanan yang menjadi barang kawalan. Yang ini cukup penting. Sebab itu saya harap kementerian haruslah melakukan *projection* yang lebih jauh, iaitu apakah barang-barang yang sepatutnya dikatakan sebagai barang kawalan ini. Jangan nanti sudah terlambat baru kata ini barang terkawal. Dahulu kita berhadapan dengan masalah diesel sehingga kereta terpaksa beratur panjang dan bas beratur panjang dan sebagainya sebab diesel tidak cukup, kerana berlaku penyelewengan terhadap diesel.

Sebab itu, kadang-kadang kita melihat orang mengambil peluang melakukan penyeludupan ini sewenang-wenangnya. Kita ambil contoh bahawa kita berikan subsidi diesel kepada nelayan, tetapi tangkapan ikan tidak bertambah sedangkan subsidi diesel sentiasa bertambah setiap tahun. Ini membuktikan bahawa memang berlaku penyeludupan, penyelewengan terhadap subsidi diesel iaitu subsidi itu, diesel itu dijual pula kepada orang lain. Ada orang yang mengambil keuntungan. Dalam keadaan yang dibuktikan tadi bahawa, ikan tidak bertambah pun jumlah tangkapannya dan kita lihat juga Tuan Yang di-Pertua bahawa, kadang-kadang kereta-kereta daripada Thailand, lori-lori dia ini, dia masuk ke Malaysia, hantar barang ke Singapura, sudah tentulah dia beli diesel untuk isi petrol dalam lori itu menggunakan diesel subsidi kita.

Jadi banyak cara orang boleh lakukan. Soalnya ialah soal tindakan. Apa yang kita lakukan. Sudah tentu wujud sindiket dalam perkara-perkara ini.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, supaya beliau dapat berehat sebentar. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, tentang dua perkara yang telah disentuh tadi. Realiti hari ini ialah berlaku kekurangan ataupun penyeludupan yang begitu serius dan berleluasa dan menyebabkan penawaran tidak memenuhi keperluan rakyat ataupun permintaan. Senario ini menyebabkan kerajaan ataupun rakyat sendiri kehilangan kerugian berbilion-bilion ringgit yang sepatutnya subsidi ini harus dinikmati oleh rakyat.

Tetapi, kerana adanya *loophole*, kelemahan dari segi mungkin beberapa perkara tetapi pada pandangan saya, antara lain faktor ialah sebagaimana disentuh oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang *delivery system*. Kita akui Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, banyak undang-undang hari ini yang berkuat kuasa tetapi dari segi penguatkuasaannya yang merupakan satu faktor yang dirungut ataupun yang tidak menimbulkan rasa puas hati di kalangan rakyat ataupun di kalangan pihak pembangkang.

Fokus saya di sini ialah dari segi *delivery system* yang diuar-uarkan begitu meluas oleh media cetak, media elektronik dan yang diberi fokus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, *delivery system*. Jadi punca kelemahan dari segi pemantauan tentang penyeludupan, tentang penyembunyian barang-barang tersebut adalah ada kaitan dengan faktor penguatkuasaan. Kita buatlah, kita luluslah apa undang-undang sekalipun, tetapi pelaksanaan penguatkuasaannya lemah. Jadi di sini saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dari segi kemampuan. Perkara ini telah pun saya bangkitkan pagi tadi di dalam soal lisan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Namun saya bangkitkan soal mampukah atau berkesankah kementerian untuk menangani isu-isu yang telah dibangkitkan tadi dari segi tenaga, sumber, tenaga insan di kementerian itu sendiri.

Kalau boleh Yang Berhormat bersetuju, kita hendak dapat juga *feedback* dari kementerian, jumlah tenaga penguat kuasa yang ada hari ini, jumlah alat-alat bantuan. Umpamanya dengan ada teknologi nano, yang begitu *sophisticated*, yang begitu halus, adakah kementerian bersedia dengan pakar-pakar untuk menangani, menggunakan, aplikasikan teknologi nano di dalam menghadapi isu-isu penyeludupan. Saya juga ingin mendapat Yang Berhormat punya pandangan dari segi tenaga penguat kuasa tadi. Dari segi penyeludupan yang saya katakan tadi itu, berbilion-bilion ringgit sudah hilang.

Yang kedua, dari segi jumlah rakyat kita 26 juta, apakah seimbang dengan kedudukan tenaga penguat kuasa, saya tidak tahu. Mungkin 100 orang, mungkin barangkali, mungkin 200

orang. Jadi *we have* dengan izin, *to justify* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian harus lihat beban tugas yang akan ditanggung oleh pihak penguat kuasa ini. Apakah apabila undang-undang dibuat, tetapi pelaksanaannya masih dipertikaikan. *Delivery system*nya dipertikaikan. Lantaran itu, saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah pihak kementerian juga harus lihat jumlah tenaga kerja yang perlu diminta dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam agar seimbang dengan beban tugas ataupun beban yang akan dipertanggungjawabkan kepada tenaga kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau tengok dengan apa yang berlaku sekarang inilah, tentang VCD haram, tentang masalah gula sekarang yang merebak pula ke Batu Pahat, saya sebenarnya memang tidak yakinlah kementerian boleh melakukan penguatkuasaan ini. Dia macam tidak ada kemampuan pun. Bagilah banyak peraturan, kuasa dan sebagainya.

Saya rasa dia tidak akan mampu kalau sekiranya sistem dia, sistem mencari maklumat, modus operandinya tidak begitu *sophisticated*. Sebab itu kadang-kadang kita hairan kenapa maksudnya orang seperti Karam Singh Walia ini dia lebih tahu mencari maklumat. Bila keluar dekat TV3, barulah kementerian datang buat serbuan dan sebagainya. Kenapa dia lebih tahu? Apakah mereka ini maksudnya lebih terlatih dan sebagainya?

Sebab itu saya rasa ini soal komitmen, kesungguhan. Bukan setakat duduk dalam pejabat dan sebagainya. Cara kita mencari maklumat itu cukup penting. Sebab itu saya kadang-kadang merasakan bahawa media kita, TV3 kita ini kadang-kadang lebih berjaya. Masalah pencemaran, masalah pelupusan sampah, semua TV3. Ini yang Karam Singh Walia kata bahawa, "*ayam buang najis, tangan yang berbau tahi*". Fahamlah maksud dia itu. Mana dia dapat peribahasa itu, saya pun tidak tahu sebenarnya. Tetapi macam-macam peribahasa dia sudah keluarkan, tidak faham juga pegawai-pegawai penguat kuasa kita ini.

Jadi saya setuju dengan masalah ini. Kita tengok macam Singapura. Dia masuk negara kita, beli petrol tempat kita, macam-macam. Dia eksloit kita, dia pergunakan kita sebenarnya. Ini tidak lama lagi hendak buat pula *bullet train*. Kereta api laju Kuala Lumpur ke Singapura. Siapa yang untung? Hendak buat jambatan pun tidak boleh, ini hendak buat pula *bullet train*. Suruh pula kerajaan bincang lagi dengan Singapura. Sudah tahu perangai Singapura macam itu. Saya tidak fahamlah, kadang-kadang pening kepala dibuatnya. Jadi ini saya kata Tuan Yang di-Pertua, bahawa *delivery system* inilah yang menjadi, saya cukup yakin bahawa Perdana Menteri kita pun pening kepala sebenarnya. Sebab itu, dia letakkan *delivery system* ini sebagai salah satu daripada lima perkara yang penting untuk menjayakan RMK-9 ini.

Kerajaan sudah umumkan pun RM15 bilion - 880 projek untuk dilaksanakan segera dalam tempoh 3 bulan ini, sudah umum pun tetapi yang kita bimbangkan nanti *delivery system*. Apakah akan berlaku ketirisan, kebocoran, *disub* dan sebagainya kepada orang lain dan akhirnya entah ke mana. Sebab itu saya rasa ini adalah isu yang penting sebenarnya. Kita ambil contoh

gula ini, bila gula tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, memang menimbulkan masalah. Orang hendak buat air soya pun *problem*, peniaga-peniaga di restoran pun *problem*, kedai kek pun *problem*, gula tidak ada. Takkan hendak ganti dengan barang-barang yang lain untuk jadikan ia manis. Jadi, sebab itulah jika sekiranya masalah ini tidak diselesaikan dengan segera, saya yakin bahawa yang menjadi mangsa nanti ialah rakyat. Sebab itu saya harap isu gula ini, kita sudah tengok berlaku di Lembah Klang, lepas itu tengok di Terengganu, sekarang sudah datang ke Batu Pahat.

Jadi, sebab itu saya rasa ini puncanya kenapa, sebab itu jangan kita ambil tindakan secara *ad hoc*, ia mesti dilihat secara menyeluruh dan *projection* kita, apa yang akan berlaku untuk 10 tahun akan datang. Kita tengok tepung gandum, saya bimbang suatu hari nanti bahawa dengan berlakunya daripada diesel kepada gula, kemudian tidak lama lagi tepung gandum. Kalau tepung gandum pun saya ingat huru-hara kita dibuatnya, terutama rakyat Malaysia ini suka makan roti canai, suka makan roti, suka makan *pizza*, jadi kalau tepung tidak ada, apa jadi? Kemudian beras, begitu juga kalau beras tidak ada apa akan jadi, sebab memang orang Malaysia ini makan nasi. Kalau nasi tidak ada mereka tidak boleh hidup, Tuan Yang di-Pertua. Pergi ke mana pun, akhirnya dia cari nasi juga. Dia kena makan nasi sikit.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini masuk Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan sudah umum RM15 bilion - 880 projek. Bayangkan kalau simen pun orang sorok, orang seludup, orang seleweng, apa jadi? Sudah tentulah kita hendak buat sekolah pun tidak boleh, hendak buat hospital pun tidak boleh, hendak buat *renovation* dekat Dewan Negara pun tidak boleh sebab simen tidak ada. Sebab itu kerajaan, kementerian ini, saya tidak tahulah nanti macam mana dia hendak buat penandaan terhadap simen ini. Bolehkah guna *nano-tech* supaya simen juga tidak diseludup, diseleweng, disorok dan sebagainya. Kalau tidak maksudnya memang susahlah Rancangan Malaysia Kesembilan kita. Saya takut orang hendak sabotaj sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Orang sorokkan sahaja simen, kita tidak boleh buat apa kontraktor-kontraktor pun akan bermasalah, terutama yang berniaga ini, yang jadi kontraktor besar ini, Presiden Persatuan Kontraktor pun ada. Jadi, akan jadi masalah. Saya tidak ada masalah sebab memang saya tidak terlibat berniaga macam ini. [Ketawa]

**Dato Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Sila, Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Dato Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat tadi terutama tentang TV3 ini iaitu Karam Singh Walia. Kita kena simpati juga dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini, kita jangan bandingkan dengan TV3, Karim Singh Walia ini dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebab TV3 ini orang berjempit. Karim Singh Walia ini mesti ada *informemya*. Orang pemberitahunya, di sini ada najis, di sini ada apa. Kalau hendak

suruh dia, dia pun - saya ingat kalau tidak ada *informer* pun, dengan izin, dia pun tidak tahu. Tetapi kalau yang hendak kahwin pun, yang hendak naik kuda kahwin pun, baju berapa harga, *live*, siapa pengantin. Ini semua orang berjemput dalam TV3. Tetapi kalau kita bandingkan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini, kalau dia ada *informemya* dia takut hendak beritahu.

Penguatkuasanya itu memanglah kementerian tidak payah menafikan memang tidak boleh menjalankan tugas kalau hendak suruh keseluruhan, mereka orang tidak akan dapat *information*. Orang tidak akan beri maklumat kepada kementerian sebab orang-orang ini berniaga. Sebab mereka ini kalau hendak pergi *raid* cakra padat haram atau apa, orang sudah tahu, *informer* sudah sampai. Jadi, bezanya TV3 dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, kementerian ini kena ada perancangannya. Kalau hendak buat satu akta itu mesti ada perancangannya bagaimana dia hendak mengatasi masalahnya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi tentang gula. Memang ada orang kena penyakit kencing manis kerana gula, ada orang kaya kerana gula. Tetapi dia *double standard* juga kementerian, kalau kita ada orang yang kaya kerana gula, monopoli AP gula kita cakap terus terang AP kereta. Kita riuh AP kereta dimonopoli oleh 2, 3 orang bumiputera. Kenapa AP gula ini tidak dibagi pada seorang. Kalau seorang monopoli, dua orang monopoli, kita bagi pada 10 orang, biar dia bersaing. Hari ini mungkin sorok-sorok gula ada kait dengan hendak naikkan harga. Kalau kita bagi AP pada dia, dia boleh monopoli gula, sudah tentulah kalau dia sorok gula akan jadi masalah.

Jadi, saya haraplah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna - saya tahu kementerian tidak ada kuasa untuk beri AP gula, kementerian lain yang beri. Jadi menteri ada dalam Kabinet, Menteri duduk dalam Kabinet, boleh bincang. Kalau masalah AP gula ini seorang yang monopoli maka kita buka, bahagi-bahagi kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato Wira Syed Ali pun dia boleh meniaga gula kalau kita beri pada dia, beri pula AP pada dia, boleh. Tetapi kalau monopoli, inilah masalah sampai bila-bila pun tidak akan menyelesaikan masalah ini. Saya ucap terima kasih, pandangan Yang Berhormat itu memang baik dan saya setuju, tetapi masalah penguatkuasaannya 100% hendak suruh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna buat, memang tidak boleh.

Dia suruhlah suri rumah tangga jadi *informemya*, tidak boleh, tidak berjaya. Kerana apa? Tidak ada kuasa. Aduan ini kepada siapa dia hendak buat? Pada siapa dia hendak bagi? Dapat aduan pun penguat kuasa tidak cukup. Sebelum dia sampai barang sudah hilang. Jadi, inilah masalah yang dihadapi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi, itulah pandangan saya, terima kasih Yang Berhormat .

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Hari ini, petang ini nada dia lainlah Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi dia hentam kementerian, petang ini dia sokong

pula. *[Ketawa]* Tentang gula ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian - kalau saya baca laporan kementerian mereka sudah jumpa pengusaha pengilang gula ini, maksudnya gula ini tidak ada masalah dari segi bekalan tetapi itulah ada orang yang mengambil peluang melakukan penyelewengan, penyorokan dan juga penyeludupan. Ini masalahnya. Jadi, masalah ini boleh diatasi dengan apa? Saya tidak fikir perlu keluar AP, Yang Berhormat. Saya tidak tahulah maksudnya hendak mengeluarkan AP pula. Apakah ini boleh menyelesaikan masalah? Minta maaf kalau ada orang yang hendak minta AP gula.

Bagi saya tentang TV3 tadi, ini satu contoh bahawa sistem kerja, *delivery system* yang *efficient* dalam keadaan dia pun memanglah bukan ada pegawai penguat kuasa dan sebagainya, tetapi dia tahu bagaimana dia mencari maklumat, *informemya*. Bila saya baca tentang komunis *insurgent*, dengan izin, satu daripada punca kekuatan polis menyelesaikan masalah ancaman komunis ini ialah mereka mempunyai *informer* dalaman, sebab itu banyak komunis kena tangkap, banyak tempat kena serbu, banyak tempat kena *ambush* oleh polis kita. Jadi, ini membuktikan bahawa *informer* dalaman itu penting, jangan nanti pula sebenarnya pegawai dalaman kita pula yang menjadi *informer* kepada penyangak-penyangak ini.

Dia pula yang bagi maklumat menyatakan bahawa hari ini ada serbuan dan sebagainya, akhirnya bila serbu tidak ada sebab orang dalam. Sebab itu saya baru sahaja terbaca kenyataan Timbalan Ketua Polis Negara bahawa jenayah-jenayah ini kebanyakan berpunca daripada orang dalam seperti rompakan dan sebagainya. Orang dalam yang bagi maklumat bila pegawai hendak bawa duit hendak hantar ke bank. Orang dalam sebenarnya. Sebab itu, bila berlaku rompakan polis senang saja cari orang dalam sebab dia tahu mesti ada *informer*. Ini yang saya katakan bahawa jika sekiranya kita tidak mempunyai *system delivery* yang disebut oleh Yang Berhormat Dato Yaacob tadi, cara modus operandi kita, maka kadang-kadang sebab itu orang lebih suka membuat aduan kepada TV3. Dia buat aduan kepada TV3 menyatakan apa yang berlaku dan diambil tindakan. Ini kadang-kadang bila kita telefon kementerian, 2, 3 hari tidak ada tindakan lagi, sebab itu kadang-kadang kita rasa cukup hairan kenapa VCD haram ini depan mata orang berniaga. Di kompleks-kompleks yang besar orang boleh berniaga, bila dibuat laporan baru ambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Kita semua rata-rata tahu bahawa isu hari ini adalah isu yang begitu kritikal. Isu gula, gula menyumbangkan sumber kepada lain-lain bahan-bahan makanan, termasuk *factory-factory* pemakanan. Yang kemudiannya akan menimbulkan implikasi kepada kenaikan harga-harga. Jadi daripada maklumat yang kita ada kementerian mengeluarkan kuota pengeluaran gula setahun sebanyak 1.2 juta matrik tan. Manakala daripada kajian yang diperolehi juga menunjukkan keperluan rakyat tempatan semasa ialah lebih kurang 963 ribu matrik tan. Jadi daripada angka tersebut menunjukkan terdapat lebihan sekitar 400 ribu matrik

tan. Nampak *supply* melebihi permintaan, jadi yang pastinya ada dua perkara Yang Berhormat yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sistem monopoli.

Kalau kita lihat apakah sistem monopoli yang sedia ada ini, masih boleh kita pertahankan atau pun pakai lagi daripada empat syarikat yang mengeluarkan gula, yang mana rata-rata yang menjadi masalah, gula ini tersebar melalui penyeludupan dan juga melalui penyembunyian. Dan saya kira kalau dilihat daripada fakta-fakta tersebut, pihak penguat kuasa mungkin sudah boleh melihat dari segi modus operandi sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi itu untuk menyalurkan mengikut keperluan negeri-negeri, *we narrow down* masalah dengan izin. Agar masalah yang kekurangan di Johor tadi sebagaimana tindakan itu tidak berlaku di sana. Itulah yang saya hendak katakan di sini, dari segi sistem penyampaian, masih saya pergi kepada sistem penyampaian, dari segi kekuatan tenaga penguatkuasaan. Dengan adanya unsur-unsur orang-orang dalaman yang menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat melaksanakan dengan lebih berkesan.

Dan begitu juga saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang akta ini, Akta Kawalan bagi menentukan harga-harga jualan produk keperluan masyarakat. Umpamanya mineral *water*, air biasalah. Kita kadang-kadang terfikir juga bagaimana harga mineral *water* satu liter itu lebih mahal daripada harga minyak. Dan tidakkah pihak kementerian dengan ada akta ini boleh menentukan secara logiknya air yang biasa datang daripada tanah itu, lebih mahal daripada minyak. Mungkin akta ini bolehkah dipakai untuk kementerian menasihatkan atau pun memastikan *factory* itu harganya sekian...sekian...sekian *to justified* dengan kos, bagi mengeluarkan sesuatu produk. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya tentang monopoli itu, saya tidak dengarlah, maksudnya masalah monopoli ini menjadi punca menyebabkan berlakunya masalah kekurangan gula. Yang saya tahu dan saya pasti ialah ada orang yang tidak bertanggungjawab untuk mencari keuntungan lebih, maka dia melakukan penyorokan ini dan menyeludup gula ini. Iaitu dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang lebih. Jadi soal monopoli ini, saya tidak begitu pasti Yang Berhormat ya, apakah dia menjadi punca dan apakah kita hendak selesaikan masalah gula ini kita fokus dan kita pecahkan dari sudut, soal monopoli itu saya tidak boleh hendak jawab kerana saya tidak pasti ini menjadi punca utamanya. Yang Berhormat sebut tentang mineral *water*, saya tidak tahulah ini boleh dianggap sebagai barang kawalan atau tidak. Tetapi macam saya, saya minum air Zhulian sahaja, kalau tidak ada....kalau ke mana-mana pun, saya ambil air Zhulian ke mana-mana sebagai bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, soal gula ini saya tengok minyak masak pun suatu hari nanti boleh menjadi satu barang yang akan dieksploitasi juga seperti minyak masak. Minyak masak kalau juga diselewengkan, di seludup, di sorok, kita akan menghadapi masalah. Begitu juga dengan ayam, dulu pernah berlaku perkara seperti ini, kekurangan ayam. Jadi orang ini dia tahu sebenarnya, dia tahu bila dia hendak buat, jadi kalau ayam pun nanti maksudnya, kalau dia

menjadi satu barang yang orang eksploit untuk diselewengkan dan sebagainya, maka apa akan jadi pada negara kita ini. Sebab itu saya tidak tahulah sistem penandaan ini apakah setakat untuk diesel bersubsidi atau pun boleh dibuat untuk barang-barang lain terutamanya barang-barang makanan yang dikawal. Saya harap perkara ini harus diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya berikan perhatian untuk di...saya harap juga menjadi perhatian kepada kementerian, iaitu seksyen 22 ini, iaitu tentang penalti terhadap mereka yang melakukan kesalahan ini. Saya berpandangan bahawa penalti ini tidaklah begitu keras, sebab isu penyeludupan, isu penyorokan dan penyelewengan barang-barang terkawal ini, dia boleh menyebabkan negara boleh menjadi huru-hara, jadi macam darurat. Di Terengganu itu, Menteri Besar sampai naik atas lori untuk mengagihkan gula, sudah menjadi macam darurat. Menteri Besar naik atas lori, bayangkan, orang boleh beratur Tuan Yang di-Pertua, panjang, berebut gula, orang boleh bergaduh, bertumbuk dan sebagainya kerana hendak merebut gula. Itu baru berlaku di Terengganu, belum seluruh negara, cuba seluruh negara berlaku. Saya pasti negara boleh menjadi huru-hara, orang boleh huru-harakan negara.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Mohon laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, silakan, ini sebab Terengganulah ini.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ya, mungkin di negeri-negeri yang lain memerlukan juga menteri-menteri besar untuk naik atas lori, untuk *distribute* gula-gula ini barulah boleh selesai masalah gula ini, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya punya kesimpulan mudah sahaja Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan Yang Berhormat itu barangkali ialah hendak mengawal keadaan, maka dia tulis dekat lori itu, di sini ada gula, untuk membuktikan bahawa gula tidak ada masalah. Tetapi sebenarnya dari segi realiti bermasalah. Itu pun maksudnya dicatu gula tersebut waktu dijual. Tetapi imejnya ialah seolah-olah sudah menjadi tidak baik kepada negara kita. Bayangkan maksudnya, seluruh negara, Menteri Besar naik atas lori, macam sudah tidak ada kerja lain, dekat pejabat itu tidak ada kerja, tetapi kena mengedar gula, menjual gula, bukan mengedar gula, jual, jadi penjual, jurujual gula.

Jadi negara ini boleh menjadi huru-hara, orang boleh bergaduh, bersengketa orang menjadi resah, jadi kacau bilau Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu bagi saya denda penalti itu adalah terlalu rendah, bahkan saya fikir sekarang ini untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini, penjara mandatori itu patut dikenakan terhadap mereka yang menyorok gula ini. Sebab orang yang menyorok gula ini sebenarnya dia untung berjuta, bukan untung sedikit Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak buat apa dia hendak buat kerja-kerja macam itu. Dia untung berjuta...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan sekali lagi. Saya ingin terpanggil untuk menanya tentang hal AP atau pun monopoli dalam hal gula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi. Saya terbaca lalu terpanggil satu ketika dahulu di mana kerajaan kita telah mengikat satu kontrak dengan pembekal gula untuk *supply* kepada keseluruhan negara

ini harga jauh lebih tinggi daripada harga pasaran pada ketika itu. Tetapi pada ketika itu, pihak pembekal langsung tidak menurunkan harganya sebab ikatan kontrak telah pun ada. Harga pasaran kalau tidak silap saya pada ketika itu, RM1.10 satu, harga pasaran dunia. Harga pasaran yang diikat oleh pihak kerajaan dengan pembekal ialah tidak kurang, kalau tidak silap saya RM1.70. Dalam erti kata, pihak kerajaan rugi RM0.60 tiap-tiap satu kilogram pada ketika itu. Sekarang ini harga pasaran di dunia telah pun jauh melambung tinggi daripada RM1.70, adakah ini disebabkan oleh kerugian kepada pihak pembekal itu, maka timbullah keadaan atau pun kekurangan gula ini yang dikatakan '*artificial deficit*' atau pun dengan izin sengaja-ngaja diadakan kekurangan gula ini oleh sebab mereka ini rugi dengan kontrak yang telah ditandatangani dengan kerajaan ketika ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, sebab itu saya kata bahawa seperti mana yang telah disebut oleh kerajaan, kesemuanya ini berpunca ialah kerana eksploitasi. Eksploitasi untuk mencari untung dan sebab itulah maksudnya barang-barang seperti ini mesti dijadikan barang kawalan supaya harganya dikontrol dan pengagihannya, *supplynya* juga dikontrol. Jadi saya memang bersetuju bahawa pengaruh harga itu juga mempengaruhi tindakan peniaga-peniaga ini untuk melakukan eksploitasi terhadap barang-barang ini selain daripada seperti mana yang kita lihat dalam soal diesel tadi.

Diesel ini ialah lebih orang melihat kerana adanya di negara kita ini diesel bersubsidi. Diesel bersubsidi ini kerana kerajaan memberikan subsidi terhadap diesel tersebut. Maka sebab itulah mereka ambil peluang untuk melakukan penyeludupan terhadap diesel bersubsidi ini untuk mencari untung lebih. Jadi oleh sebab itulah saya merasakan bahawa orang yang melakukan kesalahan ini perlu diberikan hukuman yang lebih berat sebab mereka ini selain daripada mereka untung besar mereka sebenarnya menimbulkan huru-hara, darurat di negara kita.

Saya tidak katalah gunakan ISA atau apa, ini belum lagi hendak cadangkan guna ISA tetapi sekurang-kurangnya penjara mandatori. Kalau tidak pun, hukum sebat pun kena ada dan kalau boleh sebat di khalayak ramai bahawa mereka ini adalah penyeludup, penyorok dan penyeleweng terhadap barang-barang kawalan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya kesimpulan yang ingin saya katakan di sini bahawa ialah kerajaan sekarang ini harus memastikan barang-barang kawalan ini sebab tadi disebut bahawa kuasa menteri dalam menentukan barang-barang kawalan maka kena fikirkan daripada sekarang apa sebenarnya barang-barang yang mungkin dieksploitasi oleh penyangak ini di masa akan datang dan kita kena ada *projection* daripada sekarang.

*Projection* jauh apa yang akan berlaku? Apa tindakan kita dan bagaimana penandaan boleh dilakukan terhadap barang-barang kawalan yang lain yang berbentuk makanan ini? Jadi sebab itu saya harap kementerian supaya melihat soal penguatkuasaan ini, bila sudah diberi kuasa lihat soal penguatkuasaan *delivery system* yang menjadi isu utama sebenarnya dalam soal

kita hendak melaksanakan Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah dulu.

**3.33 ptg.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006. Tuan Yang di-Pertua, tahun ini harga diesel naik lagi. Rentetan kenaikan harga minyak ini boleh di hujah sebegini; pada 1 Oktober 2004, dia naik daripada 78.1 sen seliter kepada 83.1 sen seliter. Mulai 1 Mac 2005 naik lagi ke 88.1 sen seliter. Harga diesel dinaikkan lagi kepada RM1.08 pada 15 Mei 2005, pada 28 Februari 2006 kerajaan sekali lagi mengumumkan kenaikan harga petrol, diesel dan gas cecair asli (LPG) dan pelbagai reaksi timbul di kalangan rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal pula berkali-kali memberi amaran bahawa kenaikan harga diesel itu tidaklah seharusnya dijadikan alasan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan dengan sewenang-wenangnya. Namun mahu tidak mahu kenaikan harga barangan tetap naik, tidak dapat dielakkan. Lebih-lebih lagi ketika negara terus memacu perubahan menjadi negara maju di mana kos sara hidup meningkat dan berpunca daripada prestasi ekonomi negara yang berkembang pada kadar 7.1% pada 2005 dan kian naik. Jadi kita tidak dapat lari dari kenaikan harga barangan. Nilai import makanan kita pun sudah meningkat. Cuba kita renung data-data yang telah dikumpulkan oleh Jabatan Statistik Negara.

Jumlah import makanan negara pada tahun 2003 ialah sebanyak RM12.7 bilion, daripada jumlah itu import ikan sahaja RM1.3 bilion, daging RM438.8 juta dan sayur-sayuran RM883.2 juta. Kita mengimport makanan dari serata dunia. Ini bukan data yang sengaja direka-reka tetapi ia adalah data yang dikeluarkan oleh kerajaan. Jangan tanya saya kenapa kita mengimport makanan sebegitu banyak. Yang anehnya, termasuk ikan walaupun negara kita dikelilingi oleh laut. Macam ada sesuatu yang tidak kena dengan para nelayan kita. Tuan Yang di-Pertua, FOMCA telah menghimpun data harga beberapa barangan di lima negeri iaitu Melaka, Pahang, Johor, Kelantan dan Kuala Lumpur.

Antara Julai 2004 sehingga Februari 2005, kenaikan harga barangan memang berlaku dengan pesat. Harga sekilogram kangkung di Kuala Lumpur antara Julai hingga September 2004 ialah RM2.20. Antara Januari hingga Februari 2005, harganya meningkat ke RM2.50 sekilo. Di Pahang dalam tempoh yang sama harga naik daripada RM2.50 ke RM3.00 sekilo. Daging lembu import sekilogram di Kuala Lumpur dulu RM6.50 tetapi sudah naik ke RM7.80. Apa yang saya hendak beritahu ialah kenaikan itu memang berlaku. Apa yang dinasihatkan oleh

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak diambil kira oleh pengeluar.

Kenaikan barangan tidak dipedulikan, masih naik dan penguatkuasaan daripada kementerian tidak berkesan langsung. Kalau kementerian atau menteri hendak turun padang untuk hendak *check* harga barang janganlah turun bagaikan bawa pengantin, carilah cara yang lebih efektif lagi. Kalau turun konvoi kereta macam hendak hantar pengantin, harga cepat sahaja turun di dalam pasar begitu juga di pasar-pasar raya. Tuan Yang di-Pertua, apakah ada jaminan bahawa kalau gaji naik maka harga barangan tidak naik atau kos sara hidup akan jadi lebih rendah?

Hakikatnya kedua-dua perkara ini akan naik seiring, tidak ada cara lain kita harus menukar gaya hidup kita. Cuba kita buat sedikit kira-kira, dalam sehari kita makan di luar - sarapan, makan tengah hari dan makan malam. Seorang membelanjakan purata lebih kurang RM10 atau RM11 seorang. Cuba kalau kita kira dalam seminggu atau sebulan sudah berapa harga? Itu baru seorang belum lagi termasuk belanja untuk pengangkutan ulang-alik ke rumah, dari rumah ke tempat kerja dan sebagainya. Maka kita tidak dapat menolak hakikat dan keadaan dari hari ke hari akan menjadi semakin sukar kepada rakyat.

Rata-rata di kalangan rakyat yang kita jumpa mengeluh tetapi apa yang boleh mereka lakukan, kata mereka, "setakat mana yang kami boleh ikut, kami ikutlah". Itu baiklah rakyat Malaysia kalau negeri lain tidak tahulah. Jadi apa yang mereka lakukan mereka berhutang. Sekarang ini kebanyakan orang berbelanja dengan menggunakan kad kredit. Negara ini mempunyai sekurang-kurangnya 2.5 juta pemegang kad kredit dengan jumlah hutang lebih kurang RM10 bilion. Orang berbelanja dengan kad kredit atau senang cakap dengan berhutang, setiap bulan mereka membayar bayaran minimum bukannya semua jumlah hutang. Mereka hanya bayar bunga tetapi pokoknya tidak, selepas bertahun-tahun pun jumlah pokok ini tidak akan habis dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, purata perbelanjaan isi rumah Malaysia pada tahun 1973 ialah RM412, itu lebih kurang 30 tahun yang lalu. Jumlahnya sekarang sudah jauh meningkat.

Kajian pada tahun 1991 purata ialah RM1,161 dan naik lagi kepada RM1,631 pada tahun 1999. Perubahan jumlah perbelanjaan ini menunjukkan bahawa harga barangan sudah meningkat. Jumlah perbelanjaan di bandar pula adalah satu setengah kali lebih tinggi daripada luar bandar. Ada beberapa faktor kepada corak perbelanjaan jadi begitu, kemunculan golongan kelas menengah memberikan dimensi baru kepada cara mereka membeli belah. Mereka lebih selesa berbelanja di pasar raya walaupun harga barangannya lebih tinggi kerana ianya termasuk kos-kos sampingan seperti penyimpanan, pembungkusan dan pemasaran. Keduanya, ia dipengaruhi oleh trend penggunaan orang ramai. Orang lebih cenderung memilih makanan yang sudah diproses daripada membeli di pasar, hendak cili sekarang terpaksa beli. Kalau dulu orang tanam di belakang rumah saja.

Ketiga, kita terpengaruh dengan iklan, kita sekarang didesak, diasak oleh iklan dan promosi yang menggalakkan kita supaya berbelanja. Tidak ada satu iklan pun yang suruh kita berjimat. Semua iklan matlamatnya hendak menjual barang. Apabila membeli barang pula, kita selalu dipengaruhi oleh jenama. Akhirnya kita membeli jenama, barangan yang tak mustahak pun kita akan beli. Keadaan ini diburukkan lagi oleh sikap peniaga yang mahu mengaut keuntungan. Mereka mengambil kesempatan daripada sikap tamak pengguna membeli barangan. Orang-orang kita terpengaruh dengan iklan kononnya biar kita pakai yang jenama luar negara daripada dalam negara dan imejnya konon akan menaik. Ini budaya pengguna yang tidak sihat, budaya inilah yang perlu kita tukar.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kenaikan harga ini, pengguna boleh membantah kenaikan harga. Tetapi akhirnya mereka tidak mempunyai suara yang kuat untuk menahannya. Apabila ada kenaikan harga, para pengguna akan bising membantah tetapi atas desakan keperluan, akhirnya mereka terpaksa akur. Ini realitinya, saya memberi satu contoh. Harga surat khabar naik, tetapi orang tetap beli juga. Harga barang makanan naik, tetapi kita terpaksa makan, beli lagi. Harga minyak naik, kereta perlu diisikan, beli juga. Pihak peniaga pula mempunyai banyak cara dan muslihat mengenai pengguna seperti mengurangkan kandungan barangan dalam timbangan dan menyembunyikan barang-barang misalnya ....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan frasa Yang Berhormat tadi tentang kos kenaikan barang. Apa pendapat atau pandangan Yang Berhormat, kenaikan harga barang iaitu ikan, Yang Berhormat kata tadi ikan dan sayur, saya ambil dua saja. Ikan adalah nelayan, dan sayuran adalah petani. Jadi kita kena lihat sekarang kenapa nelayan, ikan naik harga, kenapa sayur, petani terpaksa naik harga. Kerana kos-kos mereka juga meningkat. Kalau kerajaan telah menaikkan petrol, tarif elektrik terpaksa dinaikkan, ini adalah syarikat milik kerajaan, TNB sendiri menaikkan tarif kerana petrol naik. Jadi sudah tentulah nelayan dan petani juga terpaksa menaikkan harga kerana kos mereka juga naik. Jadi siapa yang kita nak salahkan, pengguna, petani, nelayan atau kerajaan? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Kalau Yang Berhormat tadi dengar baik-baik saya punya perbincangan, saya tak kata harga ikan naik. Saya cuma kata ikan ini kita import daripada luar, dan saya juga cakap apakah masalah kepada nelayan-nelayan kita sedangkan negara dikelilingi oleh air, laut. Saya berbalik kepada perbincangan saya, gula. Gula, pihak peniaga pula mempunyai banyak cara dan muslihat mengenai pengguna seperti mengurangkan kandungan barangan dalam timbangan dan menyembunyikan barang-barang keperluan misalnya gula. Gula tiada dalam pasaran negara malah dijual pula ke luar negara. Sekeping kuih di Parlimen ini pun dah naik harga ke 50 sen. Masalah kekurangan bekalan gula ini di pasaran pada mulanya disebabkan oleh masalah hujan yang menyebabkan

pengeluarannya tidak mencukupi. Diikuti pula masalah pembekal menyorok bekalan dan kemudian masalah bekalan domestik digunakan oleh industri untuk keluaran masing-masing.

Kemunculan terlalu ramai pengedar gula juga membuntukan langkah Kementerian untuk menjejak pergerakan mereka. Di Kelantan sahaja, dimaklumkan oleh pihak Kementerian, kita ada 381 orang pengedar gula. Kita perlu mengenal pasti jumlah sebenar pengedar ini. Jika tidak susahlah untuk kita mengatasi masalah gula. Bekalan gula yang dikeluarkan oleh empat pengeluar, memang mencukupi. Empat pengeluar gula tempatan Malayan Sugar Manufacturing Sdn. Bhd., Central Sugars Refinery Sdn. Bhd., Gula Padang Terap Berhad dan Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd. mengeluarkan sejumlah 1.2 juta metrik tan gula setahun untuk kegunaan domestik dan import. Harga pasaran gula dunia telah meningkat dengan mendadak sejak Februari lalu ke paras yang tertinggi dalam masa 25 tahun. Harga sekarang ialah RM2,000 setiap tan metrik manakala harga pasaran padat ialah RM1,300 setiap tan metrik. Sektor industri tempatan selama ini mengimport gula dari Thailand, tetapi sekarang harga di sana pun sudah meningkat. Dan ini tentulah mengurangkan margin keuntungan mereka. Jadi mereka mula mendapatkan bekalan daripada pasaran runcit tempatan.

Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu tentang sebuah kilang membuat coklat. Untuk pasaran eksport, membeli gula di pasaran runcit sebabnya beliau tidak dapat membeli gula di tempat lain. Kita perlu tanya untuk membuat coklat dan diimport ke pasaran luar, beliau tak boleh mengacau pasaran runcit. Cadangan FOMCA agar kenaikan sebanyak 30 sen daripada harga sekarang iaitu RM1.40 difikirkan dapat menyelesaikan masalah kekurangan bekalan gula di pasaran yang sudah berlarutan sejak April yang lalu. Tetapi saya tak nampak naik 30 sen ke, naik 80 sen ke, pihak pengedar atau pengeluar akan menyelesaikan masalah ini selagi kerajaan menaikkan gaji, sara hidup naik, maka pengeluar gula akan tetap menaikkan harga barangan. Bukan setakat gula sahaja, lain juga akan dinaikkan. Kalau kita lihat, tetapi kenaikan harga gula ini Tuan Yang di-Pertua mungkin ada pendekatan yang akan menguntungkan semua pihak juga. Kerajaan, peniaga dan pengguna.

Ini bukan cadangan yang kita sengaja lontarkan tetapi untuk cadangan ini selepas kita melihat keadaan pasaran gula tempatan dan antarabangsa. Para pemimpin politik juga janganlah memberi mesej yang salah kepada rakyat, janganlah keluarkan gambar dalam akhbar menjual gula. Ianya akan menyebabkan rakyat lebih panik. Selebihnya ia tidak membantu usaha kerajaan yang mahu menggalakkan rakyat mengurangkan pengambilan gula. Saya yakin bahawa kenaikan ini juga boleh menjadi satu senjata strategik dalam usaha kerajaan menggalakkan gaya hidup sihat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tuntutan kenaikan harga oleh peniaga cuma ditentukan oleh Menteri yang berkenaan. Para pengguna tidak ada ruang untuk menyatakan pandangan mereka. Maka dalam menentukan cadangan kenaikan harga ini, pandangan pengguna boleh saja tidak didengar tetapi untuk mengadakan sesuatu, apakah katanya kalau

kita mengadakan satu Suruhanjaya Harga. Sesiapa sahaja yang mahu menaikkan harga, barangan atau perkhidmatan boleh mengemukakan cadangan atau permohonan mereka yang kemudiannya akan dirujuk kepada pengguna, *buyer*, *public survey* dengan izin.

Jadi mekanisme untuk merujuk itu ada. Kedua-dua belah pihak boleh mengemukakan pandangan. Keputusan pula dibuat oleh suruhanjaya harga tersebut. Walaupun menteri bertukar, masalah pengguna tetap sama dari tahun ke tahun.

Isu harga barang naik, tetap jadi isu dan perlu dicari penyelesaiannya. Pada masa yang sama ada baiknya juga kita memikirkan satu persoalan besar tentang ekonomi. Apakah kawalan harga mampu mengawal inflasi? Peter Samuel dalam sebuah esainya dalam buku bertajuk "Conservatism" dan "Hear Say" yang diterbitkan dalam tahun 1974, menghujahkan bahawa kawalan harga bukanlah penyelesaian kepada inflasi. Malah semakan undang-undang di Australia telah membawa kepada pemansuhan Akta Pengawasan Harga 1983 membuat pemerhatian bahawa iklim ekonomi dunia sudah jauh berubah.

Persaingan adalah sesuatu yang terpaksa digalakkan. Pada masa yang sama juga, semakan itu mendapati bahawa pengawasan harga tidak banyak dibuat melalui Akta 1983 itu. Selepas dimansuhkan, kandungan Akta 1983 dimasukkan sebagai satu bab sahaja dalam Akta Perdagangan Adil 1974. Tentang perdagangan adil itu, satu hal yang lain pula. Laporan pembaharuan undang-undang pengguna oleh S. Sothiragahan yang diserahkan kepada kerajaan pada tahun 1992, ada menyebut hal ini.

Beberapa tahun lalu, kita ada mendengar cadangan kementerian untuk memperkenalkan sebuah akta yang sama bagi melindungi pengguna dan mengingatkan peniaga. Tetapi itu pun satu cerita lama juga. Semua cerita tinggal cerita sahaja. Akhir kata, kerajaan tidak boleh selama-lamanya mengawal harga barangan. Apatah lagi dalam keadaan perubahan ekonomi semasa. Apa yang penting ialah untuk kerajaan membetulkan beberapa perkara demi kepentingan ekonomi pengguna. Sebagai contoh, orang membeli kereta kerana sistem pengangkutan awam kita tidak cekap. Akibatnya, mereka terpaksa mengikat perut, tidak mendapatkan makanan yang terbaik hanya kerana mahu memiliki sebuah kereta. Jadi, isu harga barang dan ekonomi pengguna ini pada saya adalah satu masalah yang berangkai-rangkai. Kita perlu melihatnya dengan lebih menyeluruh. Dengan hujah-hujah tersebut, saya pohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** [*Bangun*].

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** [*Bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan selepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid. Siapa? Siapa hendak?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang untuk saya berbahas berkenaan dengan suatu rang undang-undang, suatu akta untuk memindahkan Akta Kawalan Bekalan 1961. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak bahaskan berkenaan dengan teknologi yang digunakan, yang ingin digunakan untuk mengesan diesel-diesel itu.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi nano, saya hendak tahu apa nano teknologi yang digunakan? Nano teknologi adalah satu perkataan am. Yang IT, tetapi lebih kecil lagi, boleh tanya lagi, nano, sampai nano *skill* itu. Ini adalah satu teknologi, tetapi yang akan diguna pakai di dalam diesel itu, apa dia? Bahan-bahan itu, saya hendak tahu apa dia? Juga menggunakan nano teknologi, untuk meletakkan teknologi itu, bahan itu ke dalam diesel untuk diesel yang bersubsidi. Saya hendak tahu apakah cara-caranya hendak mengesankan adanya bahan-bahan itu? Cara-cara pengesanan yang digunakan dan juga kalau nak mengesankan itu adalah diesel subsidi atau tidak? Ataupun alat-alat yang dipakai itu, pengesanan itu adakah dengan jarak yang dekat atau dengan jarak yang jauh? Berkilo-kilometer kita boleh tahu atau dengan satelit?

Paras teknologi yang digunakan untuk mengesan diesel-diesel itu berada dengan bahan-bahan nano teknologi itu Tuan Yang di-Pertua. Juga saya hendak tahu, teknologi itu sudah diuji dan juga dipasti, sudah boleh di guna pakai. Ujian yang memuaskan dijalankan, saya hendak tahu ujian apa yang telah dibuat? Berapa ujian telah dibuat dan ujian di mana perjanjian tersebut dibuat dan apakah masalah-masalah yang dihadapi semasa ujian-ujian tersebut untuk menggunakan *nano-tech* itu? Apakah langkah-langkah atau penyelesaian yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi untuk menggunakan nano teknologi, Tuan Yang di-Pertua. Juga, teknologi itu kita kalau untuk diesel-diesel bersubsidi maka *tanker-tanker* yang membawa diesel itu, kalau kali ini dia membawa diesel untuk kilang-kilang, ini tidak bersubsidi.

Lain kali, dia bawa diesel-diesel, untuk stesen-stesen minyak, ini bersubsidi. Macam mana *tanker-tanker* itu, kalau ada bercampur-campur itu maka dalam minyak tidak bersubsidi itu mungkin ada sedikit-sedikit diesel yang bercampur dengan nano teknologi itu. Macam mana kita hendak memastikan campuran itu tidak berlaku, Tuan Yang di-Pertua? Satu lagi, saya hendak tahu juga, yang *nano-tech* itu, *nano-tech* itu yang akan diguna pakai untuk diesel subsidi ini, teknologi itu dari mana? Syarikat mana? Adakah itu kerajaan tempatan atau ini negara asing, Tuan Yang di-Pertua? Juga berapakah bayaran kerajaan untuk mengguna pakai teknologi ini, berapa wang sudah dibelanjakan oleh kerajaan untuk menggunakan *nano-tech* ini Tuan Yang di-Pertua? Adakah bayaran itu satu kali sahaja membayar itu, atau bertahun-tahun kita kena bayar, untuk menggunakan *nano-tech* ini? Saya hendak tahulah. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan. Saya ingin menumpang tanya kepada Yang Berhormat, berkait dengan *nano-tech* ini? Kalau ia merupakan satu teknologi untuk mengesan tentang pindaan ataupun subsidi sesuatu barang itu, katalah sekarang ini diesel. Apakah pihak yang menjadi, yang dikatakan tadi, ataupun yang menjalankan usaha-usaha yang

tidak bertanggung jawab ini, tidakkah ia boleh akses kepada *nano-tech* ini? Tidakkah ia boleh mencampuri kepada diesel-diesel yang lain. Ataupun kalau ia berlaku, katalah barang ini diseludup luar di tengah laut, cara manakah penguatkuasaannya boleh dilaksanakan agar penyeludupan ataupun penyalahgunaan subsidi ini dapat dikesan? Apa pandangan Yang Berhormat tentang ini?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Datuk Roslan. Berkenaan dengan teknologi *nano-tech* itu, mungkin disedari kita letakkan ke dalam diesel subsidi. Mungkin orang yang hendak menyeludup itu juga pakai teknologi yang lebih canggih supaya ia tidak dapat dikesan. Mungkin fasal itu saya hendak tahu, daripada kerajaan macam mana teknologi itu diguna pakai? Macam mana pengesanan itu dapat dibuat kalau bot-bot itu membawa minyak-minyak keluar untuk negara asing. Kalau pengesanan itu hanya dapat dikesan dengan jarak dekat macam mana kementerian dapat mengesan bot-bot di luar itu ada minyak diesel yang bersubsidi. Saya hendak tahu keberkesanan mengesan sesuatu minyak...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** .....diesel bersubsidi atau tidak.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, saya tidak tahulah penyeludup ini dia ada guna teknologi tinggi atau tidak. Yang Berhormat setujukah kalau saya katakan dia tidak perlu teknologi. Kadang-kadang dia rasuah sahaja pegawai-pegawai kita, dia bagi duit, dia bagi kemudahan bercuti ke luar negara dan sebagainya. Apakah ini boleh berlaku sebenarnya, saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan kerap kali kita dapati aktiviti penyeludupan maka kita suspek juga aktiviti-aktiviti seperti itu bukan menggunakan teknologi yang canggih, tapi wang ringgit yang lebih berkesan nampaknya untuk menolong mereka menyeludup dan mengeluarkan minyak-minyak bersubsidi. Ini adalah satu kelemahan dalam sistem penguatkuasaan dan pemantauan di mana mungkin hukuman dapat dipertingkatkan bukan sahaja untuk orang-orang yang menyeludup minyak-minyak itu, tetapi juga hukuman untuk pegawai-pegawai kerajaan yang mana menerima wang-wang atau yang menerima rasuah hukuman itu patut dipertingkatkan supaya aktiviti-aktiviti itu dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, pengesanan itu adalah mustahak. Macam mana diesel itu dapat dikesan dengan menggunakan apa yang akan diguna pakai itu. Kalau kita tidak pastikan cara-cara itu satu hari nanti kita sudah bayar duit banyak kepada pihak-pihak.....

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak mengenal pasti nanoteknologi yang diguna pakai itu boleh berkesan, maka kita bayar duit sahaja. Bayar

duit royalti kepada syarikat-syarikat luar negara dengan sia-sia. Saya hendak tahu juga berapa bayaran yang diberikan kepada orang yang memberikan teknologi itu kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi adalah hukuman. Hukuman yang dicadangkan itu dipertingkatkan. Saya hendak tahu....

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan. Apabila nanoteknologi ini menggunakan cecair yang akan dimasukkan di dalam diesel, soalnya adakah dengan penggunaan cecair ini akan menambahkan lebih kos yang menyebabkan peningkatan kos yang terpaksa ditanggung oleh pengguna. Adakah lebih berfaedah sekiranya kos kita untuk menggunakan nanoteknologi ini digunakan untuk memberi ganjaran kepada masyarakat supaya sesiapa yang melaporkan berlakunya penyeludupan diesel-diesel ini diberi ganjaran, dan masyarakat akan menerima faedah ini lebih baik daripada kita menanggung harga kos untuk mengesan diesel-diesel yang telah diletakkan nanoteknologi. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Senator Tuan Wan Nordin bin Che Murat. Berkenaan dengan kos. Kos, ada beberapa kos. Satu kos untuk menggunakan teknologi itu dan juga kos untuk setiap tong atau setiap liter itu adalah kita hendak bagi satu bahan iaitu cecair yang juga kos tambahan. Kos itu akan ditanggung oleh siapa? Kos itu besar atau kecil jumlahnya?

Saya harap kementerian dapat menjawab dan juga kos ini kalau dibandingkan dengan kerugian kerajaan kerana minyak-minyak yang diseludup keluar negeri itu dengan berapa harganya. Itu kena bandingkan dan lepas itu bolehlah buat keputusan. Tetapi setiap usaha kerajaan untuk memberi subsidi untuk sesuatu itu maka aktiviti-aktiviti pemantauan, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan adalah kos juga. Semua ini pasti diambil kira dan juga dengan kos-kos semua ini dibanding dapatlah kerajaan membuat satu keputusan yang mana lebih menjimatkan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang istilah nanoteknologi ini, mungkin perkara ini perkara baru. Rata-rata mungkin ramai daripada mereka yang kurang faham teknologi nano. Apa sebenarnya nano dan di sini teknologi nano akan diguna pakai bagi mengesan barang-barang yang diseludup dan yang disebut di bawah akta ini ialah untuk digunakan kepada minyak. Bagaimana pula andai kata teknologi nano ini diguna pakai bagi memastikan barang-barang kawalan lain seperti tepung, gula apakah teknologi ini boleh disesuaikan dengan barang-barang keperluan makanan yang dikawal, yang mana kadang-kadang rupanya seperti takut kerana minyak akan digunakan melalui teknologi nano sudah pasti material yang digunakan tidak boleh dimakan. Bagaimana keperluan-keperluan lain dari segi

meyakinkan masyarakat dan membolehkan kerajaan menggunakan satu peruntukan yang tidak akan berubah-ubah dari masa ke semasa dari segi penggunaan *nano-tech*. Terima kasih

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Berkenaan dengan *nano-tech* itu pada kefahaman saya kita ada mini iaitu seribu. Ada mikro lebih kecil lagi. Kiranya nano itu lebih kecil lagi iaitu lebih *tiny* lagi. Nanoteknologi itu adalah satu yang sangat kecil dan ... dengan *skill* itu *skill* nano dan mikro itu lebih besar. Mini lebih besar lagi, nano lebih kecil. Dan teknologi itu kalau digunakan jaga-jaga. Apakah impak itu kepada orang, kepada persekitarannya. Apakah impaknya? Adakah impak negatif atau impak positif? Kita hendak tahu dengan penggunaan teknologi-teknologi itu dan juga kalau kita hendak gunakan teknologi itu untuk bahan-bahan makanan, maka kita lebih lagi berhati-hati kerana ini akan menjejaskan kesihatan. Bukan kesihatan satu generasi mungkin generasi yang akan datang juga terlibat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan *nano-tech*. *Nano-tech* yang akan digunakan oleh kementerian untuk diesel subsidi ini, saya hendak tahulah jenis mana yang akan digunakan – itu adalah perkataan am Tuan Yang di-Pertua.

Yang satu lagi untuk hukuman, Tuan Yang di-Pertua. Adakah hukuman yang dicadangkan itu sekarang dinaikkan? Adakah kenaikan hukuman itu mencukupi, Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak tahu, kalau orang jual diesel subsidi kepada kilang-kilang atau menyeludup dan juga hantar ke negara-negara jiran, keuntungan seliter itu berapa, dia sudah tahu, kementerian pun sudah tahu. Satu liter dia akan dapat keuntungan berapa? Saya hendak tahu dengan hukuman minimum yang akan dikenakan oleh orang-orang ini, hukuman itu boleh dibayar dengan dia menjual berapa liter diesel subsidi, sudah boleh membayar hukuman minimum. Saya hendak tahu.

Dan, juga hukuman yang maksimum itu, selepas dia jual diesel itu berapa liter dia sudah boleh bayar hukuman yang maksimum itu. Kalau *tarnish* yang akan dijual itu yang kecil akan boleh bayarkan sebuah hukuman mungkin hukuman ini tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua. Ini akan menggalakkan lagi orang-orang menjual diesel subsidi kepada kilang-kilang dan juga menyeludup keluar dari tanah air kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya sedikit, tidakkah tersirat di sebalik pembentangan Rang Undang-undang ini terdapat dua perkara. Pertamanya, azam kerajaan untuk meneruskan program subsidi supaya membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos dalam kehidupan harian. Kedua, tidakkah ianya juga menampakkan azam kerajaan untuk meningkatkan penguatkuasaan dengan memasuki maka-maka tertentu dalam bahan tertentu seperti mana terdapat dalam pindaan seksyen 5 yang diminta. Saya memperingati hakikat ini kerana ingin membawa perbincangan kepada persoalan-persoalan pokok di sebalik pembentangan Rang Undang-undang ini. Sila teruskan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, keazaman itu ada. Kerajaan hendak buat ini untuk meneruskan subsidi dan juga pemantauan itu lebih berkesan, itu hasrat yang di azam oleh kerajaan. Tetapi yang saya hendak tanya ialah keberkesanan itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau teknologi-teknologi yang diguna pakai itu kian hari sudah tidak dapat digunakan, menghadapi masalah ini, menghadapi masalah itu, kita akan memberhentikan itu, itu yang saya hendak tanyakan. Adakah kajian-kajian, ujian-ujian yang memuaskan dibuat, Tuan Yang di-Pertua. Supaya apa yang dihasratkan dan diazamkan itu dapat dicapai, Tuan Yang di-Pertua. Itulah pertanyaan-pertanyaan yang dikeluarkan dan juga kos-kos untuk memenuhi hasrat kerajaan itu. Berapa kosnya rakyat juga pasti tahu, kos itu berlebihan atau tidak, yang akan berterusan atau tidak.

Saya hendak juga tahu berkenaan dengan semua ini melainkan membuat tanda-tanda di bahan kawalan itu seperti diesel. Satu lagi ialah hukuman, hukuman yang dicadangkan di dalam rang undang-undang pindaan ini, adakah mencukupi, saya pun hendak tahu. Kalau hukuman tidak mencukupi maka orang-orang yang mendapat keuntungan itu teruskan aktiviti mereka kerana kegiatan penyeludupan, yang sorok itu, yang menyeleweng itu, keuntungan itu senang sahaja membayarkan semua hukuman. Inilah yang dipersoalkan di sini. Dengan soalan-soalan tersebut dan juga saya harap kementerian dapat menjawab apa yang ditanya itu. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

**4.15 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum w.b.t. Turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang meminda Akta Kawalan Bekalan 1961, saya merasakan seperti sahabat-sahabat yang lain juga, walaupun kita mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza malah pada waktu-waktu tertentu pandangan-pandangan yang berbeza dan waktu-waktu tertentu agak kritikal, tetapi seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, kita mengenal pasti akan kesungguhan dan keazaman kerajaan untuk menghadapi masalah yang ada hubungannya dengan bekalan dan permintaan barang-barang tertentu di dalam negara kita ini.

Saya tidak mempunyai maklumat yang banyak tentang pindaan ini kecuali ingin menyatakan bahawa Akta Kawalan Bekalan 1961 yang disebut Akta ibu telah berlalu ataupun telah kita pakai lebih kurang 46 tahun. Melihat kepada perkara-perkara yang hendak dipinda di sini sebenarnya tidak banyak selain daripada memberi kuasa-kuasa yang lebih kepada menteri, memberi kuasa yang lebih dan yang lebih teratur kepada pegawai-pegawai pembekal dan menambahkan beberapa perkara lain yang ada hubungannya dengan kaedah-kaedah pendekatan dan teknik penyiasatan seperti yang kita sebut penggunaan nano dan sebagainya, maka jelaslah bahawa sebenarnya tidak banyak masalah yang kita hadapi dalam kehidupan perniagaan dalam negara kita ini kecuali barangkali akhir-akhir ini.

Kita menghadapi masalah bekalan minyak diesel, kita menghadapi masalah gula dan mungkin dalam beberapa masa waktu yang lain, bekalan-bekalan. Kita bertanya adakah kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat kajian-kajian yang tertentu yang boleh memberi kesimpulan-kesimpulan yang kemas seperti yang pernah disebut oleh menteri berkenaan khususnya dalam hubungan dengan bekalan gula bahawa bekalan gula mencukupi. Adakah kenyataan ini hanya satu kenyataan untuk menyenangkan hati kita, menenangkan keadaan supaya orang tidak menjadi panik barangkali, keluar rumah pergi ke kedai mencari gula dan cuba membeli gula sebanyak-banyaknya. Begitu jugalah dengan bahan-bahan keperluan yang lain.

Jadi, pertanyaan saya adakah kementerian betul-betul pasti bahawa memang di dalam negara kita ini cukup bekalan gula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah Yang Berhormat mahu bertanya kepada kerajaan dengan langkah-langkah sebegini rupa akan menyebabkan wujud apa yang dikatakan *distortion* dalam urusan ekonomi? Tidakkah Yang Berhormat mahu bertanya kerajaan sama adakah kerajaan masih mampu menangani *distortions* tersebut?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Saya pun sebenarnya, seperti yang Tuan Yang di-Pertua kata itu ke arah itu sebenarnya.

Saya kurang pasti ataupun kurang yakin dengan apa yang dinyatakan oleh kerajaan. Yang pertama, masalah yang kita hadapi bukan sebulan, bukan dua bulan, sudah berbulan-bulan. Kalau benarlah bahawa bekalan gula itu mencukupi dan keadaan yang kita hadapi di mana terdengar laungan kurang gula, di sana terdengar jeritan kurang gula, maka ada semacam *distortion* berlaku dalam edaran atau *distribution*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini. Walaupun kalau memang sebenarnya begitu, maka haruslah diambil pendekatan supaya bekalan gula itu ditambah sebab tidak mungkin bekalan yang tidak bertambah dengan permintaan yang bertambah, kita dapat selesaikan masalah. Ini kerana mahu tidak mahu kita nampaknya bergerak atau hidup melanggar peraturan ataupun hukum ekonomi yang cuba menyelesaikan masalah *supply* dan *demand*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang saya nampak.

Dalam hal ini kita agak terkejut dengan kenyataan, kalau saya tidak salah, yang dibuat oleh sebuah badan pergerakan pengguna yang mencadangkan supaya harga gula ini dinaikkan. Kita sedia maklum bahawa kenaikan harga barang apa sekalipun dimusuhi oleh persatuan pengguna tetapi di dalam hal ini, khususnya, Tuan Yang di-Pertua, persatuan itu mencadangkan supaya harga gula dinaikkan. Tetapi saya tidak nampak kerajaan memberi perhatian kepada persoalan ini. Mungkin barangkali dengan menaikkan sedikit harga gula, ini masih murah jika dibandingkan dengan harga-harga gula di negara-negara jiran kita, maka masalah ini dapat diselesaikan kalau benar-benar bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin mereka peka terhadap persoalan *distortion* tadi.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya. Kalau memang benar-benar perkara penyorokan ini berlaku. Tetapi kalau memang benar-benar bekalan itu tidak mencukupi, dinaikkan harga banyak mana sekalipun, masalah pengagihan atau *distribution* tidak akan selesai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong kuat keazaman dan kesungguhan Kementerian yang berkenaan untuk menghadapi masalah ini. Tetapi kita juga merasa bahawa Kementerian ini dalam banyak hal barangkali perlulah menambah pegawai-pegawai penguat kuasa. Saya nampak di situ. Kesnya bertambah, tidak dapat dinafikan lagi berdasarkan laporan-laporan yang kita baca dalam surat khabar, hari demi hari bahawa kes itu bertambah. Tetapi penambahan pegawai untuk menguatkuasakan peraturan dan undang-undang nampaknya tidaklah selari dengan bertambahnya kes dan masalah.

Yang kedua, penambahan pegawai sahaja tidak mencukupi kalau pegawai yang bertambah itu tidak diberi latihan yang baik, yang sesuai dengan keadaan. Sebab orang yang melakukan kesalahan itu pada kala-kalanya lebih cerdik dan lebih efisien daripada pegawai-pegawai itu sendiri atau dengan mudahnya pencuri lebih cerdik daripada mata-mata, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian ada usaha-usaha untuk menggunakan teknik-teknik yang lebih canggih seperti yang saya sebut tadi, *nanotechnology*, yang banyak dibincangkan oleh banyak sahabat kita supaya keadaan penyiasatan kita lebih baik dan lebih bersungguh-sungguh. Hendak mengatakan bahawa penguatkuasaan Kementerian ini dalam hal ini tidak efisien ataupun tidak seperti yang kita harapkan, saya rasa tidak kena, tidak berpatutan dan tidak wajar, Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini, dua, tiga hari lepas kita mendapat dan membaca laporan bahawa polis di Melaka telah dapat menangkap atau telah dapat mengenal pasti dengan yakin terdapatnya tempat pengeluaran VCD haram dan juga di tempat-tempat lain. Jadi penemuan-penemuan ini telah menunjukkan kepada kita sesungguhnya penguatkuasaan berjalan. Tetapi mungkin penguatkuasaan ini tidak dapat berjalan dengan baik kerana kekurangan-kekurangan yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini pun seharusnya kita beri perhatian.

Ada orang mengatakan bahawa dalam pentadbiran sekarang, oleh kerana kita duduk di dalam zaman ICT, komputer banyak boleh menolong kita tetapi kita harus bertanya sejauh mana komputer boleh menolong kita terutama sekali dalam kerja-kerja di luar daripada pejabat ataupun yang kita sebut *field work*. Jadi ertinya kita dapat melarikan diri daripada penambahan pegawai yang lebih cekap, yang lebih efisien dan tidak kurang pentingnya juga pegawai yang ikhlas, yang bersih dan yang tidak mudah lelap matanya. Mungkin sekali-sekali kita dapat memujuk dia supaya menutup atau memejam sebelah matanya tetapi sama sekali dia tidak bersedia untuk menutup ataupun memejam kedua-dua belah matanya.

Pada waktu-waktu tertentu, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bersetuju dengan cadangan supaya hukuman kepada yang bersalah dalam kes ini, dalam penyeludupan, dalam penyorotan, dalam pengeluaran VCD, penjualan dan sebagainya. Tetapi pengalaman jelas menunjukkan kepada kita hukuman-hukuman yang begitu keras seperti mati mandatori yang kita kenakan kepada pengedar dadah tidak dapat menolong menyelesaikan masalah ini. Jadi saya lebih suka memberi pandangan kepada kementerian, masalah menambah hukuman menjadi lebih berat itu jangan lagi kita tergesa-gesa untuk melaksanakannya. Baik kita periksa dahulu kekuatan yang ada dalam diri kita, kekuatan yang ada dalam kementerian kita, sejauh mana, dengan pegawai yang ada, dengan kaedah yang ada, dengan keadaan keliling yang ada, kita mampu, kalau memang benar-benar kita berusaha menyelesaikan masalah ini.

Tetapi kita juga tidak bernasib baik, Tuan Yang di-Pertua, kerana keadaan negara jiran kita didapati barang-barang yang tertentu, barang-barang di sini kita kawal, harganya lebih mahal. Jadi orang lebih mudah dan lebih tertarik untuk menyeludup barang-barang yang didapati dibeli dengan harga yang lebih murah di negara kita ini untuk diseludup dan dijual dengan harga yang lebih tinggi di luar negara, di negara-negara jiran. Ini satu lagi faktor yang tidak mudah untuk kita hadapi, terutama sekali kepada pegawai-pegawai yang bilangannya tidak begitu besar yang terpaksa berkejar ke sana ke mari untuk menyelesaikan masalah yang lebih banyak.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah perkara yang saya patut sebut dalam meminda Akta Kawalan Bekalan yang saya rasa, alhamdulillah walaupun kita pakai dengan jayanya dan sampai kepada peringkat kita sekarang, kita memerlukan sedikit sebanyak pindaan untuk memperkuat Akta Kawalan Bekalan ini dan pindaan-pindaan ini kita rasa munasabah dan wajar kita luluskan. Oleh itu saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Roslan dan kemudian Yang Berhormat Puan Mumtaz.

**4.30 ptg.**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut terpanggil untuk membahas akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan) 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa di bawah seksyen 5 tadi Fasal (b), *any controlled article*. Saya tidak mahu pergi kepada bahan seperti gula ataupun diesel. Saya ingin pergi kepada bahan-bahan pindaan yang juga di bawah kawalan-kawalan seperti bahan simen, bahan besi, bahan *plywood* dan seterusnya. Dengan pengumuman yang baru-baru ini, kita lihat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah pun mengumumkan perbelanjaan sejumlah RM15 bilion merangkumi sejumlah 880 projek, sudah tentu akan memberi satu impak yang begitu berkesan terhadap perbelanjaan-perbelanjaan dalam masa yang terdekat ini.

Oleh yang demikian, saya percaya ia akan juga membawa satu impak di dalam kenaikan harga barang-barang. Walaupun barang-barang ini sudah diberi satu harga yang tetap oleh pihak kerajaan dan juga di bawah kawalan kerajaan, tetapi yang sedang berlaku sekarang ini tidak sebagaimana yang termaktub di dalam maklumat-maklumat kerajaan.

Saya ingin membawa contoh seperti bahan besi. Bahan besi yang telah diberi harga oleh pihak kerajaan kepada pengeluarnya ialah berjumlah hampir RM1,600 lebih. Tetapi di pasaran sebenarnya harga ini ialah sama dengan harga-harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan termasuk caj-caj yang lain seperti caj *transportation*, caj *handling*, dengan izin, dan caj-caj yang lain yang mana sudah tentu akhirnya harga yang sebenarnya yang dibayar oleh kontraktor-kontraktor sejumlah RM1,980. Tidak kurang daripada RM300 tiap-tiap satu metrik tan terpaksa dibayar lebih daripada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Begitu juga dengan harga simen, yang telah dikatakan harga simen ialah RM11.60 bagi satu beg. Sekarang ini selepas daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak 880 projek sudah mula sedikit sebanyak naik kepada RM12.50 harga bagi satu kampak/beg simen.

Saya jangka barang-barang yang lain akan terus meningkat. Itulah sebabnya yang saya katakan tadi barang-barang ini mestilah dikawal dengan lebih rapi tetapi pihak pembekal ataupun pengeluar ini jauh lebih baik oleh kerana harganya memang sebagaimana yang diberikan oleh pihak kerajaan tetapi ditambah dengan kos-kos yang lain, yang langsung dulunya tidak ada, yang langsung ia tidak dapat diterima oleh pihak pengguna. Tetapi apakan daya oleh kerana kita sebagai seorang kontraktor telah mengikat janji - 'Aku Janji' dengan *client* kita, dengan izin, bahawa kita akan menyiapkan kerja-kerja ini sebagaimana yang telah ditetapkan tarikhnya kalau barang-barang ini tidak sampai sudah tentu kita akan menghadapi satu kegagalan di dalam menyempurnakan kontrak kita di antara seorang kontraktor dengan seorang *client*.

Oleh yang demikian, saya memohon pihak kerajaan cara manakah perkara ini dapat diawasi dengan begitu yakin dan ketat sebab perkara ini sudah dimaklumkan dan dengan izin, *open secret*, iaitu barang ini dijual jauh lebih tinggi daripada harga yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kita mengetahui bahawa ketetapan harga ini, Pegawai Penguatkuasa pun mengetahui bahawa pengguna membeli barang-barang ini jauh lebih tinggi daripada harga yang telah dikatakan tadi.

Saya ingin mencadangkan bahawa bagaimana di bawah ini boleh dimasukkan bahan-bahan *marked* dalam seksyen 5, supaya di cop beg-beg simen, papan-papan *plywood*, ataupun bahan-bahan kawalan ini supaya ia merupakan bahan-bahan dengan harga yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, saya tidak begitu yakin ia boleh dikuatkuasakan sepenuhnya sebagaimana berada dalam pasaran.

Saya merayu dan memohon pihak kerajaan bahawa jumlah ini bukanlah jumlah yang kecil. Tiap-tiap satu kontraktor mungkin menggunakan sejumlah 10,000 tan bagi sesuatu projek, 20,000 metrik tan simen, 10,000 keping *plywood* dan bahan-bahan lain. Kalau ada lebih kurang

dalam RM15 bilion projek sudah tentu ia akan meningkat dengan lebih tinggi dan akhirnya yang akan menanggung kerugian adalah pihak kerajaan juga oleh kerana kos sudah naik, maka sudah tentu kontraktor tidak dapat melaksanakan projeknya sebagaimana kualiti dalam masa yang telah ditetapkan. Kita juga mengetahui pihak kerajaan daripada RM15 bilion ini sudah tentu dapat membuat satu andaian berapa banyakkah simen yang akan diperlukan dalam masa yang terdekat ini, banyak manakah besi yang akan digunakan dan bahan-bahan yang lain.

Saya juga berharap supaya pihak kerajaan dapat memberi satu amaran ataupun makluman dulu kepada pihak-pihak pembekal dan pengeluar supaya mengeluarkan mengikut kadar-kadar yang tertentu. Janganlah hendaknya yang mana pada lazimnya tiap-tiap kali kerajaan membuat sesuatu pengumuman projek yang begitu banyak dan besar, kenaikan harga barang sentiasa menjadi satu perkara yang lazim dibuat oleh pihak pembekal. Janganlah pembekal-pembekal ini mengambil untung di tengah jalan oleh kerana kerajaan membuat satu pengumuman di dalam memberi rangsangan kepada ekonomi yang sedang berlangsung sekarang ini, yang agak merasa begitu ketat dan gelap dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan tambahan kepada barang-barang yang saya katakan tadi, pihak kerajaan juga boleh menambah jenis barang-barang yang lain yang dapat dikawal yang dikeluarkan dalam negara kita sendiri ini supaya dimasukkan di bawah kawalan Akta ini. Mungkin telah ada, tetapi saya memohon supaya barang-barang yang lain, yang perlu diadakan di dalam industri ini boleh ditambah untuk menjadi bahan-bahan kawalan supaya harga-harga ini dapat dikawal dan dirancang oleh pihak kerajaan dengan lebih teratur dan tersusun.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hanya mengkhususkan kepada bahan-bahan kawalan dalam industri binaan. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi. Cik atau Puan Mumtaz?

**Puan Mumtaz Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk merujuk kepada *page 7* di bawah huraian di bawah Subseksyen baru 2A di mana *wording* digunakan dengan izin membenarkan mana-mana pegawai bekalan untuk membawa bersama-sama mana-mana orang lain atau pelengkapan sebagaimana yang difikirkannya perlu apabila memasuki mana-mana premis. Saya mohon maaf kepada Dewan yang mulia kerana saya tidak dapat merujuk kepada Akta ibu, walau bagaimanapun berdasarkan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, saya nampak ada sedikit *loose* iaitu dengan izin perkataan sebut mana-mana orang lain.

Sebab sebelum ini dalam semua akta yang dicadangkan ini saya ambil contoh di Pindaan seksyen 10 akta Ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "*authorize in that behalf by the controller in writing or any police officer or*" dengan perkataan *any police officer not below the rank of inspector or any.*" So, penggunaan *authorize* dalam seksyen

ini, saya rasa perlu daripada kita membenarkan seksyen ini dibaca dengan secara meluas, iaitu mana-mana orang lain, tanpa masukkan perkataan *authorize person*, sebab dalam kes ini saya rasa apabila kes ini dibawa ke mahkamah, dari segi teknikalnya kita akan menghadapi banyak masalah apabila mana hakim terpaksa memutuskan pula siapakah dan apakah pertimbangan untuk membenarkan orang lain turut sama dalam kes-kes melibatkan serbuan ke premis-premis terutamanya untuk meninjau ataupun melihat tempat-tempat yang dikhuatiri ada menyorok barang-barang kawalan.

Jadi perkataan mana-mana orang lain itu perlu mungkin dikecilkan sedikit skopnya dengan memasukkan perkataan *authorize person* dan yang kedua saya juga mohon kepada pihak kementerian sekiranya tidak ada dalam akta Ibu untuk juga memasukkan takrif 'pelengkapan' iaitu pelengkapan sebagaimana yang difikirkan perlu sebab memandangkan kepada keadaan mungkin keseriusan tentang kawalan bekalan pada masa hadapan, kemungkinan pegawai-pegawai yang membuat serbuan ataupun semakan kepada mana-mana kedai, perlu membawa senjata atau *item-item* lain yang perlu. Jadi takrif 'pelengkapan' itu perlu dimasukkan di bawah interpretasi di bawah Akta Bekalan ini, sebab perkara ini akan memberikan masalah sekiranya benda ini di bawa ke mahkamah.

Dari segi keseriusan perkara yang berlaku. Saya rasa keadaan catuan ataupun bekalan ini bukan masalah Malaysia sahaja, tetapi masalah dunia. Jadi sekiranya kita merasakan bahawa keseriusan keadaan ini berlaku di negara kita, kemungkinan Akta Rang Undang-undang Bekalan Pindaan ini bukan sahaja kita letakkan di bawah *Civil Jurisdiction* dengan izin, mungkin kita boleh juga bawa kepada *under criminal jurisdiction* sebagaimana *Domestic Violent Act* dengan izin iaitu dibaca bersama dengan mana-mana kanun jenayah. Dalam kes ini sekiranya kita memandangkan hukuman *compoundable* dalam kes kawalan bekalan ini tidak mencukupi untuk menegah orang ramai daripada menyorok barang, kemungkinan perlu ditambah satu Seksyen bahawa mana-mana akta ini boleh dibaca bersama dengan mana-mana kanun keseksaan.

Ini mungkin akan dari satu sudutnya akan memberi pengajaran kepada orang-orang yang mungkin berniat untuk menyorok barang-barang kawalan. Saya juga mohon kepada kementerian untuk membuat dan sekiranya mengemukakan apa-apa perbandingan undang-undang ini, dengan undang-undang yang dipakai di negara-negara lain khususnya dalam kes melibatkan kawalan bekalan. Sebab ini merupakan masalah serantau dan masalah dunia. Kemungkinan apa yang telah dibuat oleh negara-negara yang lebih maju dan lebih terhadap daripada kita boleh dipelajari sebelum kita dengan mudahnya ataupun dengan senangnya meluluskan kawalan bekalan ini tanpa dapat kita laksanakan atau kuatkuasakan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon sekiranya cadangan penggunaan NANO di benarkan, pembuktian penggunaan NANO dalam diesel, bukan sahaja perlu, tetapi saya juga

merasakan bahawa kesedaran kepada orang ramai, yang mungkin menjadi pengadu iaitu orang awam dalam kes ini, adalah perlu sekiranya kerana kebanyakan kes-kes yang melibatkan kawalan bekalan, kebanyakannya barang-barang kes akan dilupuskan, contohnya mungkin minyak, mungkin gula. Bekalan ini mungkin tidak boleh disimpan selama 10 tahun. Jadi sekiranya dilupuskan, penyaksian orang awam semasa memberi keterangan di mahkamah itu akan mempengaruhi keputusan kes walaupun perkara ini kita tidak boleh buat secara spesifik, tetapi kesedaran orang ramai tentang kepentingan mereka menyatakan dengan terperinci apa yang mereka lihat ataupun apa yang mereka adu adalah lebih penting diberi kesedaran kepada orang ramai.

Saya juga mohon kepada pihak kementerian untuk meletakkan beberapa garis panduan sekiranya terdapat perubahan fizikal terhadap barang-barang ataupun artikel yang telah diselidik, contohnya dimasukkan teknologi NANO, kemungkinan ada berlaku perubahan fizikal kepada barang tersebut. Bagaimanakah di mahkamah kita dapat buktikan dari segi *content* ataupun barang ini kerana kebanyakan saya rasa kalau dari segi minyak tidak boleh kita bawa ke mahkamah, lori-lori *tanker* itu semua, jadi perkara ini perlu garis panduan bagaimana kita hendak membuktikan dari sudut *content* bahawa perkara tersebut memanglah yang menjadi boleh kita katakan kes ini dibawa dengan lebih kemas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada apa yang telah dinyatakan oleh senator tadi berkenaan dengan *effect* kepada sektor pembuatan atau pembinaan serta perkilangan iaitu dari sudut *agreement*, dari sudut perjanjiannya bila mana berlaku perubahan kawalan harga, kemungkinan pihak kontraktor atau pihak *developer* atau pihak pekilang tidak akan dilindungi pada masa mereka ingin menaikkan harga apabila harga barangan tersebut tiba-tiba dikawal selepas sesuatu perjanjian ditandatangani. Apakah *remedy* yang boleh ditawarkan oleh pihak syarikat atau pihak kerajaan khususnya untuk melindungi pengguna ataupun pekilang dalam menaikkan atau menambah harga daripada apa yang telah disebutkan sebelum ini daripada *agreement-agreement* yang telah pun ditandatangani, sekian. Dengan demikian saya pohon untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**4.46 petang**

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Bekalan Pindaan ini. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa semua isu yang berkaitan dengan barang-barang yang di bawa Akta Bekalan ini adalah isu-isu yang hampir kepada rakyat kerana ianya memberi kesan secara langsung kepada rakyat dan kehidupan seharian mereka.

Masalah yang kita hadapi hari ini, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana tidak pernah jemu mencari jalan untuk mengatasi masalah penyelewengan pelbagai teknologi digunakan, malahan berjuta-juta ringgit dibelanjakan. Tapi malangnya keberkesannya masih ditakuk lama lagi. Apa sebenarnya yang berlaku kerana kegagalan membanteras, adakah kerana kegagalan ini adalah kerana pembanteras dalang dan ketua sindiket kita dan kita takut apabila kita siasat korek dengan lebih mendalam lagi, kes-kes sebenarnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi sebenarnya dalangnya adalah orang dalam.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ada sahaja isu seperti kekurangan gula, pihak kementerian akan menyatakan bahawa masalah ini dapat diatasi dan ianya berlaku kerana masalah yang dihadapi oleh pengusaha, pengilang atau bahan mentah tidak mencukupi. Yang peliknya masalah ini selama ini tidak pernah berlaku. Masalah gula tidak pernah kita hadapi, sejak beberapa tahun yang lalu. Tetapi, apabila sahaja masalah kenaikan harga minyak, masalah ini mula timbul. Tetapi, apabila harga minyak naik, mulalah pihak berkenaan menyatakan masalah bahan mentah, kerajaan kena cemburulah sedikit kepada pihak kerajaan dan kementerian, cemburu sedikit kepada pegawai, pengusaha atau peniaga, janganlah dengar bulat-bulat dengan mereka ataupun cakap mereka, kerana kita bimbang jawapan yang diberikan oleh pihak menteri melalui akhbar ataupun daripada jawapan yang diberikan pagi tadi seolah-olah jawapan atas meja dan seolah-olah macam jawapan budak sekolah menengah atau jawapan kontrak atau jawapan ikut akal tetapi tanpa penyelidikan yang lebih mendalam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang peliknya subsidi minyak diberi kepada pengusaha, sorok tetap sorok. Jadi apa guna kerajaan mewujudkan minyak subsidi, subsidi pelan tetapi penipuan terus berleluasa kerana mereka tahu bahawa apa yang mereka buat ada orang lindungi mereka kerana penguasaan yang tidak ketat ataupun undang-undang hukuman yang mudah dibeli, inilah sebenarnya punca utama kegagalan kerajaan untuk membanteras dan sekali gus untuk membantu pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut masalah penjualan minyak subsidi, khasnya berlaku pada mereka-mereka yang berada di luar bandar, kita amat hairan dan pelik kerana kalau kita fikir, mereka ini tidak sepanjang mana akalnya dan saya pasti dengan adanya penguat kuasa, dengan adanya khidmat yang baik daripada semua sekali, saya percaya bahawa perkara ini akan dapat diatasi kerana saya yakin bahawa dalangnya sebenarnya daripada mereka-mereka yang berjawatan yang lebih tinggi daripada pemilik-pemilik lesen minyak subsidi ini.

Hari ini kita tengok bila sebut sahaja kerajaan memberikan minyak subsidi, yang saya pelik dan hairan kerajaan telah mengkategorikan siapakah yang berhak untuk mendapat minyak subsidi ini, tapi hari ini rata-rata di setiap stesen minyak mereka mengeluarkan borang-borang kepada siapa-siapa yang ingin memohon atau pun mendapatkan subsidi minyak ini.

Adakah tidak ada pengawalan yang dibuat oleh kerajaan atau pun kementerian berkenaan. Mengapakah stesen-stesen minyak ini secara berleluasa boleh mengeluarkan borang-borang yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal mereka. Kenapa ini berlaku, adakah tidak ada penyekatan yang dibuat oleh kerajaan? Kita bimbang betul kerajaan ada kategori-kategori yang diberikan subsidi minyak tetapi kita bimbang bila banyak sangat borang sampai ke pihak kementerian. Bila kepala kita dah naik pening, orang yang tidak sepatutnya diluluskan kita terpaksa meluluskan dengan secara sengaja atau pun tidak sengaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah masalah yang tak berapa jelas. Nak tuduh tak berani, tapi kalau tak tuduh masakan masalah ini sentiasa berterusan berlaku. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang jelas macam penindasan yang berlaku hari ini, kenaikan harga petroleum dan diesel pada 28 Februari 2006 yang lalu jelas telah memberi kesan yang besar kepada rakyat.

Tetapi saya rasa syarikat-syarikat petroleum tidak terjejas kerananya. Syarikat-syarikat petroleum ini tetap untung kerana harga petroleum yang semakin tinggi. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai cara syarikat-syarikat petroleum ini terutamanya syarikat-syarikat petroleum asing di negara ini yang menawarkan *dealership* dengan izin kepada usahawan-usahawan tempatan. Saya berpendapat bahawa syarikat-syarikat petroleum ini berat sebelah dalam syarat-syarat kontrak *dealership* dengan izin yang ditawarkan pada pengusaha-pengusaha tempatan.

Melalui pengalaman saya, kandungan kontrak ini perlu diteliti semula dan perlu mengambil kira faktor-faktor tertentu terutamanya apabila pengusaha stesen minyak itu meninggal dunia secara tiba-tiba. Kerana ini memberikan kesan secara langsung kepada keluarga pengusaha stesen minyak tersebut. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberikan contoh, umpamanya hari ini kita tahu bahawa di setiap kawasan di setiap bandar, kadang-kadang tidak ada penguatkuasaan atau pun tidak ada pengawalan oleh pihak kerajaan.

Kalau dalam satu lorong, dalam satu jalan yang tak sampai pun 20km terdapat lebih kurang 10 atau pun 4 stesen minyak. Maksudnya bila ini pembekal dia untung kerana kerja dia membekal. Yang rugi pengusaha. Pengusaha ini rakyat tempatan. Pembekal ini bukan semestinya rakyat tempatan, pengusaha ini adalah rakyat tempatan. Bila satu jalan yang lebih kurang 10km, ada sampai 3 stesen minyak berapa hasil yang mereka dapat? Sedangkan hasil pengusaha-pengusaha stesen minyak ini melalui jualan dia. Dia punya keuntungan melalui komisen dia. Komisen yang dia dapat melalui jualan berapa liter yang dia jual dalam masa sehari, berapa dalam masa sebulan. Itulah sebenarnya hasil mereka yang terpaksa juga diberikan kepada beberapa.

Pertama kepada pekerja, kedua kepada insurans. Kalau dahulu semua stesen minyak dibantu oleh pembekal-pembekal. Hari ini separuh-separuh. Malahan ada 75 kepada pengusaha, 25 peratus sahaja yang dibuat oleh pembekal. Dan juga kadang-kadang risiko yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha hari ini ialah mereka terpaksa berhadapan dengan pencuri-

pencuri atau pun pekerja-pekerja yang tak amanah. Jadi maknanya bila satu jalan asalnya satu sahaja stesen minyak pada awalnya dia boleh untung kerana sepenuh jalan itu milik dia.

Hari ini tubuh lagi, esok tubuh lagi, tambah lagi tempat. Makna bila itu kawasan jalan yang digunakan pengguna kenderaan itu sama bilangannya tetapi terpaksa daripada seorang dapat terpaksa diagihkan kepada tiga hanya kerana kementerian menerima permohonan daripada pembekal-pembekal. Kerana hari ini syarat yang diberikan bahawa stesen minyak nak buka mesti ada surat daripada pembekal. Hendak *renew* lesen pun mesti pembekal yang menentukan boleh layak atau tidak pengusaha ini *merenewkan* lesen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang nak saya perkatikan hari ini ialah tentang kos yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha stesen minyak. Yang menyatakan bahawa ini ialah sistem *dealership*. Bila kata *dealership* itu meninggal, pengusaha itu meninggal, maka dengan sendirinya stesen minyak itu akan diambil alih atau pun dipulangkan kembali kepada pembekal. Sedangkan kita tahu bahawa yang mengusahakan stesen minyak itu namanya seorang kerana syarat yang diberikan tak boleh dua nama, tak boleh tiga nama. Satu nama sahaja, nama peribadi. Syarikat peribadi, syarikat perseorangan sahaja yang dibolehkan. Tak boleh nama anak nama isteri dan sebagainya.

Tapi bila mati, maknanya *out*. Matilah engkau dengan segala-gala hak engkau, dengan segala-gala harta engkau. Jadi ini akan menyusahkan keluarga si pengusaha stesen minyak tersebut. Kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu si mati itu tinggalkan harta atau tinggalkan hutang atau hanya tinggalkan anak sahaja. Kita tidak tahu. Bila kata meninggal sahaja si pengusaha stesen minyak, dengan sendirinya pembekal akan menghantar surat dalam masa dua minggu. itu paling lewat. Paling cepat seminggu. Memberitahu bahawa dengan sendirinya stesen minyak ini terpaksa ditutup.

Ini bila dah meninggal ini tengah sedih ini, dalam masa seminggu dua minggu diberi surat, stesen minyak terpaksa ditutup. Ditambahkan lagi kesedihan kepada pengusaha minyak. Jadi saya harap kepada kerajaan atau pun kepada pihak kementerian supaya tengok perkara ini, jangan sampai bila seseorang itu meninggal, maka tidak boleh diberikan kepada waris. Ia mesti ditutup. Setelah ditutup..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada stesen minyak ke?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya bercakap untuk semua, untuk keseluruhan yang menghadapi masalah yang sama. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mungkin tak terbaca oleh pihak kementerian. Saya tak kata kementerian tak betul, tapi saya kata mungkin kementerian tak terbaca bahawa syarat-syarat yang dikenakan adalah syarat-syarat berat sebelah yang boleh mendatangkan manfaat hanya pada satu pihak, tapi merupakan penganiayaan pada satu pihak yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kaitlah sikit dengan subsidi diesel itu. Kalau pun nak berucap mengenai *dealership*, kaitkanlah sedikit perbahasan dengan subsidi diesel dan kawalan terhadap diesel.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Ini antara-antara faktornya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya ada kaitan dengan Rang Undang-undang.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tadi saya dah nyatakan bahawa antara subsidi sebab-sebab tadi yang masa saya sebut tentang stesen minyak yang mengeluarkan borang-borang subsidi. Dia seolah-olah macam raja pula, dia pula boleh keluarkan borang siapa yang nak dapatkan minyak subsidi sedangkan kita tahu minyak subsidi untuk siapa. Bukan untuk semua orang. Minyak subsidi bukan untuk semua, bukan untuk semua. Kalau begitu saya meniaga kontrak *air-cond*, saya boleh dapat minyak subsidi ke? Tidak mesti kerana saya bukannya meniaga untuk orang lain tetapi saya meniaga untuk diri saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bila Tuan Yang di-Pertua dah tegur ini, ini yang lari itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, bukan maksud saya. Maksud saya ialah supaya imej Yang Berhormat terus meningkat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita tengok kepada pembekal-pembekal stesen minyak hari ini. Ada yang kementerian sibuk dok katakan bahawa mereka ini menjual minyak mereka kepada syarikat-syarikat industri atau pun kilang-kilang. Benda ini berlaku, tapi kadang-kadang ianya berlaku dengan dorongan atau pun persetujuan oleh pembekal tersebut. Maknanya dia lebih suka kerana bila kita jual di dalam stesen minyak kita sendiri Tuan Yang di-Pertua, tidak seberapa banyak yang kita dapat Tuan Yang di-Pertua.

Tapi kalau kita jual kepada industri secara gelap, maknanya harga mereka itu lain, kita dapat jual dengan lebih yang boleh mendatangkan keuntungan kepada stesen minyak tersebut. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya mohonlah kepada pihak kementerian untuk melihat semula dan berunding dengan syarikat-syarikat petroleum ini supaya lebih prihatin kepada permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha stesen minyak dan juga pada permasalahan yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya pihak kementerian apa sebenarnya fungsi atau pun ejen pemantau. Sekarang ini kita dengar ramai terutama di kalangan wanita. Konon-kononnya wanita menjadi pemantau kerana mereka adalah merupakan pengguna yang tertinggi atau pun memang biasanya wanita ini jadi macam Menteri Kewangan di rumah. Dia belanja dan sebagainya, suami hanya tahu cuci kaki. Jadi bila ini wanita diberikan penghargaan.

Keutamaan, diberikan pengiktirafan, dilantik sebagai pemantau-pemantau dan saya percaya ada di kalangan kita pun yang ramai menjadi pemantau.

Tetapi masalah yang dihadapi oleh kita, kita diberikan jawatan sebagai pemantau, diberi pengiktirafan, diberikan sijil dengan semolek-moleknya tetapi malangnya tidak berkuasa. Makna kita tidak boleh pantau harga barang-barang. Bila kita pantau, kita juga kena ikut saluran bagaimana aduan yang boleh dibuat oleh pengguna-pengguna yang lain. Saya mengharapkan kepada kementerian supaya dapat memberikan sedikit kuasa kepada pemantau-pemantau ini. Bukan mereka ini melebihi kuasa tetapi memberikan kuasa cara yang termudah untuk mereka membuat laporan-laporan kerana kita tahu, hari ini kalau kita tengok di kedai-kedai yang buka 24 jam, kadang-kadang harga barang-barang mereka ini walaupun kita tahu mereka buka 24 jam, mereka memberikan perkhidmatan yang baik tetapi kadang-kadang harga yang dinaikkan ini tidak mengikut harga kawalan yang diberikan.

Selain daripada Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mewujudkan penguatkuasaan yang lebih ramai lagi bukan sahaja dari segi kekurangan barang, penyorokan barang, kenaikan barang tetapi hari ini bila kata barang itu barang kawalan, mereka tidak naikkan harga. Tetapi bak kata Datuk Ngah tadi, pencuri lebih pandai daripada polis. Mereka mainkan dari segi sukatan.

Pernah suatu ketika kita tengok, daripada roti sebesar ini [*menunjukkan genggam*] diturunkan sebesar ini. [*kecil sedikit saiznya*] Kita minta bahawa pemantauan ini bukan sahaja daripada laporan yang dibuat khasnya macam tadi, gula yang kurang, tetapi pemantauan juga harus dibuat kepada penyalahgunaan sukatan yang diberikan kepada orang ramai kerana inilah di antara kawalan-kawalan yang harus dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sepatutnya peranan ini haruslah dilaksanakan dengan lebih bijaksana dan kita mengharapkan supaya pihak kerajaan dapat mempercepatkan lagi segala tindakan-tindakan seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Fuad tadi kalau dapat disebat, disebatlah kepada mereka yang salah ataupun menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tidak ada siapa. Sila Yang Berhormat menjawab serta menggulung perbincangan.

**5.04 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

mengambil bahagian perbahasan pada petang ini. Saya cuba habiskan jawapan saya sebelum pukul 5.30.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh rumuskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dibahagikan kepada tiga bahagian:

- i. tentang bagaimana penggunaan *nanotech* ini;
- ii. tentang kenaikan harga barangan; dan
- iii. tentang isu harga gula.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini kita membentangkan suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Kawalan 1961 ini bertujuan untuk menangani penyelewengan ke atas barang-barang yang bersubsidi khususnya yang kita sebut tentang diesel bersubsidi, iaitu apabila kita kata *nanotech* yang akan diimplementkan, ini bermakna kita tumpu kepada diesel bersubsidi.

Walaupun di bawah Seksyen 5 ia memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengisytiharkan barang-barang atau makanan-makanan yang boleh dikategorikan di bawah barangan kawalan, tetapi pada hari ini kita tumpukan perhatian kepada *nanotech* ini yang boleh membantu untuk menangani penyelewengan tentang diesel bersubsidi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi ada sebut tentang kementerian telah pun mengenal pasti satu teknologi yang dinamakan teknologi *nanotech* yang merupakan penggunaan penandaan terselindung dan hanya dapat dikesan penggunaan *antibody*. Ini bermakna ujian yang dijalankan dapat mengesan kewujudan *nanotech* ke tahap paling minimum di dalam diesel. Teknologi ini juga dapat mengesan sebarang saki baki *nanotech*, walaupun sudah berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk membuang kesan *nanotech* daripada bekas ataupun tangki simpanan.

Pengukuran ini dapat kita kesan lebih 5% kewujudan *nanotech* dan dapat dilakukan di tempat kejadian. *Nanotech* juga dalam bentuk cecair dengan kuantiti yang rendah dimasukkan sebagai penanda ataupun *marking* dalam punca bekalan diesel bersubsidi di depot-depot minyak. Bagi tujuan mengesan, *sample* diesel ini akan diambil dan jika dari hasil uji kaji menunjukkan satu jalur merah, ini menandakan tanda positif, iaitu diesel berkenaan adalah diesel bersubsidi dan seterusnya tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang tidak layak menggunakan diesel berkesan ini.

Tadi Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi ada bertanya mana satu syarikat yang diberi untuk menjalankan *nanotech* ini, banyak soalan telah pun ditanya dan saya ingin memaklumkan di sini ialah ujian rintis telah dijalankan oleh Syarikat Teras Kimia Sendirian Berhad, iaitu syarikat yang dipilih untuk menjalankan ujian rintis teknologi *nanotech* selama tiga tahun.

Teknologi *nanotech* dapat membezakan diesel bersubsidi dengan diesel untuk kegunaan industri dan teknologi ini dapat mempercepatkan *identification* dari kedua-dua jenis minyak tersebut dan tindakan susulan dapat diambil dengan pantas dan berkesan. Ini bermakna kita melalui syarikat ini dan telah diberi pengakuan iaitu lepas satu tahun ke satu tahun, dalam lima tahun kita akan kaji balik tentang kegunaan *nanotech* ini.

Tentang keberkesanan *nanotech* ini, keadaan telah pun diguna pakai sama ada soalan bertanyakan negara mana telah pun dijalankan....

**Tuan Lee Sing Chook:** Minta laluan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya habiskan ini dahulu. Soalan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi bertanya tentang mana negara telah pun dipraktikkan ataupun menjalankan *nanotech* ini. Sukacita dimaklumkan bahawa kaedah ini telah pun diguna pakai di Amerika Syarikat, Amerika Selatan, Afrika Selatan, Eropah, Asia Timur dan India telah pun menjalankan *nanotech* ini.

Mengatakan bahawa sama ada kerajaan membelanjakan sejumlah wang ini berbanding dengan kerugian ataupun penyeludupan yang berlaku di negara ini, dan sukacita saya maklumkan ialah kita dapat menjimatkan RM3.1 bilion apabila kita dapat melakukan *nanotech* ini dan kerajaan akan berbelanja RM117 juta setahun untuk kita menjalankan projek *nanotech* ini.

Kita dapati bahawa melalui teknologi *nanotech* ini, ia lebih stabil, dia tidak boleh dibuang setakat minimum pun dia tidak dapat dibuang. Dalam erti kata kita dapat mengesan kalau lebih kurang 5% pun kita dapat kesan melalui *nanotech* ini dan didapati ia tidak akan merosakkan enjin kenderaan. Maka kita rasa melalui teknologi ini dapat kita memberi manfaat dan juga kebaikan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan RM175 juta yang akan dibelanjakan untuk projek ini, saya hendak tahu berapa banyakkah wang itu dibayar kepada syarikat itu, syarikat yang disebutkan tadi, royalti atau berapa juga perbelanjaan itu dibelanjakan untuk penguatkuasaan yang lain, untuk analisis dan sebagainya. Berapakah kita berikan? Adakah bayaran itu sekali gus atau setiap tahun kita kena bayar sejumlah wang itu. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya sebutkan tadi, 100 lebih juta ringgit 117 juta ringgit ini adalah setiap tahun dan *breakdown* ini memang saya tidak dapat, saya bagi kalau minat mungkin saya boleh beri secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya ingin ucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang sebut tentang kenaikan harga, walaupun tujuan kita bahaskan Rang Undang-Undang ini tidak ada kaitan dengan kenaikan harga tetapi saya rasa perlu kita beri sedikit penjelasan tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kementerian memang akui, memang ada sedikit sebanyak peningkatan tentang harga barangan di pasaran dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, sama ada anggota ataupun *manpower* di kementerian ini cukup atau tidak untuk kita menghadapi cabaran-cabaran yang baru dan harus kita menangani perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan sukacita dimaklumkan bahawa kementerian memang mengambil berat tentang perkara ini. Selain daripada kita dari semasa ke semasa kita menambah anggota

penguatkuasaan ataupun pegawai-pegawai penguat kuasa di kementerian. Dahulu kita mempunyai 1,429 orang dan kita bercadang untuk menambah 745 orang lagi untuk menjadikan 2,174 orang pegawai-pegawai penguat kuasa. Tetapi sementara hari ini kita cuma mengadakan 1,823 orang yang akan bertambah lagi sampai 2,174 orang, akhirnya kita dapat capai jumlah ini.

Selain daripada itu, kementerian memang menjalankan banyak peperiksaan sebenarnya. Kalau saya lihat dari segi angka yang saya ada ini memang mulai tahun ini sampai sekarang kita menjalani 602,000 dari pemeriksaan di seluruh negara. Di antaranya kita dapati ada 8,000 lebih kes, 8,125 kes yang mana kementerian telah pun mengambil tindakan terhadap berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan oleh pihak peniaga. Saya akui bahawa setakat anggota penguatkuasa di kementerian memang tidak cukup untuk kita menangani masalah ini dan saya juga harap dari segi laporan daripada orang awam.

Kita menyediakan banyak kemudahan misalnya atau toll-free untuk memberi bagi orang awam untuk memberi atau pun mengadakan memberi aduan, ataupun melaporkan sesuatu kes yang berlaku. Saya ingin memaklumkan di sini ialah toll-free kementerian ini ialah 1-800-88-6-800, 24 jam talian bebas. Untuk memudahkan lagi kita mempunyai SMS juga iaitu 36663 untuk membenarkan orang awam untuk memberi laporan kepada kementerian. Di seluruh negara kita, setiap negeri kita ada ibu pejabat di setiap negeri dan 40 lebih cawangan di seluruh negara. Maka orang awam juga dapat memberi laporan ataupun membuat aduan kepada pejabat-pejabat yang ada di pejabat-pejabat di negara kita ini.

Saya ingin memaklumkan di sini ialah memang tidak benar kalau cuma melalui TV3 sahaja dapat kita menyelesaikan masalah. Mungkin macam saya sebutkan tadi 602,000 kes yang kita menjalankan pemeriksaan mungkin kita tidak mendedahkan kepada media massa untuk menjalankan tugas ini. Walau bagaimana pun saya ingin menumpukan di sini selain daripada usaha pihak kementerian dan pihak orang awam juga dapat membantu dan apa yang penting ialah pengguna sendiri sebab kalau ikut kementerian, tiap-tiap hari di seluruh negara kita ada 63 pusat mengutip harga atas 255 jenis barangan.

Dia kata tiap-tiap hari kita memantau, 255 jenis barangan keperluan di seluruh negara dan walaupun kita menjalankan penguatkuasaan, saya percaya lebih berkesan ialah selain daripada kita menjalankan tugas untuk menjalankan penguatkuasaan. Mewujudkan kesedaran juga penting di kalangan masyarakat supaya rakyat lebih sedar tentang kuasa mereka, dan kalau boleh saya rasa selain daripada kita mengadakan program kesedaran kita juga melancarkan program-program misalnya beli harga barangan rendah, beli barangan harga rendah dan juga kita melancarkan kedai pilihan rakyat supaya rakyat dapat membezakan ataupun menggunakan kuasa mereka untuk memilih barangan yang lebih melibatkan harga yang lebih berpatutan. Saya percaya lebih berkesan ialah pengguna sendiri menjalankan ataupun melaksanakan dan memainkan peranan mereka untuk menjadi seorang pengguna yang disebutkan sebagai pengguna bijak supaya.....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ia lebih mudah untuk kita menyelesaikan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, ya sila.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Berkaitan dengan *toll-free* tadi, kebiasaannya *toll-free* berlaku apabila kita telefon daripada rumah, 1-300-88 dan nombor - tetapi kalau *toll-free* ini kalau kita pakai biasanya daripada telefon bimbit *it is not toll-free*, tidak akan boleh pihak kementerian buat panggilan daripada telefon bimbit menjadikan ia *toll-free*, sebab daripada telefon bimbit kita kena bayar. Jadi kebanyakan kes-kes ini yang kita nampak di hadapan, mestilah adanya tidak ada di telefon rumah. Jadi saya pohon mungkin saya salah tetapi saya panggil dua, tiga kali *toll-free* saya kena bayar dia punya sebab dari telefon bimbit ini bunyi macam *toll-free* tetapi sebenarnya tidak *toll-free* sebabnya, kesalahan yang dilakukannya biasanya di depan mata kita digunakan telefon bimbit, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ada pengguna menggunakan telefon bimbit ini kita ada SMS seperti saya sebutkan tadi, saya akan semak balik sama ada kalau melalui telefon bimbit ini kalau panggilan talian bebas ini 1-800-886-800 ini dikenakan bayaran mungkin saya minta pegawai *check* perkara ini. Kalau hendak mungkin kita cuba hendak mencari jalan untuk mengatasi supaya melalui telefon bimbit pun tidak akan mengenakan caj untuk membuat sesuatu aduan tetapi sekurang-kurangnya melalui SMS pun sudah ada kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu gula ini Yang Berhormat Menteri sendiri mengambil berat tentang perkara itu pun dia pilih untuk datang ke Dewan Negara pada pagi ini untuk menjawab soalan ini dan saya walau pun banyak bahan hendak untuk kita hendak bentang di sini tetapi saya rasa apa yang telah disebutkan oleh menteri itu memanglah cukup untuk kita beri penjelasan. Tetapi segala perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi saya rasa kita akan catit juga kalau perlu ambil tindakan selanjutnya. Kita akan memastikan perkara-perkara yang disebut ini dapat kita atasi dan kementerian memang tiap-tiap hari kalau ikut laporan.

Walaupun saya percaya kalau saya sebut laporan pun Yang Berhormat pun berkata setakat laporan tidak cukup, apa yang kita hendak sama ada itu berkesan ataupun tidak saya faham dari segi itu. Maka kementerian akan berusaha sedaya-upaya melalui di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri sendiri kita mengadakan mesyuarat demi mesyuarat untuk kita mengatasi masalah ini. Saya percaya dengan adanya kerjasama dari semua pihak bukan setakat kita memantau dari segi kilang gula, pengedar utama, pemborong dan peruncit, kita akan pastikan pegawai kita yang menjalankan tugas ini benar-benar dapat menangani masalah yang ditimbulkan sebentar tadi.

Cuma tadi Yang Berhormat Datuk Haji Roslan yang bangkit tentang bekalan simen dan juga besi keluli ini, saya memang setuju. Saya rasa saya pun pernah dapat aduan seperti ini maka saya tadi sudah buat catatan dan juga meminta pegawai supaya *check* perkara ini dengan benar-benar kalau ada berlakunya penyelewengan maka kementerian akan tetap menjalankan tugas dan juga mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang tidak menjalankan ataupun melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta ini.

Satu lagi tentang Yang Berhormat Puan Mumtaz yang mengatakan bahawa ada seksyen-seksyen yang misalnya seksyen 9(2A) yang menyebutkan mana orang lain, kenapa tidak dikatakan *authorized person* dan sebagainya sedangkan di perenggan (d) Fasal 7 yang memasukkan subseksyen (2A) yang baru membenarkan mana-mana Pegawai Bekalan membawa mana-mana orang semasa menjalankan pemeriksaan sebenarnya perkataan diberi kuasa itu tidak perlu lagi kerana secara implikasinya apabila Pegawai Penguat Kuasa membawa orang yang tersebut itu orang itu memang telah pun diberi kuasa secara tersirat untuk kita sama-sama membuat pemeriksaan.

Yang kedua, tentang takrifan 'pelengkapan' ini. Pelengkapan ini tidak ditakrifkan kerana apabila menjalankan pemeriksaan kadang-kadang jenis pelengkapan itu diperlukan bergantung pada keadaan yang berbeza. Ini susah kita hendak tetapkan apa kelengkapan ini dan memerlukan kelengkapan yang kadang-kadang kita kena rujuk kepada *case by case* maka saya rasa ini memang dapat saya jelaskan tentang seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi dan Tuan Yang di-Pertua cuma satu dua perkara yang saya rasa yang saya sekali harung telah pun jawab tentang perkara ini dan saya percaya selain daripada usaha pihak kementerian, saya berharap benar-benar kalau orang awam termasuklah pengguna sendiri termasuklah hadirin dan Yang Berhormat dapat membantu kementerian, sama-samalah kita memikul tanggungjawab ini untuk menghadapi masalah yang mungkin kita hadapi ini. Maka dengan itu saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN  
(PINDAAN)2006**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga**

**5.26 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah berikan huraian sekarang.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966, Akta 389. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006. Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 389 dalam takrif menteri bagi merujuk kepada menteri yang bertanggungjawab bagi Pengajian Tinggi.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 389 untuk menggantikan sebutan mengenai Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Rang Undang-undang ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua saya menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi.

**5.28 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bercakap atau hendak menempah giliran?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Menempah giliran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh pindaan ini kerana pindaan ini menyebabkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan ini memberi fokus bahawa sudah tentulah pinjaman-pinjaman ini nanti akan ditumpukan untuk pinjaman pengajian tinggi dan kita memang tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa bantuan pendidikan adalah menjadi satu isu yang penting kepada negara kita. Ini disebabkan ialah pendidikan di negara kita semakin mahal dan kita masih ramai rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah. Oleh sebab itulah maka bantuan pendidikan menjadi begitu penting dan sebab itu kita lihat sekarang ini ramai ibu bapa yang merancang lebih awal pendidikan anak-anak mereka.

Mereka mengambil apa yang disebut sebagai insurans pendidikan dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa soal tabungan ini adalah menjadi satu perkara yang sudah pun menjadi satu budaya kepada masyarakat kita. Tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua satu masalah yang timbul kita juga masih berhadapan dengan rakyat yang berpendapatan rendah yang miskin yang tidak boleh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa cukup Yang Berhormat boleh teruskan perbahasan secara *definitive debate* esok.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***